



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 185]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 260]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan),
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON @ KUAN PENG CHING (Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN @ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. BIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF @ YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor);
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH @ MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR @ A. S. DAWOOD (Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).

Yang Berhormat TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

„ TUAN WONG YAU KET (Sabah).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid,
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.
Penyunting Kanan: P. B. Menon.
Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.
Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.
Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita

Louis Yeoh Sim Ngoh.
Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Hajjah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Selasa, 16hb April, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PERPUSTAKAAN AWAM DI
PERINGKAT DAERAH**

1. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk memberi bantuan kepada Kerajaan Negeri untuk menubuhkan Perpustakaan Awam di kawasan-kawasan Majlis Daerah memandangkan tidak semua Majlis Daerah ada mempunyai Perpustakaan Awam.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud); Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam usaha menggalakkan peningkatan pengetahuan dan minat membaca rakyat merancang mengadakan lebih banyak kemudahan Perpustakaan Awam di peringkat daerah iaitu melalui penubuhan cawangan dan perkhidmatan perpustakaan bergerak.

Selain dari itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga melalui Jabatan Perpustakaan Negara

bercadang untuk memberi bantuan di bawah Rancangan Malaysia Kelima kepada pihak berkuasa Perpustakaan Awam Negeri yang bertanggungjawab untuk perkembangan dan perluasan perkhidmatan Perpustakaan Awam pada peringkat negeri dan daerah.

**PENJAJA DI BANDARAYA—
KEBERSIHAN**

2. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan perkhidmatan dan kebersihan penjaja-penjaja makanan di Ibu Kota iaitu sama ada bekalan air untuk membasuh pinggan mangkok dan tempat membuang sampah-sampah dan sisa-sisa makanan khususnya di Padang Letak Kereta seperti di medan makan Munshi Abdullah di Kuala Lumpur.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad); Tuan Yang di-Pertua, kebersihan penjaja-penjaja di Wilayah Persekutuan telah menunjukkan kemajuan yang menggalakkan. Berbagai program dan rancangan sedang diatur dan dikaji untuk meningkatkan lagi taraf kebersihan penjaja selaras dengan dasar mengindahkan Bandaraya Kuala Lumpur kita.

Selain daripada mengambil tindakan menyaman, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadakan program penceragaman gerai-gerai dan kereta tolak. Program-program ini telah mendapat sambutan

yang baik. Ini adalah dalam usaha menggantikan gerai-gerai dan kereta-kereta tolak yang beraneka ragam dan bentuk kepada yang baru iaitu daripada gerai kayu kepada gerai aluminium.

Seiring dengan ini Dewan Bandaraya juga sedang mengatur program memakai apron kepada penjaja-penjaja supaya lebih bersih dan kemas. Bagi semua pusat penjaja yang dibuka oleh Dewan Bandaraya, kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, api dan tempat membuang sampah ada disediakan. Namun demikian, pada beberapa tempat tertentu di mana kawasannya sangat sempit dan taraf sementara, tempat membuang sampah tidak disediakan. Adalah menjadi tanggungjawab penjaja membungkus sampah supaya dimasukkan ke dalam karung plastik serta mengikatnya untuk diangkat oleh pekerja-pekerja Dewan Bandaraya yang datang bersama lori mengangkut sampah.

Di Benteng Selera Munshi Abdullah terdapat 8 batang paip untuk kegunaan seramai 85 penjaja. Sehingga kini pihak Dewan Bandaraya belum ada menerima rungutan bahawa air tidak mencukupi. Masalah yang timbul ialah penyalahgunaan air berkenaan serta perbuatan-perbuatan vandalism.

Mengenai masalah sampah-sarap, para penjaja diminta membungkusnya dalam karung plastik untuk diangkut oleh pekerja-pekerja Dewan Bandaraya yang memulakan kerja-kerja pembersihan pada pukul 6.00 pagi setiap hari.

Toh Muda Dr Abdullah Fadil bin Che Wan: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan polisi Kerajaan, Kementerian Wilayah Persekutuan

khususnya berkenaan dengan penempatan pusat-pusat Hawkers' Centre di bangunan-bangunan tinggi di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Setakat ini kita hanya tahu bahawa satu sahaja tempat Hawkers' Centre diadakan di Menara Promet. Mengapakah perkara ini tidak dibuat di semua bangunan tinggi dan adakah kesemuanya gerai-gerai yang ada di sekitar Bandaraya ini dapat ditempatkan di bangunan-bangunan tinggi untuk mengisi Hawkers' Centre di tempat yang tersebut?

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya setiap pembangunan bangunan tinggi yang telah mendapat persetujuan daripada Dewan Bandaraya memangnya bersyarat untuk menyediakan tempat-tempat penjaja-penjaja makanan dan Bangunan Promet merupakan bangunan yang pertama yang telah disyaratkan untuk membuat demikian.

Selain daripada Bangunan Promet beberapa buah bangunan yang lain yang telah sama disyaratkan seperti untuk menyediakan tempat-tempat penjaja juga akan menyediakan kemudahan-kemudahan yang sama apabila bangunan-bangunan tersebut siap.

Bagi bangunan-bangunan yang lain seperti bangunan Perbadanan Nasional Berhad bersama dengan Bangunan Tabung Haji kerana mereka tidak dapat menyediakan kawasan penjaja di dalam bangunan masing-masing, mereka telah bersama-sama dengan Dewan Bandaraya bersetuju untuk membina sebuah pusat penjaja di dalam sebuah bangunan letak kereta yang akan dibina di kawasan tanah belakang kepada kedua-dua bangunan yang berkenaan. Ini merupakan salah satu cara bagi mereka memenuhi syarat iaitu untuk menyediakan kemudahan penjaja di ruang bangunan yang berkenaan kerana kalaulah mereka

tidak dapat menyediakan ruang penjaja di dalam bangunan mereka sendiri, mereka perlulah bekerjasama untuk menyediakan ruang penjaja di kawasan yang berhampiran. Dan penjaja-penjaja yang terlibat di Lorong Binjai umpamanya yang berhampiran dengan Bangunan PNB dan Bangunan Tabung Haji akan dipindahkan kepada bangunan letak kereta itu yang mempunyai kawasan gerai untuk penjaja-penjaja yang berkenaan.

Dari segi sama ada usaha ini akan dapat menampung semua permintaan daripada kalangan penjaja dan akan dapat menghapuskan kegiatan menjaja di lorong-lorong dan di kawasan-kawasan yang lain, saya rasa ini merupakan hanya satu usaha daripada pihak Kerajaan dan tidaklah dapat mengatasi masalah pada keseluruhannya. Bagaimanapun kita mengambil perhatian berat kepada masalah ini kerana suka, tak suka penambahan bilangan penjaja berlaku setiap hari dan walaupun kita menyediakan bagaimana banyak pun tempat-tempat penjaja akan terdapat mereka yang akan cuba untuk mencari rezeki melalui usaha perniagaan seperti ini.

Pada kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk menyediakan kemudahan untuk penjaja-penjaja di dalam bangunan itu sendiri merupakan sebahagian daripada usaha Dewan Bandaraya dan Kerajaan untuk menentukan supaya perniagaan menjual makanan dan minuman serta perniagaan penjaja itu dapat diatur dalam keadaan di mana kemudahan-kemudahannya berada dalam keadaan bersih dan terkawal.

KAPAL "CHITHAMBARAM"— TRAGEDI KEBAKARAN

3. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan tragedi kebakaran

kapal "Chithambaram" di lautan, sama ada Kerajaan berhasrat mengadakan perkhidmatan khas seperti perkhidmatan udara yang dikendalikan oleh MAS.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman); Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terbahagi kepada dua, bahagian pertama sukalah saya menjawabnya. Kapal "Chithambaram" yang terbakar di lautan tempoh hari ialah sebuah kapal penumpang kepunyaan sebuah syarikat di India. Kerajaan kita tidak ada terlibat dengan kegiatan dan operasinya dan Kerajaan juga tidak berhasrat untuk mengadakan perkhidmatan kapal penumpang khas seperti perkhidmatan kapal "Chithambaram" yang terbakar itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini MAS mengadakan tiga penerbangan seminggu di antara Kuala Lumpur dan Madras. Sungguhpun demikian Kementerian saya dan juga pihak MAS sedar bahawa jumlah penerbangan yang ada ini tidak mencukupi untuk menampung permintaan penumpang-penumpang yang telah didapati semakin meningkat baru-baru ini. Permintaan yang banyak ini mungkin disebabkan kerana tiada kemudahan pengangkutan laut setelah berlakunya kejadian tragedi kebakaran kapal "Chithambaram" itu.

Untuk mengatasi masalah ini pihak MAS telah pun mengemukakan permohonan kepada Kerajaan India untuk mendapatkan kelulusan baginya untuk mengadakan penambahan kapasiti. Kelulusan ini adalah diperlukan oleh kerana perjanjian yang ada sekarang hanya membenarkan MAS mengambil penumpang-penumpang pada paras

yang ditetapkan sahaja. Sebaik sahaja kelulusan diperolehi, MAS akan dapat mengadakan tambahan kapasiti tersebut.

OREN MANDARIN DARI CHINA—IMPORT

4. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar bahawa dalam pengimportan oren China baru-baru ini hanya dua syarikat diberi permit AP pada asalnya dan kemudian apabila dibantah lebih banyak permit AP baru diberi kepada pengimport-pengimport tradisional.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin); Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah pun menerima permohonan daripada 126 buah syarikat dan firma untuk mengimport oren mandarin dari Negeri China dan seperti biasa kesemuanya telah pun diproses dan diluluskan, tidak kira sama ada mereka adalah pengimport tradisional ataupun baru. Memang benar sebuah syarikat telah diberi lesen import lebih awal dari lain-lain pemohon. Ini ialah kerana pemohon ini mempunyai bukti bahawa mereka ada bukti mempunyai kontrak mengimport terus daripada China. Bagi lain-lain permohonan dokumen-dokumen yang mereka sertakan dengan permohonan mereka perlu disemak seperti biasa dan ini sudah tentu memakan masa.

Walau bagaimanapun, kesemua pemohon yang lain telah pun diberikan lesen dan lesen-lesen tersebut telah dikeluarkan dalam jangka waktu yang mencukupi untuk mereka membuat pengimportan.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bersabot dengan

pengimportan limau mandarin ini, kelmarin Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa masyarakat kaum China masih mengutamakan limau mandarin dari Negeri China dari buah-buahan limau tempatan. Tidakkah ini bercanggah dengan dasar Kerajaan hendak menggunakan barang-barang tempatan? Apakah usaha-usaha yang dijalankan bagi mengatasi masalah ini?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir soalan ini berkait dengan soal sikap dan soal ada kaitan sensitivity dari segi tradisi masyarakat kaum Tionghua. Kalau sekiranya ia tidak berubah maka kita mungkin masih meneruskan pengimportan limau mandarin daripada Negeri China.

Jadi bergantung sejauh mana sikap itu kekal sebagaimana yang diamalkan zaman berzaman ataupun sudah berubah mengikut keadaan yang ada sekarang ini. Jadi dari segi ini saya fikir bergantung kepada masyarakat kaum Tionghua sendiri.

LESEN PERCETAKAN YANG DILULUSKAN

5. Tuan Nasir bin Haji Manap minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah lesen percetakan yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan sehingga akhir tahun 1984 dan jumlah sebenar yang menjalankan perusahaan percetakan tanpa lesen; dan nyatakan tindakan Kerajaan terhadap pengusaha percetakan tanpa lesen ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31hb Disember, 1984 Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan 1,125 lesen mesin cetak. Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai maklumat mengenai perusahaan percetakan

tanpa lesen mesin cetak. Dalam pada itu Kementerian Dalam Negeri akan bertindak tegas mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 terhadap pencetak-pencetak yang menjalankan percetakan tanpa lesen.

JENAYAH—LANGKAH MENGATASI

6. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa kejadian jenayah di negara ini akan berkurangan atau dihapuskan sama sekali.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan jenayah berlaku di bandar-bandar besar dan ini adalah satu fenomenon di seluruh dunia. Antara sebab-sebabnya ialah:

- (1) Kesibukan di bandar-bandar besar menyebabkan banyak peluang terdedah dan pihak penjenayah mengambil kesempatan melakukannya.
- (2) Masalah dadah adalah ketara di bandar-bandar besar dan di mana penagih-penagih dadah memerlukan wang yang banyak untuk melepaskan ketagihan dan secara langsung terjerumus ke dalam kegiatan jenayah.
- (3) Ahli-ahli kongsi gelap yang aktif menjalankan kegiatan peras ugut, pelacuran, perjudian hingga kejadian-kejadian jenayah seperti bunuh, rompak dan lain-lain lagi.
- (4) Penghijrahan dari desa ke bandar tanpa mempunyai kemahiran untuk mencari nafkah yang meletakkan mereka dalam keadaan yang boleh dipengaruhi oleh keadaan sekeliling dan mudah terjerumus ke dalam kegiatan jenayah.

- (5) Pengangguran dan keciciran (school drop-out).
- (6) Tekanan hidup akibat perkembangan ekonomi dan pembangunan yang pesat menyebabkan persaingan yang mengakibatkan banyak yang ketinggalan untuk mencapai nilai hidup yang baik.

Di samping itu pula ada pula gejala-gejala anti sosial yang mempengaruhi segolongan masyarakat akibat dari tekanan hidup menyebabkan mereka mudah dipengaruhi untuk bergiat dalam kegiatan-kegiatan yang boleh meruntuhkan akhlak termasuk kegiatan-kegiatan dadah dan jenayah.

Dalam erti kata yang lain, jenayah adalah satu masalah sosial dan adalah satu-satu masalah yang dihadapi di seluruh dunia terutama sekali di negara-negara maju dan Malaysia tidaklah terkecuali.

Walau bagaimanapun, di Malaysia pihak Polis telah mengambil beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mencegah dan membanteraskan kejadian jenayah di negara kita. Antara langkah-langkah jangka pendek adalah:

- (1) Menambahkan bilangan anggota Polis di tempat-tempat yang tertentu bagi mengambil tindakan tegas terhadap penjenayah-penjenayah.
- (2) Menetapkan kawalan di sempadan dan perairan bagi mencegah penyeludupan senjata api.
- (3) Melancarkan operasi-operasi dari masa ke semasa di tempat-tempat yang tertentu.

Sebagai langkah jangka panjang pula, pihak Polis mengadakan dialog dengan syarikat-syarikat swasta dan institusi-institusi kewangan bagi mewujudkan kesedaran keselamatan harta benda dan diri mereka serta memberi nasihat pencegahan.

Di samping itu kesedaran dipupuk di kalangan belia-belia bagi menjauhkan mereka dari gejala anti sosial yang boleh mendorong mereka melakukan jenayah. Pihak Polis juga telah menambah alat-alat perhubungan ringan dan kenderaan-kenderaan kecil untuk meningkatkan kawalan.

Langkah-langkah di atas dirancang begitu rupa untuk memastikan kejadian jenayah di negara ini berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

AKTA PROFESION UNDANG- UNDANG, 1976— MENYELARASKAN

7. Tuan K. Kumaran (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk memperkenalkan undang-undang yang memberi kuasa atau membenarkan peguam-peguam Semenanjung Malaysia secara bebas mengamalkan perniagaan mereka di mana-mana sahaja di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, rundingan telah diadakan di antara pihak-pihak yang berkenaan untuk menyelaraskan Akta Profesion Undang-undang, 1976 dan juga untuk membolehkan seseorang peguam menjalankan praktisnya di mana-mana sahaja dalam Malaysia.

Memandangkan perkara ini akan melibatkan hak-hak peguam-peguam di Sabah dan Sarawak dan keadaan yang wujud, perundingan sedang dijalankan untuk menyelesaikan perkara ini. Insya Allah sekiranya peguam Semenanjung Malaysia, di Sabah dan Sarawak bersedia

mengambil sikap tolak ansur, atau dengan izin, give and take, satu Akta Profesion Undang-undang yang seragam dan praktis undang-undang yang bebas boleh diadakan pada keseluruhan negara ini.

Pihak Kehakiman, Peguam Negara dan BAR dari Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak telah pun berbincang perkara ini. Adalah jelas dari mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan bahawa peguam-peguam di Sabah dan Sarawak berkehendakan beberapa perlindungan yang sukar diterima oleh peguam-peguam di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, perkara ini masih dalam pertimbangan.

Kerajaan berharap-harap bahawa semua peguam dalam negara ini akan mengambil pendirian sebagai peguam Malaysia yang bebas mengamalkan profesion mereka di mana-mana sahaja dalam Malaysia dan tidak lagi berpegang kepada hak-hak mereka untuk mengamalkan profesion mereka berasaskan kepada tempat asal mereka atau kelayakan kemastautinan mereka.

Dengan pendirian tersebut kita berharap dapat mengadakan satu Akta Profesion Undang-undang yang seragam untuk dipakai dalam seluruh Malaysia dan praktis undang-undang yang tidak tersekat oleh kelayakan tempatan atau kemastautinan.

ESTET PALANG PERINGKAT 1— KEJAYAAN

8. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada benar estet pekebun-pekebun kecil di Palang Peringkat 1, gagal dan jika benar nyatakan:

- (a) projek tahun berapa yang gagal dan namakan kontraktor dan pengurus estet itu;

- (b) keluasan tanah yang gagal dibangunkan; dan
- (c) sekiranya dapat dipulihkan berapa kosnya dan dari mana punca kewangannya.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Ahli Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Adalah tidak benar bahawa estet pekebun kecil Palong Peringkat I telah gagal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, estet pekebun kecil Palong Peringkat I telah berjaya dibangunkan dan sehingga ini seluas 1,921 hektar telah dapat ditanam.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan pasti bahawa estet pekebun kecil ataupun sistem pendekatan mini estet ini berupaya mengatasi masalah kemiskinan di kalangan pekebun kecil walhal bidang tanah yang dimiliki oleh pekebun kecil yang masuk dalam mini estet itu masih lagi kecil, dan pendaptannya adalah rendah daripada taraf had kemiskinan.

Yang kedua, adakah telah dikaji secara mendalam untuk membandingkan kos mengurus mini estet ini supaya ianya berpadanan dengan apa yang dikatakan menambah pendapatan pekebun kecil kerana saya percaya kalau sekiranya pendapatan yang bertambah untuk pekebun kecil itu tidak dapat dipadankan dengan kos pengurusan maka sistem ataupun pendekatan mini estet ini elok dikaji semula?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, ekonomi secara ekonomi pertanian bentuk perladangan ini adalah merupakan satu pendekatan yang baik dalam sektor ini dan daripada hasil yang

telah didapati melalui mini estet ini ternyata bahawa pendapatan petani-petani yang menganggotai ataupun menyertai mini estet ini adalah lebih baik daripada usaha mereka secara individu.

Oleh sebab itulah maka sehingga hari ini kita terus mengadakan perancangan pembangunan mini estet seperti yang ada sekarang dan bukan sahaja sistem mini estet getah ini dijalankan tetapi sistem perladangan sawah padi juga telah dijalankan seperti Sistem Ladang Bukit Chawi yang baru ini telah dibuka oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di kawasan Hilir Perak.

Saya percaya sistem ini dapat menolong pekebun-pekebun kecil dari segi pengurusan juga seperti yang telah dibangkitkan dalam soalan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa pengurusan secara ini adalah pengurusan secara pusat, tidak dikelolakan oleh petani secara individu. Dan dengan itu adalah lebih terkawal daripada segi pengurusan, daripada segi pengeluaran serta proses hasil yang terdapat daripada ladang-ladang yang berkenaan.

Saya amat yakin bahawa perkara seperti ini telah pun dirasakan dan diberi sokongan oleh pekebun-pekebun kecil yang ada di seluruh tanah air kita.

KILANG GULA PADANG TERAP—KEUNTUNGAN

9. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Kewangan menyatakan perkara-perkara berhubung dengan Kilang Gula Padang Terap:

- (a) kedudukan kilang itu dari aspek untung rugi urusniaganya;
- (b) jenis tebu yang diproses sama ada ditanam di negara ini atau bahan mentah ini kesemuanya diimport; dan

(c) masa depan kilang ini dan kawasan sekitar yang berkaitan dengan kilang gula ini terutama sekali penanam-penanam tebu.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, prestasi keuntungan Syarikat Gula Padang Terap Berhad adalah baik setelah diambilalih oleh Menteri Kewangan diperbadankan.

Bagi tahun kewangan berakhir 30hb September, 1983 Syarikat itu mencapai keuntungan bersih selepas cukai sebanyak \$14,185,000 dan bagi tahun kewangan berakhir 30hb September, 1984 keuntungan bersih adalah sebanyak \$11,237,000.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran gula putih dari tebu di ladang Syarikat Gula Padang Terap ini ialah sebanyak 24,655 tan bagi tahun berakhir 30hb September, 1984 dan sebanyak 34,184 tan dari gula mentah yang diimport untuk ditapis oleh kilang ini dalam tempoh luar.masa musim tebu.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa masa depan Syarikat Gula Padang Terap ini adalah cerah memandangkan bahawa kecekapan pengurusan telah dapat ditingkatkan dan sambutan dari pekebun kecil untuk menanam tebu juga menggalakkan.

Bagi tahun 1985 ini ladang tebu Syarikat Gula Padang Terap sendiri ialah seluas 6,300 hektar dan dari pekebun-pekebun kecil di sekitar ladangnya dijangka lebih kurang sebanyak 1,565 hektar.

PERSATUAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH—AKTIVITI

10. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa ada sebahagian besar daripada guru-guru Agama yang menjadi penasihat

kepada Persatuan Islam di sekolah-sekolah menengah di seluruh Negara terutama sekali di sekolah-sekolah berasrama penuh menghasut murid-murid membenci Kerajaan dan menyerapkan fahaman politik kepada murid-murid dalam tingkatan 3, 4 dan 5 melalui ceramah-ceramah Agama dalam persatuan tersebut; jika benar, nyatakan tindakan Kerajaan bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persatuan Islam di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti agama dan dakwah mengikut rancangan yang disusun oleh Kementerian Pelajaran atau Jabatan Pelajaran Negeri atau Pentadbir Sekolah. Umpamanya mengadakan majlis syarahan, menyambut hari-hari kebesaran agama di mana guru besar sekolah masing-masing mengawasi tiap-tiap kegiatan persatuan tersebut.

Dakwaan bahawa sebahagian besar guru-guru agama yang menjadi penasihat kepada Persatuan Islam di sekolah-sekolah menengah terutamanya Sekolah Berasrama Penuh menghasut murid-murid membenci Kerajaan dan menyerap fahaman politik kepada murid-murid dalam Tingkatan 3, 4 dan 5 melalui ceramah agama dalam persatuan tersebut itu adalah tidak benar.

Kementerian ada juga menerima aduan-aduan dari ibubapa mengenai perbuatan menghasut murid-murid membenci Kerajaan dan aduan-aduan itu sedang disiasat dan jika benar tindakan disiplin akan diambil terhadap mereka yang bertanggjawab.

RUMAH KERAJAAN

11. Tuan M. G. Pandithan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau ingin mengizinkan penghuni-penghuni rumah Kerajaan membeli rumah Kerajaan yang mereka duduki itu selepas menjadi penghuni bagi suatu tempoh yang munasabah; dan sama ada Kerajaan ingin menambahkan pembinaan rumah Kerajaan khususnya di ibu kota memandangkan bahawa keperluan rumah sedang mendesak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor); Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada rancangan untuk membenarkan rumah-rumah Kerajaan dijual kepada penghuni yang menduduki rumah-rumah Kerajaan walaupun selepas penghuni yang berkenaan menduduki bagi suatu tempoh yang lama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat rumah Kerajaan yang diperuntukkan kepada para pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah mengikut syarat-syarat penyewaan yang ditetapkan di dalam Perintah Am Bab "E" Tahun 1974 iaitu ianya bersifat sementara sehingga kakitangan yang berkenaan berpeluang mendapatkan rumah mereka sendiri. Adalah tidak munasabah untuk menjual rumah-rumah Kerajaan yang kebanyakannya telah dibina sebelum Perang Dunia yang Kedua. Sebaliknya, para pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berkenaan adalah digalakkan supaya mengambil peluang mendapatkan pinjaman perumahan Kerajaan untuk membeli rumah mereka sendiri di mana-mana kawasan yang sesuai dengan mereka.

Pada masa ini sungguhpun ada rancangan Kerajaan untuk menambah bilangan rumah-rumah Kerajaan yang sedia ada sama ada menggantikan rumah-rumah Kerajaan yang

keadaannya telah buruk dengan yang baru, atau membina rumah-rumah yang baru, tetapi rancangan Kerajaan ini tidak dapat dilaksanakan memandangkan keadaan negara yang meleset sekarang. Kerajaan sedar bahawa keperluan rumah memanglah di kawasan Ibu Kota, tetapi di peringkat sekarang Kerajaan tidak dapat memenuhi keperluan dan permintaan kakitangan Kerajaan untuk mendapatkan perumahan Kerajaan. Mereka yang telah memohon untuk mendapatkan kemudahan rumah Kerajaan seperti ini telah dinasihatkan supaya bersabar sehingga giliran masing-masing sampai.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu memandangkan rumah-rumah Kerajaan ini penghuni-penghuninya membayar sewa, tidak ada penghuni-penghuni ini yang dibagi percuma tetapi keadaannya rumah-rumah Kerajaan di seluruh negara, Tuan Yang di-Pertua, sangatlah menyedihkan, sehingga tidak langsung diperbaiki cuma ada sebilangan peratus yang sangat kecil sahaja rumah-rumah pegawai yang tertentu seperti rumah Pegawai Daerah.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Yang Berhormat, minta soalan tambahan atau memberi ucapan?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Kenyataan sebelum soalan.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya mintalah, sebab ini cuma pertanyaan bukan memberi ucapan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Bilakah Kerajaan akan memperbaiki keadaan ini supaya setimpal dengan apa yang dibayar oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan itu.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, masalah pembayaran yang setimpal dengan keperluan kakitangan tidaklah menjadi perkara yang dibangkitkan dalam soalan, tetapi berbangkit daripada soalan ialah tentang sama ada rumah-rumah yang dibenarkan kepada pegawai Kerajaan tinggal sama ada boleh dibenarkan untuk dibeli oleh mereka yang tinggal. Tetapi ingin saya mengambil kesempatan di sini menyebutkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa perkara ini dilihat oleh Kerajaan melihat dari segi kepentingan dan kawasan-kawasan yang menjadi sasaran ialah kawasan yang didapati rumah atau tempat tinggal menjadi perkara yang rumit bagi kakitangan Kerajaan. Kawasan-kawasan itu adalah seperti kawasan di Kuala Lumpur dan di Petaling Jaya.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa polisi Kerajaan tidak menggalakkan pegawai-pegawai Kerajaan membeli tanah, rumah Kerajaan tetapi kita tahu bahawasanya setengah-setengah negeri tanah-tanah Kerajaan atau rumah-rumah Kerajaan telah pun dijual kepada pemimpin-pemimpin tertinggi di peringkat negeri. Apakah penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perkara itu.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang ditegaskan dalam jawapan tadi, pada masa ini belum lagi ada dasar untuk membenarkan penghuni-penghuni sekarang ini terus memiliki rumah tersebut kerana Kerajaan sedang memikirkan tentang rumah-rumah yang sedia ada dan rumah-rumah sedia ada itu perlu diberikan perhatian untuk diperbaiki kerana kita sedar rumah-rumah yang

ada sekarang rumah-rumah lama dan pada masa yang sama juga Kerajaan sebagaimana yang diketahui oleh umum mengadakan peruntukan untuk membenarkan kakitangan memohon pinjaman perumahan. Jadi ini semuanya merupakan alternatif bagi kakitangan Kerajaan untuk mendapat kemudahan yang diperlukan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan tambahan. Soalan saya tadi tentang setengah negeri telah pun menjual rumah-rumah Kerajaan ataupun tanah-tanah Kerajaan kepada setengah pegawai-pegawai tinggi Kerajaan Negeri. Itu melanggar dasar Kerajaan Pusat. Apakah penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan perkara itu.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan tadi bahawa dasar belum wujud untuk membenarkan mereka yang tinggal itu terus memilikinya dan belum ada dasar. Tetapi apa yang berlaku sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat adalah perkara yang tidak dianggap sebagai dasar dan saya yakin perkara itu adalah urusan-urusan yang diuruskan oleh pihak-pihak tertentu, saya fikir diuruskan dengan ada satu koordinasi dengan pihak Kerajaan tetapi ingin saya menegaskan bahawa sebagai dasar memang belum ada lagi.

POLIS HUTAN DI LAPANGAN TERBANG IPOH—KEDIAMAN

12. Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa paip-paip yang dipasang di kawasan kediaman Polis Hutan di Lapangan Terbang Ipoh adalah terlalu lama dan telah berkarat serta sentiasa mengalami keputusan bekalan air, jika ya, sama ada terdapat rancangan untuk memasang paip-paip ini; dan jika ya, bila.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa bekalan air di kawasan kediaman Pasukan Polis Hutan di Lapangan terbang Ipoh tidak memuaskan akan tetapi memandangkan bahawa kawasan kediaman ini akan dipindahkan ke tempat lain, maka kerja-kerja mengganti paip-paip air yang lama secara menyeluruh di kawasan tersebut tidak akan dilakukan. Sungguhpun demikian, Jabatan Bekalan Air Perak telah diberikan peruntukan dari setahun ke setahun dan tindakan memperbaiki paip-paip air itu adalah dijalankan mengikut jadual yang tertentu dari semasa ke semasa.

DADAH—BILANGAN PENGEDAR

13. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pengedar dadah yang telah diberkas oleh pihak polis dalam tahun 1984; dan
- (b) bilangan yang telah ditangkap hasil maklumat daripada orang awam dan yang telah ditangkap hasil daya usaha polis sendiri.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan pengedar dadah yang ditangkap dalam tahun 1984 oleh pihak Polis di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah berjumlah seramai 462 orang. Tangkapan di atas adalah hasil daripada 280 laporan, 67 daripadanya adalah laporan ataupun aduan orang awam dan 213 hasil daripada tindakan pihak polis sendiri.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Soalan tambahan. Akhir-akhir ini didapati banyak tangkapan dilakukan oleh pihak polis terhadap pembawa-pembawa dadah terutama sekali di

sempadan negeri Perlis. Jadi, saya ingin tahu, tidakkah ada sendiket yang terima dadah daripada pihak yang tertentu. Kalau ada, mengapa pihak yang berkenaan tidak dapat mengesan sendiket-sendiket yang menerima dadah daripada pihak Thailand.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah diakui bahawa bagi tahun ini sahaja tangkapan yang terbesar berlaku ataupun dibuat di sempadan negeri Perlis tetapi pada keseluruhannya tangkapan juga dibuat di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1984 rampasan ganja adalah lebih kurang 1,766 kg dan heroin lebih kurang 242 kg. Dari semasa ke semasa pihak polis mengadakan operasi di sempadan dan mengetatkan kawalan masuk. Adakah pihak-pihak sendiket yang menguruskan kemasukan dadah tersebut, saya ingin menjelaskan di sini bahawa pihak polis dalam risikannya tidak terdapat bukti yang jelas bahawa ada sendiket-sendiket yang tertentu. Walau bagaimanapun, kita menjalankan risikan-risikan dari semasa ke semasa dan jika terdapat sendiket-sendiket yang menguruskan kemasukan dadah tindakan yang tegas akan diambil melalui tangkapan dan dakwaan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya ataupun kita menahan mereka di bawah Akta yang telah pun diluluskan baru-baru ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih dengan pihak polis yang telah membuat tangkapan dengan daya usaha mereka seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tetapi sebaliknya berapa ramai, adakah anggota-anggota polis ataupun tentera yang terlibat sebagai pengedar yang kena tangkap pula?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk

menjawab soalan itu dengan tepat, saya mohon notis kerana jawapannya mengandungi angka-angka yang tepat.

BALAI POLIS DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI

14. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang akan mengadakan perkhidmatan Balai Polis di pendalaman yang mana terdapat ramai penduduk Orang Asli di satu-satu kampung atau kawasan jauh terpencil di pendalaman untuk menjaga keselamatan mereka.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan belum lagi merancang untuk mengadakan perkhidmatan Balai Polis di perkampungan Orang Asli di pendalaman. Bagi tujuan memberikan perkhidmatan yang berkaitan dengan keselamatan, pihak polis sentiasa berdamping rapat dengan masyarakat Orang Asli melalui kegiatan Pasukan Senoi-Praaq. Walau bagaimanapun, keperluan di atas akan dikaji dari masa ke semasa sesuai dengan kemajuan dan perkembangan masyarakat Orang Asli.

KERAHAN TENAGA RAKYAT

15. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengadakan kerahan tenaga rakyat sebagai persediaan menghadapi ancaman komunis dan kuasa-kuasa luar.

Timbatan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datuk Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan masih lagi tidak bercadang untuk mengadakan

Kerahan Tenaga Rakyat untuk menghadapi ancaman musuh. Kerajaan berpendapat Kerahan Tenaga atau dikenali juga sebagai National Service, dengan izin, masih lagi tidak perlu dan belum sesuai untuk dijalankan di negara ini.

Sebuah-sebuah Kementerian yang bertanggungjawab secara langsung dalam soal pertahanan dan keselamatan negara, adalah sentiasa mengkaji dari masa ke semasa perkembangan Angkatan Tentera supaya sejajar dengan keadaan keselamatan di seluruh negara dan pergolakan politik di sekitar rantau ini.

Kerajaan telah pun membentuk rancangan-rancangan dan strategi pertahanan yang difikirkan lengkap dan praktik setimpal dengan kemampuan negara untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang berupa ancaman, sama ada ancaman dari dalam atau luar.

KAMPUCHEA—RUNDINGAN ASEAN DENGAN VIETNAM

16. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil rundingan Menteri Luar Indonesia yang mewakili negara-negara ASEAN dengan Vietnam baru-baru ini dan adakah syarat-syarat yang dikenakan oleh Vietnam itu boleh diterima bagi menyelesaikan masalah di Kampuchea itu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, Menteri Luar Indonesia Professor Mochtar Kusumaatdja telah melawat Hanoi pada 14hb hingga 16hb yang lepas dan antara lain telah berbincang mengenai masalah Kampuchea dengan Encik Nguyen Co Thach, Menteri Luar Vietnam.

Encik Co Thach telah seterusnya mengemukakan cadangan lima perkara berhubung dengan penyelesaian masalah Kampuchea yang mana cadangan tersebut sedang dikaji oleh negara-negara ASEAN. Pada keseluruhannya boleh saya katakan di sini bahawa kebanyakan dari cadangan lima perkara tersebut telah lama diketahui oleh ASEAN dan oleh yang demikian tidaklah merupakan perkara-perkara yang baru.

Di samping itu, cadangan tersebut merupakan konsep pihak Vietnam sendiri dan atas cara mana mereka fikirkan masalah tersebut dapat diatasi dan ini pula dengan tegasnya tidak dapat diterima oleh pihak Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea yang diketuai oleh Putera Sihanouk. Tambahan pula cadangan tersebut secara keseluruhannya adalah bercanggah dengan resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu dan juga prinsip-prinsip Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea.

Walau bagaimanapun, ada terdapat juga beberapa aspek dalam cadangan tersebut yang boleh dianggap sebagai menarik yang perlu dikaji secara lebih mendalam lagi. Adalah menjadi harapan kita bahawa dialog antara Vietnam dan ASEAN ini akan diteruskan lagi.

EKSPORT BARANGAN UTAMA

17. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Perusahaan Utama menjelaskan kedudukan eksport barangan utama negara bagi tahun semasa dan akan datang memandangkan keadaan ekonomi dunia yang kini mengalami masalah pertumbuhan yang lembab serta ekonomi Amerika yang belum pulih.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, sektor barangan utama

merupakan sektor yang penting dari segi sumbangan kepada pendapatan eksport negara, pekerjaan, pendapatan penduduk dan pembangunan ekonomi negara.

Pada tahun 1984 eksport barangan utama bernilai \$15.4 ribu juta berbanding dengan \$13.9 ribu juta pada tahun 1983. Pertambahan nilai eksport pada tahun 1984 adalah hasil daripada peningkatan jumlah eksport dan kenaikan harga bagi beberapa barangan utama seperti minyak kelapa sawit khususnya, koko dan minyak kelapa amnya.

Eksport barangan utama adalah dipengaruhi oleh faktor permintaan dan bekalan di pasaran dunia. Permintaan di kalangan negara-negara industri maju seterusnya dipengaruhi oleh prestasi ekonomi, faedah-faedah, inflasi dan pengangguran khususnya di negara-negara OECD. Prestasi ekonomi yang lebih baik di Amerika Syarikat, Jepun dan beberapa buah negara yang lain pada tahun 1984 telah mengukuhkan permintaan bagi barangan utama. Walau bagaimanapun, faedah-faedah yang tinggi dan kekurangan belanjawan Amerika Syarikat serta kawalan belanjawan yang ketat di Eropah mungkin akan mengurangkan perkembangan ekonomi negara-negara OECD.

Pada tahun semasa adalah dijangkakan bahawa prestasi ekonomi negara-negara maju seperti OECD adalah kurang baik dari tahun 1984. Negara Amerika Syarikat diramalkan akan mengalami pertumbuhan pada kadar 3.6% pada tahun ini berbanding dengan 6.9% pada tahun 1984. Oleh yang demikian, eksport barangan utama pada tahun semasa dijangka akan stabil walaupun ada kemungkinan pada jumlah nilai yang lebih rendah.

Di samping itu prestasi ekonomi negara-negara membangun akan juga memberi kesan terhadap eksport barangan utama Malaysia, khasnya minyak kelapa sawit di mana sejak beberapa tahun yang lalu semakin banyak barangan ini telah dieksport ke negara-negara membangun. Kedudukan eksport barangan utama bagi tahun-tahun akan datang bergantung kepada suasana ekonomi dunia dan perubahan cuaca yang memberi kesan terhadap beberapa barangan utama seperti minyak kelapa sawit, lemak, koko dan lada.

Arah aliran permintaan dan harga bagi barangan utama juga akan menunjukkan kedudukan eksport barangan utama Malaysia. Di samping itu bekalan dari negara-negara pengeluar adalah penting supaya menjamin bekalan pada keseluruhannya tidak melebihi permintaan dunia supaya harga barangan utama tidak terjejas dengan teruknya. Oleh itu negara-negara pengeluar harus memastikan keseimbangan antara permintaan dan bekalan barangan utama bagi menjamin harga barangan utama yang berpatutan untuk menstabilkan pendapatan eksport bagi negara-negara pengeluar yang berkenaan.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, harga getah sebahagian daripadanya tertakluk kepada persetujuan di dalam International Natural Rubber Agreement. Jadi saya hendak bertanya sejauh mana usaha Kerajaan, berjaya ataupun gagal, untuk mempertingkatkan harga getah melalui International Natural Rubber Agreement memandangkan bahawa ada bukti menunjukkan kos pengeluaran getah makin lama makin meningkat.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya telah melihat kejatuhan harga getah asli tetapi kalau kita tidak ada Perjanjian Getah Asli

Antarabangsa, memanglah harga getah asli akan lebih jatuh. Oleh sebab kita telah mewujudkan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa, kita telah berjaya untuk mempertahankan harga getah asli yang sesuai. Saya harap pada masa akan datang kalau permintaan terhadap getah asli bertambah, kita boleh mendapat harga getah asli yang berpatutan bagi pekebun-pekebun kecil getah di negara kita. Di sini saya suka menegaskan bahawa kita telah melihat tambahan permintaan terhadap getah asli di pasaran dunia. Tetapi kita juga telah melihat tambahan pengeluaran getah asli daripada pengeluar-pengeluar getah asli di dunia. Oleh sebab itu saya harap Malaysia boleh mendapat kerjasama yang rapat daripada pengeluar-pengeluar getah asli yang lain supaya kita boleh mewujudkan satu harga yang berpatutan bagi getah asli.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Satu daripada bahan eksport utama negara kita yang sedang lumpuh hari ini ialah bijih timah. Saya difahamkan kerana negara kita ini terlampau taat kepada Perjanjian ITC (International Tin Control Agreement) sehingga kita mengadakan quota. Adakah negara kita boleh keluar daripada Perjanjian ITC ini kerana didapati ada negara pengeluar utama yang besar di dunia ini mendapat keuntungan yang lebih daripada sikap patuh kita kepada ITC. Minta penjelasan.

Dato' Paul Leong Kee Seong: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap soalan tambahan seperti ini akan dikeluarkan oleh Yang Berhormat ini tetapi saya belum tahu yang mana soalan seperti ini akan dikemukakan kepada Dewan Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah menjadi anggota Perjanjian Timah Antarabangsa.

Perjanjian Timah Antarabangsa telah berjaya menstabilkan harga bijih timah melalui dua mechanism iaitu operasi "Buffer Stock" dan pengawalan eksport bijih timah dari pengeluar-pengeluar di bawah Perjanjian Timah Antarabangsa. Ini adalah disebabkan oleh kelebihan timah di pasaran dunia sebanyak 70,000 tan setakat ini. Kalau kita tidak ada perjanjian ini, saya takut bahawa harga timah akan jatuh kepada lebih kurang \$15 ataupun \$12 sekilogram. Harga yang rendah ini memanglah akan mengakibatkan kedudukan kebanyakan syarikat-syarikat lombong di Malaysia dan pengeluar-pengeluar timah yang lain.

Oleh sebab itu adalah wajar bagi ITC terus berjalan operasi "Buffer Stock" dan kawalan pengeluaran timah. Saya harap saya boleh mendapat kerjasama yang rapat daripada pengeluar-pengeluar timah di bawah perjanjian ini dan juga mendapat kerjasama yang rapat daripada pengeluar-pengeluar timah yang bukan ITC. Ini memberikan masa bagi kita untuk mengkaji pasaran timah dan untuk memberi peluang bagi anggota ATPC (Association of Tin Producing Countries) untuk meningkatkan kegiatan-kegiatan penyelidikan timah terhadap penggunaan timah di pasaran dunia dan saya harap juga pada masa akan datang pengguna-pengguna timah akan bertambah penggunaan timah di pasaran dunia supaya kita boleh mendapat pasaran timah yang sihat.

LADANG GETAH DI BAWAH SKIM PEMBAINGUNAN LUAR BANDAR

18. Dato' S. Govindaraj minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk memasukkan ladang-ladang getah di bawah obit Skim Pembangunan Luar

Bandar supaya membolehkan pekerja-pekerja ladang menikmati faedah daripada rancangan ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bertanggungjawab ke atas kesejahteraan hidup penduduk-penduduk di luar bandar atau dengan lebih tepat lagi penduduk-penduduk kampung tradisional. Ini adalah antaranya dari segi penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan luar bandar, jalan kampung, bekalan air dan bekalan elektrik.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, penduduk-penduduk luar bandar sebahagian besarnya adalah petani-petani yang tidak mempunyai majikan untuk menjaga kebajikan mereka berlainan dengan keadaan di ladang-ladang getah di mana kebajikan pekerja-pekerjanya merupakan tanggungjawab pihak majikan ladang berkenaan. Buat masa ini Kementerian belum bercadang untuk memasukkan kawasan-kawasan ladang sebagai kumpulan sasaran projek-projek pembangunan Kementerian.

PINJAMAN DI BAWAH RANCANGAN BELIA NIAGA

19. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan berapa banyak pinjaman yang dikeluarkan kepada belia-belie di bawah Rancangan Belia Niaga pada tiap-tiap tahun dan tidakkah Kementerian mengalami kesukaran mendapat bayaran balik pinjaman tersebut; jika ada, apakah cara untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1976 hingga tahun 1984, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah meminjam wang sebanyak \$19.57 juta

di bawah Rancangan Belia Niaga. Butir-butir pinjaman adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Pinjaman</i>
	\$
1976	153,549.50
1977	352,076.00
1978	370,803.65
1979	3,241,103.84
1980	5,043,036.52
1981	3,844,322.60
1982	2,131,758.00
1983	2,995,869.00
1984	1,442,261.00
	<hr/>
Jumlah ..	\$19,574,780.11
	<hr/>

Dari segi bayaran balik daripada pinjaman ini, memanglah terdapat masalah kerana ini bergantung kepada sikap belia itu sendiri terhadap pinjaman. Walau bagaimanapun, beberapa strategi sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Di antaranya ialah:

- (1) Menyusun semula kurikulum Latihan Keusahawan dengan menerapkan nilai-nilai sikap tanggungjawab.
- (2) Memperkemas lagi sistem khidmat bimbingan dan susulan ke projek-projek perniagaan.
- (3) Mengadakan kursus lanjutan, bagi mempertingkatkan pengetahuan, pengalaman dan kematangan di dalam aspek pengurusan dan teknik-teknik perniagaan.
- (4) Memberi pinjaman kepada belia yang betul-betul berminat serta mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup sebelum memulakan perniagaan.

- (5) Membuat "kajian kemungkinan projek (feasibility study) bagi mengenalpasti keuntungan projek itu sendiri.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah syarat-syarat yang akan dikenakan kepada belia-belia yang gagal membayar pinjaman ini. Yang kedua, setakat hari ini berapa banyakkah yang dapat diterima daripada pembayaran belia-belia ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sebagai amalan biasa kalau orang meminjam mestilah dikehendaki membayar balik. Jadi kita mempunyai perjanjian di antara apa yang kita panggil Persekutuan Perusahawan Baru Malaysia dan para peserta atau peminjam ini bagi memastikan mereka terikat untuk membayar balik.

Yang kedua ada kita buat kutipan bayaran pada tiap-tiap bulan sama ada menerusi pegawai daripada Persekutuan itu sendiri ataupun pegawai-pegawai kita di negeri ataupun di daerah. Juga Pegawai-pegawai Pembangunan Ekonomi Belia di negeri-negeri dan daerah-daerah menyusul projek ini di kalangan peserta belia itu di samping memberi khidmat nasihat bagi menjamin bahawa projek-projek ini berjaya. Jabatan Belia dan Sukan di negeri-negeri menyimpan rekod di negeri dan daerah tentang hutang ini.

Dan jika ada di kalangan mereka memerlukan pengetahuan kemahiran, kita mengadakan kursus khas. Para belia ini dikehendaki membayar hanya 30% daripada keuntungan bersih setiap bulan, kerana kita melihat bahawa projek belia berniaga ini sebagai satu kursus latihan kepada usahawan-usahawan kecil di kalangan bumiputera, jadi kita berbuat demikian kerana kalau kita hendak menetapkan tiap-tiap bulan mereka mesti membayar sekian banyak, maka "kapitalnya" pun habis nanti. Jadi

sebab itulah kalau ada untung kita minta mereka bayar hanya 30% daripada keuntungan bersih.

Kalau ada di kalangan mereka mendapat keuntungan tetapi enggan membayar balik, maka kita tidak ada jalan lain demi kepentingan para belia sendiri. Kita terpaksa mengambil tindakan undang-undang.

LIMAU MANDARIN DARI NEGERI CHINA—IMPORT

20. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menggalakkan supaya mengimport limau terus dari negeri China tanpa melalui negara yang ketiga; jika sedar nyatakan sama ada Kementerian tersebut bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat interaksi peniaga-peniaga Malaysia dengan peniaga-peniaga negeri China; jika tidak ada rancangan demikian, nyatakan bagaimana perniagaan terus dapat dilaksanakan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan dan meningkatkan perdagangan secara terus dengan Negeri China. Dasar perdagangan terus dengan Negeri China bukanlah satu dasar baru tetapi telah pun dikuatkuasakan sejak 28hb Ogos, 1971 lagi.

Selaras dengan dasar ini keutamaan khusus adalah diberikan kepada mereka-mereka yang ingin mengimport barang-barang (perishable) ataupun mudah rosak termasuklah Mandarin orange.

Oleh kerana ada syarikat-syarikat ataupun firma-firma yang telah pun membuktikan bahawa pengusaha-pengusaha Malaysia boleh

mendapatkan bekalan segera terus daripada Republik Rakyat China maka eloklah lain-lain pengusaha yang selama ini mengimport barang-barang China melalui negara ketiga berusaha sama, secara bersendirian ataupun berkongsi untuk melakukan pengimportan secara terus.

Mengenai perhubungan perdagangan kita dengan Republik Rakyat China, perhubungannya adalah unik kerana bukan sahaja kedua negara inginkan perdagangan secara terus tetapi perhubungan ini adalah bersifat di antara Kerajaan dengan Kerajaan. Untuk maksud ini PERNAS telah pun dilantik untuk menjadi agensi Kerajaan Malaysia untuk membuat perhubungan perdagangan dengan agensi-agensi Republik Rakyat China.

Perlantikan PERNAS sebagai agensi utama dalam perhubungan perdagangan kita dengan Republik Rakyat China ini bukanlah bermaksud untuk mewujudkan satu suasana monopoli. Kita hanya mahukan perhubungan perdagangan terus ini terkawal dan meningkat dari masa ke semasa. Oleh sebab itu semua pengimportan barang-barang yang berasal dari China dikenakan lesen import. Sesiapa sahaja yang ingin mengadakan perdagangan terus dengan Republik Rakyat China sentiasa diberikan galakan oleh Kerajaan dari segi mengikuti apa-apa rombongan perdagangan rasmi ke negara itu.

Beberapa banyak nilai barangan yang hendak didagangkan tidak diambil kira malah ditentukan oleh pengusaha-pengusaha itu sendiri. Oleh kerana peraturan-peraturan yang sedia ada selaras iaitu dengan kepentingan keselamatan dan ekonomi Negara maka Kerajaan buat masa ini belum ada cadangan rancangan untuk melonggarkan syarat-syarat interaksi pedagang-pedagang Malaysia dengan agensi negara China.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 57 adalah diberi di bawah ini).

SUKAN—MENJEMPUT PASUKAN LUAR NEGERI

21. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) Dasar Kerajaan menjemput pasukan-pasukan luar negeri menyertai sesuatu pertandingan/permainan sukan di negara ini;
- (b) Sebabnya kebenaran perlu didapati dari Kementerian Dalam Negeri sebelum sesuatu pasukan dijemput ke negara ini;
- (c) Sama ada beliau sedar birokrasi begini akan menjejaskan mutu sukan dan persiapan sesuatu pertandingan antarabangsa di negara ini; dan
- (d) Pasukan Negara yang tidak diberi kebenaran bermain di negara ini semenjak bulan Januari, 1984.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Jawapan adalah seperti berikut:

- (a) Undangan penyertaan dalam pertandingan sukan daripada pasukan-pasukan luar negeri menyertai satu-satu pertandingan di negara ini adalah seperti berikut:
 - (i) Mana-mana negara-negara tidak terhad adalah bebas menyertai pertandingan sukan di negara ini.
 - (ii) Bagi negara-negara terhad kelulusan daripada Kerajaan hendaklah terlebih dahulu

diperolehi sebelum menyertai mana-mana pertandingan sukan di negara ini dan demi kepentingan keselamatan dan hubungan baik antara negara-negara, maka perlu kita mendapat pandangan dari Kementerian Dalam Negeri.

- (b) Persiapan-persiapan tidak akan terjejas kalau semua pihak menepati syarat-syarat yang telah ditentukan seperti menghantar permohonan dalam masa yang telah ditetapkan.
- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada pasukan negara yang tidak diberi kebenaran bermain di negara ini semenjak bulan Januari, 1984.

PERBELANJAAN KERAJAAN—JIMAT CERMAT

22. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Kewangan menyatakan semenjak langkah jimat cermat dilancarkan oleh Kerajaan, berapa banyakkah wang yang telah dapat dijimatkan dan setakat manakah bebanan dan tanggungan negara dapat dikurangkan; serta sejauh mana sumbangan daripada langkah ini dapat mempengaruhi pendapatan negara,

Dato' Sabbaruddin Chik: Semenjak Kerajaan memulakan langkah jimat cermat dalam tahun 1982, Kerajaan telah dapat menjimatkan perbelanjaan tahunannya seperti berikut:

Tahun 1982	\$3,627 juta
Tahun 1983	\$4,516 juta
Tahun 1984	\$4,821 juta (Anggaran)

Dengan yang demikian jumlah perbelanjaan yang dianggarkan dapat dijimatkan semenjak langkah tersebut dimulakan dalam tahun 1982 hingga akhir tahun 1984 ialah \$12,964 juta.

Kejayaan Kerajaan melaksanakan langkah berjimat-cermat tersebut telah memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan negara. Usaha mengawal perbelanjaan mengurus dan mengurangkan perbelanjaan pembangunan telah membolehkan Kerajaan terus mengurangkan pinjaman sama ada dalam dan luar negeri. Dengan ini beban hutang dan tanggungan membayar faedah atas pinjaman telah dapat dikurangkan.

Dalam usaha mengawasi dan mengawal perbelanjaan, hanya projek-projek yang memberi sumbangan kepada kemajuan dan pembangunan negara diberi keutamaan. Dengan tidak secara langsung langkah jimat-cermat ini dapat mempertingkatkan pengeluaran dan pendapatan negara.

MARA—BAYARAN PINJAMAN HUTANG

23. Puan Hajjah Hasanah binti Haji Mohd. Kassim minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada benar bahawa ada orang-orang kenamaan dan orang yang berada yang berhutang dengan MARA untuk projek-projek tertentu, seperti perniagaan, perdagangan dan perusahaan; jika benar nyatakan sama ada mereka ini mematuhi syarat-syarat bayaran balik hutang mengikut had masa yang ditentukan; jika tidak nyatakan tindakan MARA ke atas mereka.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Program pinjaman perniagaan adalah merupakan program untuk membantu peniaga dan pengusaha Bumiputera yang menghadapi masalah modal untuk memula atau membesarkan perniagaan. Kebanyakan dari peminjam di dalam program ini adalah merupakan usahawan biasa semasa mendapat pinjaman tersebut.

Mengikut rekod yang ada di MARA, ada juga orang-orang kenamaan dan orang-orang berada mendapat kemudahan pinjaman MARA untuk menjalankan perusahaan dan perniagaan mereka. Di samping itu ada juga di kalangan orang-orang kenamaan dan orang-orang berada menjamin bagi projek-projek perniagaan di dalam program ini.

Mengikut kelaziman, semua peminjam-peminjam yang terlibat adalah dikenakan syarat-syarat yang sama tidak kira sama ada ianya terdiri dari orang-orang kenamaan dan orang berada atau usahawan biasa.

Pihak MARA sentiasa membuat susulan serta mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pihak-pihak yang terlibat sama ada peminjam atau penjamin mengikut syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan.

WANG PERTARUHAN MEMASUKI SEKOLAH MENENGAH

24. Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau bercadang mengadakan Wang Pertaruhan ke atas setiap murid yang memasuki Sekolah Menengah untuk membolehkan pihak sekolah membaiki kerosakan-kerosakan kecil yang dilakukan oleh murid-murid; dan wang pertaruhan berjumlah misalnya \$15.00 bagi setiap pelajar akan dipulangkan di akhir persekolahan seandainya murid itu tidak melakukan apa-apa kerosakan ke atas sepanjang masa murid itu belajar di sekolah tersebut.

Dato Dr Ling Liong Sik: Kementerian Pelajaran belum berhajat untuk mengadakan Wang Pertaruhan ke atas setiap murid yang memasuki Sekolah Menengah.

Walaupun demikian pada amalannya bagi kerosakan yang dilakukan dengan sengaja, murid-murid yang terlibat dan sah melakukannya diminta membayar gantirugi.

JAMBATAN PULAU PINANG— KOS PEMBINAAN

25. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) Bilangan projek Seperti Jambatan Pulau Pinang yang telah diserahkan kepada kontraktor asing berdasarkan harga tender paling rendah;
- (b) Nilai sebenar kos pembinaan jambatan tersebut setakat Disember 1984, dan
- (c) Unjuran nilai terakhir apabila telah disiapkan dibandingkan dengan nilai asal tender.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Untuk maklumat ahli Yang Berhormat, semua tawaran tender mengenai pembinaan lebuh raya tol adalah dilaksanakan melalui proses tender antarabangsa. Ini bermakna bahawa semua penender yang berminat termasuk penender tempatan boleh menawarkan tender masing-masing. Akan tetapi jika didapati penender antarabangsa atau kontraktor asing yang berjaya, mereka dikehendaki membahagikan sekurang-kurangnya 30% daripada kerja-kerja yang dijalankan kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Dengan itu selain dari Projek Jambatan Pulau Pinang, ada enam lagi projek yang telah diserahkan kepada penender antarabangsa berdasarkan kepada harga tender yang paling rendah yang ditawarkan bagi tiap-tiap projek itu.

Sehingga akhir tahun 1984, sebanyak \$648.1 juta telah dibayar bagi pembinaan Jambatan Pulau Pinang itu, Adalah dimaklumkan

bahawa nilai asal tender ialah sebanyak \$850 juta dan setakat ini, inilah unjuran nilai terakhir bagi projek ini. Nilai kos pembinaan sebenarnya hanya akan diketahui apabila semua kerja-kerja telah disempurnakan kelak.

PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN UNDANG-UNDANG ISLAM

26. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Perdana Menteri menyatakan usaha langkah-langkah yang telah diambil di dalam usaha memperkemaskinikan seluruh Mahkamah Syariah di seluruh negeri dalam Malaysia berhubung dengan:

- (a) taraf Kadi-kadi;
- (b) pengisian jawatan-jawatan kosong; dan
- (c) latihan atau kursus lanjutan kepada kakitangan Mahkamah.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah menimbang dan meluluskan cadangan-cadangan bagi mempertingkatkan Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang Islam di seluruh negara dan kini dalam proses pelaksanaan. Cadangan cadangan itu merangkumi dua langkah utama iaitu pertama menyusun semula Mahkamah-mahkamah Syariah dan pentadbirannya dan yang keduanya mewujudkan satu perkhidmatan yang diberi nama Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang Islam.

Dalam penyusunan semula pentadbiran Kehakiman Islam, langkah-langkah yang berikut telah dipersetujui:

- (a) menyusun semula Mahkamah Syariah bagi mengandungi tiga peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah

Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan di Peringkat Persekutuan;

- (b) meminda undang-undang bagi memberi kuasa yang lebih kepada Mahkamah-mahkamah itu; dan
- (c) mengadakan Undang-undang Tatacara Mahkamah Syariah dan Undang-undang Keterangan Islam.

Pengwujudan Skim Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang Syariah ialah untuk mewujudkan suatu bidang profesyen yang tersendiri dan pengkhususan dalam pentadbiran Kehakiman dan Undang-undang Islam dan perkhidmatan ini berasingan daripada Perkhidmatan Pentadbiran Agama Islam. Dengan ini semua jawatan Pegawai Undang-undang Syariah, Pendaftar Mahkamah Syariah, Pendakwa dan Hakim-hakim adalah dimasukkan di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang Syariah ini. Gelaran jawatan Kadi akan dimansuhkan dan digantikan dengan gelaran Hakim iaitu Hakim Mahkamah Rendah Syariah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Taraf jawatan-jawatan ini dinaikkan kepada Tingkatan-tertinggi (superscale) yang munasabah.

Dengan adanya perkhidmatan yang tersendiri itu seseorang bolehlah mengharapkan untuk memasuki Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang Syariah sebagai suatu kerjaya. Langkah ini bersama dengan langkah menaikkan taraf jawatan Hakim dan lain-lain dalam perkhidmatan itu akan menjadikan perkhidmatan ini lebih menarik dan dengan itu masalah kesukaran mengisi jawatan kosong tidak akan timbul lagi.

Mengenai latihan, Universiti Islam Antarabangsa telah bersetuju mengadakan Kursus Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam. Kursus pertama

telah bermula pada bulan April 1985, dalam mana seramai 31 pegawai dari Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri menjalani kursus tersebut. Mereka terdiri daripada Kadi-kadi, Pendaftar-pendaftar Mahkamah Syariah, Pendakwa-pendakwa dan lain-lain yang berkaitan dengan Pentadbiran Undang-undang Syariah.

PENERAPAN TEKNOLOGI MASYARAKAT MALAYSIA

27. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa daya penerapan teknologi dalam masyarakat Malaysia dapat dipertingkatkan lagi dalam jangkamasa panjang melalui sistem pelajaran negara; dan apakah perancangan dan strategi Kementerian Pelajaran selanjutnya untuk memperkuatkan dan mempelbagaikan pelajaran menengah sama ada dari segi akademik, vokasional atau latihan kemahiran supaya daya penerapan teknologi masyarakat Malaysia meningkat dan meluas.

Dato Dr Ling Liong Sik: Kementerian Pelajaran memang berhasrat untuk meningkatkan penerapan teknologi ke dalam masyarakat Malaysia. Sehubungan dengan ini beberapa tindakan telah diambil untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang progresif berorientasikan sains dan teknologi. Antaranya ialah mewajibkan pembelajaran mata pelajar sains dan matematik.

Di samping itu pelajaran yang berorientasikan vokasional seperti seni perusahaan, sains rumahtangga, perdagangan dan sains pertanian juga dijadikan mata pelajaran pilihan yang wajib.

Dalam masa itu pelajaran vokasional dan teknik diperluaskan dengan menambah bilangan pelajar,

sekolah menengah vokasional, politeknik dan kemudahan serta kelengkapan pelajaran. Kurikulum pelajaran vokasional juga dikemaskini serta disesuaikan selaras dengan keperluan tenaga manusia dan pembangunan negara.

Pada masa ini pengajian komputer dan penggunaannya serta mata pelajaran kemahiran manipulatif telah diperkenalkan dalam kurikulum sekolah.

KAMPUCHEA/THAILAND— PERGOLAKAN DI SEMPADAN

28. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kerajaan sedar pergolakan yang sedang berlaku di sempadan antara Negeri Thai dengan Kampuchea sekarang menunjukkan ada tanda-tanda bahaya yang akan berlaku di Tenggara Asia ini khasnya Negara kita Malaysia; jika sedar apakah langkah-langkah dan persediaan yang positif sedang diambil oleh Kerajaan kita bagi menghadapi masalah ini.

(Sila lihat Jawapan No 44 pada 15-4-85).

BEKAS PERAJURIT YANG MENGANGGUR

29. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah bilangan bekas-bekas perajurit yang ada pada masa ini dan nyatakan jumlah daripada mereka yang:

- (a) berpencen;
- (b) tidak berpencen;
- (c) bekerja dengan Kementerian Pertahanan; dan
- (d) menganggur.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Oatuk Bandar Abang Haji Mustapha): Jumlah bilangan bekas-bekas perajurit

yang ada pada masa ini iaitu semenjak tahun 1979 hingga kini ialah seramai 21,066 orang. Dari jumlah ini bilangan yang berpencen ialah seramai 5,604 orang manakala yang tidak berpencen ialah seramai 15,466. Sehingga 31hb Mei, 1985 terdapat seramai 298 orang bekas perajurit yang bekerja dengan Kementerian Pertahanan. Kebanyakan mereka ini adalah dalam kumpulan D.

Untuk menjawab soalan (d) Yang Berhormat itu jumlah yang menganggur, di kalangan bekas perajurit agak sukar untuk saya berikan angka yang sebenar, kerana bilangan pengangguran adalah berpandukan kepada rekod pendaftaran bekas-bekas perajurit bagi mendapatkan pekerjaan. Kesukaran ini timbul kerana ramai di antara mereka yang mendaftar tidak memperbaharui pendaftaran mereka setelah tamat tempoh, juga pihak Kementerian Pertahanan tidak menerima maklum balas dari mereka yang mendaftar tentang sama ada mereka sudah memperolehi pekerjaan atau tidak.

BEKAS PERAJURIT—BANCI

30. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian Pertahanan bercadang untuk membuat satu banci mengenai kedudukan bekas-bekas Perajurit serta tanggungan mereka di seluruh Malaysia.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datuk Bandar Abang Haji Mustapha: Buat masa ini Kementerian Pertahanan belumlah lagi bercadang untuk membuat sesuatu banci mengenai kedudukan bekas-bekas perajurit serta tanggungan mereka. Walaupun begitu jika keadaan memerlukannya Kementerian ini mungkin akan membuat kajian terhadap masalah-masalah tertentu sahaja yang dihadapi oleh bekas-bekas perajurit.

RISALAH PAS DI LONDON

31. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa Parti Pas telah menyebarkan risalah memburukkan pentadbiran negara kita kepada penuntut Malaysia di London; jika benar nyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian.

Dato Dr Ling Liong Sik: Memang ada tersibar bahan-bahan yang memburukkan Kerajaan di kalangan pelajar-pelajar kita di London. Kandungan bahan-bahan tersebut ada persamaannya dengan sebaran-sebaran pertubuhan politik di Malaysia.

Pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai dari agensi-agensi Kerajaan yang melawat ke luar negeri memang memberi penjelasan mengenai

keadaan yang sebenarnya berlaku di Malaysia, supaya pelajar-pelajar kita di seberang laut tidak terkeliru dengan sebaran-sebaran tersebut.

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH 5 SEKOLAH TAMIL

32. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Pelajaran menyatakan pencapaian penuntut-penuntut di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di dalam peperiksaan Penilaian Darjah 5 dalam tahun 1984 mengikut mata pelajaran.

Dato Dr Ling Liong Sik: Pencapaian penuntut-penuntut di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah 5 dalam tahun 1984 mengikut mata pelajaran adalah seperti berikut:

<i>Mata Pelajaran</i>	<i>Jumlah Lulus (Tot. Pass)</i>	<i>Buruk (Poor)</i>	<i>Gagal (Fail)</i>	<i>Jumlah (Total)</i>	<i>Tidak Hadir (Absent)</i>
B. Malaysia	1,446 (13.9)	5,613 (54.1)	3,320 (32.0)	10,379	1,133
B. Inggeris I	5,324 (51.1)	2,974 (28.5)	2,127 (20.4)	10,425	1,087
Matematik	5,318 (51.2)	2,474 (23.8)	2,590 (24.9)	10,382	1,130
Sains Awalan	4,549 (43.6)	2,282 (21.9)	3,598 (34.5)	10,429	1,083
Sejarah dan Geografi	5,169 (49.8)	2,528 (24.3)	2,685 (25.9)	10,382	1,130
Bahasa Tamil	7,858 (71.3)	1,495 (14.3)	1,500 (14.3)	10,453	1,059

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA—MEMANSUHKAN

33. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Pertanian menyatakan sikap Kementerian terhadap syor Ungku Aziz dari Universiti Malaya bahawa LKIM patutlah dimansuhkan kerana pendapatnya tidak memberi kesan kepada nelayan.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Kementerian tidak bercadang untuk memansuhkan LKIM seperti yang dicadangkan. LKIM ditubuhkan dengan tujuan untuk meningkatkan taraf hidup dan sosio-ekonomi kaum nelayan. Di dalam mencapai matlamat tersebut, kerjasama dari pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan adalah diperlukan.

Usaha-usaha bersama yang diambil dalam meningkatkan dan memperolehi sosio-ekonomi kaum nelayan pada keseluruhannya memuaskan. Kejayaan ini dapat dinilai dari kejatuhan kadar kemiskinan daripada 73.2% dalam tahun 1970 kepada 44.7% dalam tahun 1983. Peranan LKIM bukan sahaja memajukan nelayan tetapi juga keluarga mereka, misalnya di bawah program Pembangunan Masyarakat Nelayan, di mana kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti balairaya, jeti, bangsal dan lain-lain didirikan di samping keluarga nelayan diberi bimbingan melalui ceramah-ceramah atau kelas-kelas bimbingan.

Tanggungjawab memajukan sosio-ekonomi kaum nelayan merupakan usaha yang berterusan dan memerlukan sebuah agensi yang mengawasi semua aktiviti-aktiviti dan program yang dijalankan dalam usaha memajukan masyarakat nelayan. Dalam hal ini, LKIM adalah agensi kerajaan yang paling sesuai bagi menjalankan tanggungjawab tersebut.

CUKAI DI TAMBAK JOHOR

34. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Kewangan menyatakan sejak cukai sebanyak 50% dikenakan di Tambak Johor sama ada dasar ini telah membawa faedah yang besar bagi negara ini jika ya, nyatakan keuntungan yang diperolehi setiap bulan dan jika tidak, nyatakan sama ada Kerajaan bertujuan mengubah dasar tersebut.

Dato Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cukai sebanyak 50% itu adalah dikenakan bukan sahaja di Tambak Johor tetapi di semua pintu kemasukan ke negara ini dan tujuan diadakan cukai tersebut bukanlah semata-mata untuk mengutip hasil tetapi bagi melicinkan pentadbiran

Kastam agar tidak terjadi kesesakan di pintu masuk ke negara ini. Mengenai perkara ini suka dimaklumkan bahawa sejak cukai 50% itu dikenakan bukan sahaja kesesakan di pintu-pintu masuk telah berkurangan akan tetapi teguran-teguran daripada orang ramai mengenai pengenaan cukai di pintu-pintu masuk pun juga telah berkurang.

RUMAH BAGI PEKERJA LADANG

35. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan satu undang-undang yang akan memaksa tuanpunya ladang supaya memberi perhatian berat tentang soal pemilikan rumah sendiri bagi pekerja-pekerja ladang.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam): Skim Memiliki Rumah Pekerja merupakan satu rancangan sukarela yang digalakkan oleh Kementerian saya untuk mendapat penyertaan para majikan ladang dan lombong supaya pekerja-pekerja mereka, apabila bersara kelak, akan dapat memiliki tempat kediaman sendiri.

Setakat ini sebanyak 3 buah ladang dan 1 lombong telah melaksanakan skim-skim mereka dengan jayanya iaitu dengan pembinaan sejumlah 974 unit rumah. Selain dari itu sebanyak 18 buah ladang dan 5 buah lombong telah memberi kesanggupan untuk menyertai Skim Memiliki Rumah Pekerja ini. Dalam pada itu, Kementerian saya akan juga terus berusaha untuk memujuk lebih banyak lagi para majikan ladang dan lombong supaya menyertai Skim ini bagi keperluan pekerja-pekerja mereka.

Perlu juga disebutkan di sini bahawa selain dari mendapat peluang memilik rumah di bawah Skim tersebut pekerja-pekerja ladang dan lombong

juga turut berpeluang untuk memperolehi rumah sendiri di bawah rancangan-rancangan rumah swasta ataupun di bawah Skim Rumah Kos Rendah yang dilancarkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dari masa ke semasa.

Oleh yang demikian, buat masa ini Kementerian saya tidak bercadang untuk mengadakan satu undang-undang bagi tujuan memaksa para majikan melaksanakan Skim Memiliki Rumah Pekerja.

TANAH TERBIAR

36. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak tanah terbiar di negara ini ialah oleh kerana kelulusan yang diminta oleh rakyat untuk membangunkannya tidak diberikan; jika ya, nyatakan tindakan yang boleh diambil untuk memastikan permohonan-permohonan apa juga kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan untuk membangunkan tanah itu dan jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Adam): Kementerian saya memang menyedari bahawa terdapat banyak tanah terbiar di negara ini. Walau bagaimanapun sebenarnya pemilik-pemilik tanah tersebut boleh membangunkan tanah-tanah mereka sendiri tanpa menunggu apa-apa kelulusan dari Kerajaan. Oleh yang demikian saya tidak dapat menerima hakikat bahawa tanah-tanah tersebut tidak dibangunkan kerana tidak diluluskan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun sekiranya kelulusan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tersebut adalah mengenai permohonan-permohonan untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan seperti bantuan pinjaman kewangan bantuan-bantuan input

pertanian dan lain-lain bentuk bantuan, Kementerian saya memang sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut, melalui agensi-agensi seperti FELCRA dan RISDA. Untuk makluman Yang Berhormat FELCRA adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan program pemulihan tanah terbiar dan setakat ini seluas 569.132 hektar telah dikenalpasti untuk dipulihkan. Program pemulihan tanah-tanah terbiar ini dijangka akan dapat diselesaikan menjelang tahun 1995 dan FELCRA memberi kemudahan-kemudahan seperti pinjaman kewangan, pengurusan dan sebagainya. Pemilik-pemilik tanah adalah digalakkan untuk membangunkan tanah mereka secara berkelompok supaya dapat diuruskan secara estetik dengan lebih cekap dan berkesan.

TIKET EMPAT NOMBOR EKOR—PERJUDIAN

37. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tiket judi 4 nombor ekor dibeli juga oleh orang Islam selain dari bangsa asing. Jika sedar nyatakan sama ada:

- (a) Kerajaan bercadang mencegah orang Islam daripada membeli tiket judi 4 nombor ekor; dan
- (b) Kerajaan bercadang menutup sahaja judi 4 nombor ekor itu.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor : Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Kerajaan memang sedar bahawa terdapat orang-orang Islam mengambil bahagian dalam pertunjukan empat nombor ekor terutama di bandar-bandar di mana majoriti penduduk terdiri daripada orang-orang bukan Islam.

Walau bagaimanapun, bagi seseorang Islam yang sedar dan insaf tentang dosanya berjudi tentu sekali mereka tidak akan melibatkan diri dengan perjudian dan sebagainya. Mengenai soalan (a) dan (b) Kerajaan telah pun menubuhkan Jawatankuasa bagi mengkaji dan membuat cadangan kepada Kerajaan.

PINJAMAN PERUMAHAN KAKITANGAN KERAJAAN

38. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementeriannya mempunyai apa-apa rancangan untuk menentukan bahawa segala kakitangan Kerajaan dalam Kategori C dan D memiliki rumah kos rendah secara wajib dengan potongan dibuat daripada gaji pelbagai simpanan mereka mulai seawal-awal mereka masuk Perkhidmatan. supaya mereka tidak harus menderita tanpa rumah apabila bersara, seperti yang didapati sekarang.

Dato Sabbaruddin Chik: Mengikut peraturan sekarang, semua kakitangan Kerajaan adalah berkelayakan memohon pinjaman perumahan melalui Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan setelah mereka berkhidmat 5 tahun dan berumur 30 tahun. Tempoh bayaran balik yang maksima dibenarkan bagi pinjaman ini ialah 25 tahun, dengan cara ini kakitangan berkenaan tidak akan menghadapi apa-apa kesulitan membayar balik pinjaman mereka apabila mereka bersara kelak.

Berhubung dengan ini Kerajaan juga membenarkan tiap-tiap pinjaman perumahan kerajaan diinsurankan dan peminjam dibenarkan membayar balik baki pinjaman perumahan secara potongan ganjaran atau melalui potongan pencen selepas mereka bersara. Urusan ini akan mengurangkan bebanan kepada

mereka. Pada masa ini Kementerian Kewangan tidak ada sebarang rancangan untuk mewajibkan potongan gaji terawal bagi semua kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan C dan D supaya memiliki rumah sebelum bersara.

PAS LAWATAN BURUH INDONESIA/THAILAND

39. Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan buruh asing dari Indonesia dan Thailand yang bekerja di Malaysia;
- (b) berapakah gaji minima yang dibayar kepada mereka; dan
- (c) sama ada pengambilan buruh-buruh ini sejajar dengan Dasar Buruh Negara.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Sehingga sekarang seramai 1,030 orang buruh dari Indonesia dan Thailand telah diberikan Pas Lawatan (Kerja Sementara) untuk bekerja di Malaysia.

Mereka dibayar gaji tidak kurang daripada \$7.80 sehari yang meliputi semua elaun berkaitan.

Pengambilan buruh-buruh asing untuk bekerja dalam industri pembinaan dan perladangan di negara ini adalah berasaskan kepada keperluan mendesak tenaga pekerja yang memang kurang dalam sektor tersebut. Pengambilan mereka merupakan langkah sementara bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara pada masa ini. Justru itu pengambilan buruh-buruh asing ini adalah sejajar dengan keperluan dan kehendak negara.

JEMAAH HAJI TIDAK MELALUI TABUNG HAJI

40. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada betiau sedar bahawa

terdapat Jemaah Haji yang pergi menunaikan Fardhu Haji tidak menerusi Tabung Haji dan memburuk-buruk Kerajaan Malaysia serta menaikkan bendera parti pembangkang di Tanah Suci, jika sedar apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap mereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Kerajaan memang sedar bahawa ada kumpulan Jemaah Haji yang pergi ke Tanah Suci dengan tidak melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan kumpulan itu menaikkan bendera parti pembangkang di tempat menginap mereka di Makkah serta juga di Padang Arafah di Mina.

Pemergian kumpulan itu ke Tanah Suci bagi maksud menunaikan Haji secara persendirian tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji adalah melanggar Seksyen 67 A (1) Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 dan dengan itu tindakan undang-undang sedang diambil terhadap penganjur kumpulan tersebut.

Seterusnya, perbuatan kumpulan itu menaikkan bendera partinya sebagai tanda pengenalan tempat tinggal mereka sama ada di Makkah, Arafah atau Mina bukanlah merupakan satu kesalahan di bawah Undang-undang Kerajaan Arab Saudi dan dengan itu tiada apa-apa tindakan boleh diambil terhadap mereka.

Mengenai dakwaan kumpulan itu memburuk-burukkan Kerajaan Malaysia, tidak ada bukti yang sah telah diterima dan dengan itu Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan terhadapnya. Walau bagaimanapun sekiranya didapati bukti yang sah yang kumpulan itu menjalankan kegiatan politik di Arab

Saudi, perkara itu akan dilaporkan kepada Pihak Yang Berkuasa Arab Saudi yang akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

GAJI KAKITANGAN KERAJAAN—SEMAKAN

41. Dato Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk mengkaji semula skim gaji bagi kakitangan perkhidmatan awam.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Pada masa ini negara kita masih lagi menghadapi masalah kewangan yang rumit. Berasaskan kepada masalah ekonomi itu, maka Kerajaan pada ketika ini belum dapat membuat penyemakan gaji bagi pekerja-pekerja dalam sektor awam.

AMANAH SAHAM NASIONAL- MAJLIS FATWA

42. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar Perdana Menteri menyatakan kedudukan muktamad pendapat Majlis Fatwa ke atas hukum Harus dan Haramnya Amanah Saham Nasional dan berikan sebab-sebab mengapa keputusan muktamad Fatwa itu masih belum juga dikeluarkan selepas begitu lama.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Majlis Fatwa sangat cermat dalam mengeluarkan sebarang Fatwa lebih-lebih lagi mengenai perkara-perkara baru yang memerlukan maklumat sebanyak mungkin seperti Amanah Saham Nasional. Kelambatan yang berlaku ini juga disebabkan oleh kesulitan masa untuk mengadakan perbincangan langsung antara pihak ASN sendiri dengan Mufti-mufti berkenaan. Perbincangan hingga sekarang masih berjalan.

**SEKOLAH DI BAWAH
RANCANGAN GOTONG
ROYONG—PEMBINAAN**

43. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah bilik darjah mengikut negeri dan jenis sekolah yang akan dibina di bawah rancangan gotong-royong bagi tahun 1985 ini;
- (b) jumlah kos perbelanjaan bagi projek ini mengikut pecahan di atas; dan
- (c) jumlah yang dijimatkan berbanding dengan cara kontrek biasa.

Dato Dr Ling Liong Sik: Projek di bawah Rancangan Gotong-royong adalah merupakan satu strategi untuk membolehkan Kementerian Pelajaran membina sekolah-sekolah terutamanya di daerah pendalaman dengan kos yang rendah. Projek-projek ini akan dilaksanakan oleh orang-orang kampung atau dengan cara memberikannya kepada seorang pengusaha kecil di sesebuah kampung seperti yang telah diluluskan prosidurnya oleh Perbendaharaan Malaysia. Projek secara gotong-royong ini adalah sedikit bilangannya jika dibanding dengan projek-projek pembangunan Kementerian Pelajaran keseluruhannya kerana rancangan ini tidak sesuai bagi semua tempat. Bilangan bilik darjah yang telah dicadangkan adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>SRK</i>	<i>SRJK (C)</i>	<i>SRJK (T)</i>	<i>Jumlah</i>
Johor.. .. .	27	6	—	35
Perak.. .. .	8	—	—	8
Kelantan	12	—	—	12
Selangor	—	4	—	4
Negeri Sembilan	16	—	—	16
Perlis	45	—	—	45
Pahang	12	—	—	12
Terengganu	93	—	—	93
Jumlah ..	215	10	—	225
Sabah	202 (SRK)	—	—	202
	7 (SMK)	—	—	7
Sarawak	190	—	—	190
Jumlah ..	299	—	—	399

Projek-projek yang telah dibenarkan mengikut strategi ini hanyalah projek-projek dengan anggaran kos di bawah \$50,000 bagi Semenanjung dan \$75,000 bagi Sabah dan Sarawak. Bilangan bilik darjah yang dibenarkan adalah mengikut kos perbelanjaan di sesuatu tempat yang berkenaan dan kos ini adalah berbeza dari tempat ke tempat mengikut

keupayaan orang-orang tempatan dan kawasan tersebut.

Projek-projek di bawah gotong-royong adalah lebih rendah kosnya dari projek biasa kerana sebahagian dari tenaga buruhnya adalah disumbangkan dengan percuma oleh orang-orang tempatan. Walau bagaimanapun, projek yang

dijalankan secara kontrak biasa berharga kira-kira antara \$30,000/- ke \$35,000/- bagi satu bilik darjah dan projek secara gotong-royong pula berharga \$12,000/- ke \$15,000/-. Namun begitu nilai antara dua jenis projek ini sebenarnya tidak dapat dibuat perbandingan kerana masing-masing mempunyai ciri-ciri keistimewaan tersendiri. Umpamanya projek-projek yang dijalankan secara gotong-royong ini ada yang dijalankan di daerah-daerah pedalaman yang kadangkala tidak terdapat pihak kontraktor yang sanggup melaksanakannya.

PENGEDAR DADAH—HUKUMAN

44. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah pengedar-pengedar dadah telah dapat ditahan dan dihukum gantung selepas Akta Dadah Merbahaya dipinda, dan nyatakan kesan-kesanyangterdapat dari segi luasan pengedar dan jumlah penagihan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Akta Dadah Berbahaya 1952 telah dipinda pada bulan April 1983, di mana hukuman mati mandatori telah dikenakan. Sejak pindaan tersebut bilangan mereka yang telah ditangkap di bawah seksyen 39B sebagai pengedar yang boleh dikenakan hukuman mati jika sabit kesalahan mereka adalah seperti berikut:

1983 (April hingga Disember)	299 orang
1984	462 orang
1985 (Januari hingga Mac)	161 orang
Jumlah	922 orang

Bilangan pengedar yang telah dikenakan hukuman gantung sejak pindaan Akta tersebut hingga

Disember 1984, ialah 34 orang. Dari jumlah ini hanya 2 orang yang telah dikenakan hukuman gantung di bawah seksyen 39B Akta ini yang dipinda pada bulan April 83.

Penguatkuasaan yang meningkat beserta dengan kempen Anti Dadah Kebangsaan yang berterusan sejak bulan Feb. 1983 oleh kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan telah membawa kesan yang positif termasuk kurangnya bilangan penagih baru yang dikesan. Dalam tahun 1984, seramai 11,915 orang penagih baru telah dikesan berbanding dengan 14,624 orang pada tahun 1983. Perangkaan ini menunjukkan penurunan bilangan penagih-penagih.

Masalah pengedaran serta penyeludupan dadah ke Malaysia berpunca dari sempadan daratan Malaysia/Thai yang panjangnya 576 kilometer. Disebabkan dadah datang dari luar iaitu dari negara jiran di Utara Malaysia, pengedar-pengedar dadah yang terlibat dalam pengedaran dadah adalah terdiri dari rakyat Thai sendiri dari keturunan Cina. Mereka ini mempunyai hubungan rapat dengan ahli-ahli sendikit pengedaran dadah di Malaysia.

Oleh kerana pengawasan dan perisikan serta penguatkuasaan yang rapi dan berterusan di sempadan Malaysia/Thai, pengedaran dadah dari kawasan "Golden Triangle" di Utara Thailand dibuat dengan menggunakan kapal-kapal nelayan dan pulau-pulau pinggir sebagai "drop points".

KEMALANGAN JALAN RAYA

45. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan bertambahnya kadar berlakunya kemalangan-kemalangan jalan raya akhir-akhir ini sama ada beliau akan

meminda akta lalulintas supaya mewajibkan pemandu-pemandu kereta memandu dengan penuh ethika dan tidak memotong sewenang-wenangnya di samping menghadkan kelajuan di tempat-tempat yang merbahaya.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Ordinan Lalulintas Jalan 1958 dan peruntukan subsidiarinya memang mengadakan peruntukan-peruntukan yang mencukupi bagi mewajibkan pemandu-pemandu kenderaan motor memandu dengan penuh ethika dan tidak memotong sewenang-wenangnya di samping menghadkan kelajuan maksima di tempat-tempat yang merbahaya. Semua agensi penguatkuasaan, iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Kerja Raya, adalah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pemandu-pemandu kenderaan motor yang melakukan kesalahan undang-undang tersebut.

Di samping itu, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan adalah menjalankan kempen-kempen keselamatan jalan raya di sepanjang tahun untuk menyedarkan orang-orang awam tentang tanggungjawab masing-masing supaya berdisiplin dan bertimbang rasa apabila menggunakan jalan raya.

BAHAN TANAMAN YANG DIIMPORT

46. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kita mengimport bawang yang bernilai \$65 juta ringgit, ubi kentang \$45 juta, daging \$80 hingga \$100 juta ringgit, susu dan makanan daripada susu \$100 hingga \$120 juta ringgit setahun; jika sedar nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk menggalak dan membayangkan penanaman bahan

tersebut memandangkan kita mempunyai tanah yang sesuai dan potensi pasaran sebanyak \$7.5 billion ringgit setahun.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Saya sedar bahawa negara telah mengimport bahan-bahan yang disebut oleh Yang Berhormat tersebut. Walau bagaimanapun sukalah saya memperbetulkan angka-angka yang telah disebutkannya itu. Sebenarnya berasaskan kepada perangkaan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan bagi tahun 1983, pengimportan bawang termasuk bawang putih, bawang besar, dan bawang merah berjumlah \$100 juta, ubi kentang \$26 juta, daging lembu dan kambing \$83 juta, dan susu serta keluaran-keluarannya sebanyak \$340 juta.

Setelah dibuat kajian teliti dari segi kesesuaian agronomi dan iklim serta juga dari segi daya maju ekonomi kepada negara dan juga kepada pengeluaran, Kementerian telah mendapati tidak semua komoditi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu patut digalakkan pengeluarannya di negara ini. Bawang sesuai ditanam di kawasan-kawasan yang mempunyai musim kering yang tertentu sahaja. Kawasan seperti itu adalah sangat terhad di negara ini. Bagi ubi kentang pula, kawasan yang sesuai ialah di tanah-tanah tinggi. Kawasan seperti itu jugalah terhad. Lagipun setakat tingkat teknologi yang ada sekarang, pengeluaran ubi kentang tidak begitu ekonomik oleh kerana kualiti dan kuantiti hasilnya yang rendah. Pengeluaran susu secara besar-besaran adalah tidak ekonomik oleh kerana kosnya yang sangat tinggi berbanding dengan harga susu yang diimport. Oleh demikian, Kerajaan hanya menggalakkan pengeluaran susu cair tempatan yang mana diperolehkan melalui perlindungan import. Tetapi nilai import susu cair dalam tahun 1983 hanya berjumlah \$6 juta.

Hanya pengeluaran daging lembu sahaja yang mempunyai potensi untuk pengeluaran di dalam negeri. Itu pun hanya boleh dilakukan melalui teknologi yang baru iaitu sistem "feed lot" di samping mengambil tindakan-tindakan bagi mengurangkan kos pengeluaran.

**PUSAKABUMI—BANTUAN
KEPADA KONTRAKTOR
MELAYU**

47. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberi oleh PUSAKABUMI, dan sarna ada beliau sedar bahawa ramai kontraktor Melayu telah gagal; dan nyatakan sama ada beliau akan mengkaji semula peranan PUSAKABUMI dan tujuan-tujuan ianya ditubuhkan.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: PUSAKABUMI telah ditubuhkan pada bulan Jun 1981 dan diberi tugas membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor bumiputera dalam melaksanakan kontrak-kontrak kerja Jabatan/Agensi Kerajaan.

Selanjutnya Kerajaan telah meneiti semula objektif dan peranannya pada bulan April 1984 telah membuat keputusan seperti berikut:

- (a) ianya dijadikan pusat tunggal di mana mereka yang berminat boleh berdaftar sebagai kontraktor sekiranya mereka ingin mengambil bahagian dalam urusan tender Kerajaan;
- (b) menimbang dan memberi taraf bumiputera kepada kontraktor-kontraktor kerja yang layak;
- (c) menjadi pusat rujukan ke atas segala perihal kontraktor-kontraktor kerja yang berdaftar; dan

(d) terus bertanggungjawab memberi khidmat nasihat serta bantuan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera yang melaksanakan kontrak kerja di Jabatan/Agensi Kerajaan yang tidak mempunyai Unit Bumiputeranya sendiri yang khusus.

Dalam melaksanakan tugas-tugas yang asal iaitu membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor bumiputera, bolehlah dikatakan PUSAKABUMI telah mencapai objektifnya kerana sebanyak 75% daripada masalah-masalah yang dikemukakan oleh kontraktor-kontraktor bumiputera telah dapat dibantu dan diselesaikan. Bakinya tidak dapat diselesaikan kerana telah keluar daripada bidang kuasa PUSAKABUMI, seperti kontraktor meninggalkan kerja, tidak membayar denda-denda yang telah dikenakan dan masalah-masalah yang serupa yang perlu diatasi secara timbangtara atau perundangan.

Seperti dalam bidang perniagaan yang lain, dalam bidang kerja kontrak juga terdapat mereka yang berjaya dan mereka yang gagal. Kegagalan mereka tidaklah boleh secara langsung dikaitkan dengan usaha, bantuan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. Faktor utama yang patut diingatkan ialah bahawa kontraktor itu sendiri mesti berusaha dan sentiasa sanggup untuk meningkatkan pengetahuan dan kebolehan.

Saya akui memang ada kontraktor bumiputera yang gagal tetapi yang berjaya juga ramai. Harus kita sedar bahawa dalam keadaan ekonomi sekarang, di mana tidak begitu banyak projek-projek Kerajaan ditawarkan, persaingan di antara kontraktor adalah hebat, dan tentunya ada kontraktor yang tidak dapat kerja dari Kerajaan. Dalam hal ini, Kerajaan

juga menasihatkan kontraktor-kontraktor bumiputera supaya jangan hanya bergantung kepada pihak Kerajaan sahaja. Mereka mestilah mencebur untuk merebut kerja-kerja dalam sektor swasta. Oleh kerana objektif dan peranan PUSAKABUMI telah diteliti semula pada April 1984 Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengkaji sekali lagi buat sementara ini.

PETRONAS—LANTIKAN PENGARAH

48. Tuan Kenneth Kanyan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbang melantik seorang Pengarah dari Sarawak dan seorang lagi dari Sabah dalam Lembaga Pengarah PETRONAS, kerana kini terdapat hanya wakil-wakil untuk mewakili kedua-dua negeri ini dalam Lembaga Pengarah.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Sebagai sebuah syarikat nasional Ahli-ahli Lembaga Pengarah PETRONAS adalah dilantik daripada orang-orang yang dipercayai boleh membuat sumbangan secara berkesan kepada pentadbiran syarikat itu. Oleh itu perlantikan Pengarah-pengarah tersebut bukanlah mengikut negeri-negeri yang mempunyai sumber petrolium. Sungguhpun demikian, kedua-dua Negeri Sarawak dan Sabah adalah menjadi ahli kepada Majlis Ponasihat Petrolium Negara yang bertanggungjawab di atas semua dasar-dasar petrolium negara.

ALAT ELEKTRIK MUTU RENDAH

49. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Tenaga, Telekom dari Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sekarang ini semakin banyak

alat-alat letrik mutu rendah dibuat di bengkel-bengkel tempatan atau diimport dari luar negeri telah digunakan dengan meluas di rumah-rumah kediaman dan bangunan-bangunan perusahaan, jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan penggunaan alat-alat yang amat merbahaya ini, dapat disekat atau dihapuskan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Saya telah pun bercakap mengenai perkara ini di Dewan Yang Mulia ini pada 15hb April, 1985 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PROTON SAGA—PENGEDARAN KERETA

50. Tuan Haji Abdul Wahab minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa Edaran Otomobil Nasional (EON) hanya memilih 2 buah syarikat sahaja untuk mengedarkan kereta PROTON SAGA di seluruh negara. Jika ya, nyatakan nama-nama syarikat itu dan nyatakan sama ada sistem monopoli seperti ini selaras dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tidak benar bahawa Edaran Otomobil Nasional (EON), hanya memilih dua (2) buah syarikat sahaja untuk mengedarkan Kereta Nasional, PROTON SAGA di seluruh negara.

Sistem pengedaran kereta nasional adalah sistem campuran antara cawangan-cawangan EON, pemegang-pemegang francais dan wakil-wakil penjual bebas yang dilantik oleh EON.

Perlantikan pemegang-pemegang francais dan wakil-wakil penjual dibuat berdasarkan kepada kebolehan menjual dan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru,

JAWATANKUASA KABINET DADAH

51. Puan Hajjah Hafsah binti Osman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) semenjak Kerajaan menubuhkan jawatankuasa Kabinet Dadah merbahaya apa aktiviti-aktiviti yang dibuat selain daripada tinjauan-tinjauan yang dibuat di seluruh negara dan nyatakan apa yang telah dicapai dari aktiviti-aktiviti yang telah dibuat; dan
- (b) jumlah peruntukan kewangan untuk jawatankuasa menjalankan aktiviti-aktivitinya.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji masalah dadah dalam negara telah ditubuhkan pada 29-10-1975 dan ianya dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini telah pun dimansuhkan pada 26-4-1983 dan digantikan dengan Jawatankuasa Anti-Dadah, Majlis Keselamatan Negara yang ditubuhkan oleh Jemaah Menteri pada 22-6-1983. Penggantian Jawatankuasa Kabinet dengan Jawatankuasa Anti-Dadah, Majlis Keselamatan Negara adalah dibuat memandangkan bahawa

Tangkapan

Seksyen 39B (Pengedar)
Seksyen 39A (Penjual)
Lain-lain Seksyen

masalah dadah telah diisytiharkan sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara.

- (b) Jawatankuasa Anti-Dadah ini yang diletakkan di bawah Majlis Keselamatan Negara adalah dipertanggungjawabkan dengan semua aspek tindakan anti-dadah di seluruh negara termasuklah:

- (i) menggubal dan menentukan pelaksanaan dasar-dasar berhubung dengan semua aspek pengawalan dan pencegahan dadah; dan
- (ii) menggerak, menyelaras dan mengawasi semua aktiviti agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan yang terlibat dengan tindakan anti-dadah.

- (c) Kempen Anti-Dadah Kebangsaan yang dilancarkan oleh Kerajaan sejak tahun 1983 telah membawa kejayaan yang lebih meluas termasuk kejayaan seperti berikut:

(i) *Sindiket Pengedaran Dadah*

Pada tahun 1983 sebanyak 101 buah sindiket dan 124 buah pada tahun 1984 telah dapat dilumpuhkan dan dihancurkan.

(ii) *Tangkapan Di Bawah Akta Dadah Berbahaya, 1952*

	1983	1984
	363	462
	255	208
	10,263	9,938
JUMLAH	10,881	10,608

- (iii) Rampasan-rampasan dadah juga telah bertambah dengan banyaknya, Di dalam tahun 1984 sebanyak 870.93 kg. Candu mentah telah dirampas, iaitu 8 kali lebih banyak daripada rampasan tahun 1983 juga berjumlah 110.73 kg. Rampasan ganja pada tahun 1983 ialah 386.37 kg. dan pada tahun 1984 ialah 1,766.42 kg. Jumlah heroin yang dirampas ialah 200.08 kg. pada tahun 1983, dan 242.94 kg. pada tahun 1984. Akibat tindakan penguatkuasaan yang dijalankan didapati ketulian dadah yang dirampas juga telah menurun sebanyak 50%. Kejayaan yang telah dicapai ini adalah hasil daripada maklumat-maklumat yang diterima oleh Bilik-bilik Gerakan yang ditubuhkan oleh Kerajaan, kerjasama daripada orang ramai dan usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi-agensi penguatkuasaan anti-dadah.
- (iv) Dengan bertambahnya kemudahan rawatan dan pemulihan sejak tahun 1983, lebih ramai penagih-penagih dadah telah menjalani rawatan dan pemulihan baik di dalam institusi mahupun secara pengawasan.
- (v) Dalam bidang pencegahan pula, usaha-usaha menanam sikap membencikan dadah di kalangan masyarakat telah dipergiatkan di kalangan murid-murid sekolah dan juga masyarakat umum. Kementerian Pelajaran sendiri telah melancarkan satu kempen anti-dadah khusus ditunjukkan kepada murid-murid sekolah dan juga guru-guru.
- (vi) Untuk menunjukkan bahawa Kerajaan tidak bertolak ansur dalam usaha mencegah dan membasmi dadah, semua agensi-agensi Kerajaan telah diarahkan untuk mengadakan program-program pencegahan dan pembasmian penagih dadah di kalangan kakitangan-kakitangan mereka dengan sertamerta. Ini adalah sejajar dengan konsep Kepimpinan Melalui Tauladan.
- (vii) Peranan Pertubuhan-pertubuhan Sukarela dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan yang lain dalam membantu Kerajaan mencegah dadah telah juga diselaraskan. Sehubungan dengan itu satu garis panduan telah dikeluarkan untuk memberi panduan kepada badan-badan tersebut di dalam menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Sektor Swasta juga telah tampil memberi sumbangan bagi membantu usaha-usaha Kerajaan memerangi masalah dadah. Jentera-jentera Rukun Tetangga di seluruh negara sedang dilibatkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti membantu Pegawai Pemulihan

Dadah di dalam rundingan dan aktiviti-aktiviti pencegahan dadah lainnya.

(d) Peruntukan kewangan adalah diberi terus kepada agensi-agensi pelaksana seperti berikut:

<i>Penguatkuasaan</i>		1983	1984
Jabatan Polis Di Raja Malaysia		\$19,400,000.00	\$25,089,878.00
<i>Rawatan dan Pemulihan</i>			
Kementerian Dalam Negeri ..		\$ 5,613,000.00	\$ 6,235,000.00

Kerajaan telah pun menyediakan satu rancangan bertindak 5 tahun sebagai sebahagian daripada Rancangan Malaysia Kelima. Keperluan kewangan untuk semua bidang tindakan anti-dadah sedang di dalam proses penelitian oleh agensi-agensi pusat.

menyokong industri kereta Malaysia. Walau bagaimanapun, setakat ini Kerajaan belum lagi mengadakan satu dasar dalam perkara ini.

TABUNG KEBULURAN AFRIKA— DERMA

53. Tuan K. Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah derma yang dipungut dari berbagai sumber sehingga bulan Mac, 1985 untuk disampaikan kepada pihak berkenaan bagi Tabung Kebuluran Afrika; dan
- (b) bantuan-bantuan khas yang diberi kepada Ahli (Afrika) yang mempunyai hubungan rapat dengan Malaysia, bagi mengatasi masalah kebuluran negara itu.

PROTON SAGA—KEGUNAAN RASMI KERAJAAN

52. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kereta Proton Saga akan digunakan sebagai kereta rasmi Menteri-menteri, Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan sama ada di dalam atau di luar negeri.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Saya memohon menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan Y.B. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim pada 18hb April, 1985.

Kerajaan menggalakkan Menteri-menteri, Duta-duta dan kakitangan Kerajaan menggunakan barang-barang buatan tempatan termasuklah kereta-kereta keluaran tempatan seperti Proton Saga. Dengan demikian, pada pandangan saya semua pihak yang mendapat pinjaman untuk membeli kenderaan adalah sama-sama mempunyai kewajipan

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Jumlah derma yang telah dikutip oleh 12 badan penganjur utama termasuk akhbar-akhbar tempatan sehingga 4hb April, 1985 adalah sebanyak \$1,206,370.84.

Di samping itu Kerajaan juga telah menguruskan penghantaran beras ke Mali bagi membantu mengurangkan masalah kekurangan makanan yang dihadapi oleh negara itu. Setakat ini sebanyak 2 bantuan telah pun disampaikan ke negara itu dan satu lagi bantuan dijangka di hantar pada penghujung tahun ini.

SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN

54. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan berapa banyak di antara sekolah ini yang menyediakan kelas untuk mata pelajaran bahasa Tamil.

Dato Dr Ling Liong Sik: Buat masa ini tidak ada lagi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan di Semenanjung Malaysia. Sekolah-sekolah yang dahulunya dikenali sebagai Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan. Bagaimanapun jumlah Sekolah Menengah Kebangsaan yang terdapat di Semenanjung Malaysia kini ialah 1,165 buah. Daripada jumlah ini 315 buah sekolah menyediakan kelas untuk mata pelajaran bahasa Tamil pada tahun 1984. Untuk tahun 1985 Kementerian Pelajaran belum dapat menentukan jumlahnya kerana Kementerian Pelajaran sedang mengumpulkan maklumat-maklumat dari Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri.

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA— TAMBAHAN

55. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau berhasrat menambah bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia; jika ya, nyatakan sepenuhnya rancangan ini untuk lima tahun akan datang.

Dato Dr Ling Liong Sik: Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sedang membuat beberapa cadangan bagi menambah bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di

seluruh negara, Cadangan ini akan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kelima. Saya minta maaf tidak dapat mengumumkan cadangan-cadangan itu kerana Rancangan Malaysia Kelima masih belum diluluskan oleh kerajaan.

PENCEROBOHAN VIETNAM TERHADAP THAILAND

56. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada ASEAN telah menentukan sesuatu yang positif untuk menolong negara Thailand yang sedang diancam oleh pencerobohan Vietnam.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya ingin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Y.B. Senator Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar pada 18hb April, 1985 yang mana adalah serupa ataupun membawa makna yang sama dengan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia amatlah memandang berat terhadap pencerobohan tentera Vietnam ke atas Thailand baru-baru ini. Pencerobohan tersebut telah menegangkan keadaan keselamatan di sempadan Thailand/Kampuchea. Malaysia telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar pada 9hb Mac, 1985 di mana kita telah mengutuk Vietnam di atas tindakannya itu serta menyeru Vietnam menghentikannya dan seterusnya berusaha mencari jalan ke arah penyelesaian politik ke atas masalah Kampuchea. Malaysia kluatir ketegangan di sempadan Thailand/Kampuchea itu akan bertambah lebih buruk dan mungkin akan menjejaskan pula keselamatan negara-negara lain seperti Malaysia dan Singapura khususnya dan negara-negara lain di Asia Tenggara ini sekiranya pertempuran di antara askar-askar Thailand dan Vietnam berterusan.

Setakat ini pihak Thailand telah mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah pencerobohan ke atas wilayahnya termasuk tindakan-tindakan ketenteraan dan diplomatik. Dari segi ketenteraan, angkatan tentera Thailand telah melancarkan serangan-serangan balas mengusir penceroboh-penceroboh Vietnam keluar dari Wilayah Thailand, dan dari segi diplomatik pula, mereka telah pun membuat pengaduan melalui nota-nota bantahan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pencerobohan oleh askar-askar Vietnam itu.

Bagi Malaysia, kita menyokong penuh tindakan-tindakan Thailand itu dan berhubung dengan hal ini, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia juga telah melawati sempadan Thailand/Kampuchea di daerah Surin pada 21hb Mac yang lepas untuk melihat keadaan keselamatan di sempadan dan juga kedudukan orang-orang pelarian Khmer di sana. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah seterusnya menyatakan sokongan dan solidariti Malaysia terhadap Thailand di dalam menghadapi tekanan dari Vietnam itu. Sekiranya keadaan di sempadan Thailand/Kampuchea tersebut menjadi bertambah terancam, negara-negara anggota ASEAN yang lain tidak akan berdiam diri dan akan memberi apa saja sokongan kepada Thailand dalam menghadapi ancaman yang bertambah serius itu.

Malaysia dan negara-negara anggota ASEAN yang lain tidak percaya tentang kenyataan Vietnam bahawa tentera mereka tersilap masuk ke sempadan Thailand kerana kejadian seumpama ini telah pun berlaku di masa-masa yang lalu apabila askar-askar Vietnam

menyerang dan memburu askar-askar Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea.

PROJEK AEROBUS DAN LIGHT RAIL TRANSIT

57. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan status semasa projek "AEROBUS" dan "LIGHT RAIL TRANSIT"; siapakah yang akan mengendalikan dan bila akan bermula dan bila pula dijangka siap.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Pada ketika ini, syarikat SITRA Sdn Bhd yang telah ditubuhkan khusus bagi melaksanakan projek Aerobus di Bandaraya Kuala Lumpur sedang menjalankan usaha-usaha ke arah pelaksanaan projek ini. Sebagai sebuah projek pengangkutan awam, umum mengetahui bahawa projek Aerobus ini memakan belanja yang besar. Keperluan kewangan yang besar ini biasanya menyebabkan Kerajaan sendiri yang menanggung beban melaksanakan satu-satu sistem pengangkutan awam. Bagaimanapun, memandangkan adanya pihak swasta yang sanggup melaksanakan projek Aerobus, Kerajaan telah bersetuju bagi SITRA melaksanakannya.

Dalam menyerahkan tanggungjawab ini kepada SITRA, Kerajaan tidak pula melepaskan tangan malahan akan juga membantu SITRA untuk menjayakan projek ini. Pada masa ini, SITRA sedang menunggu keputusan Kerajaan mengenai permohonannya bagi mendapatkan tanah sejumlah 200 ekar dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk pertamanya, 50 ekar dari tanah tersebut dijadikan sebagai cagarannya kepada pinjaman-pinjaman yang akan diperolehi dan

keduanya, baki 150 ekar tanah pula, dimajukan supaya keuntungan dari pembangunan tersebut membiayai perjalanan sistem Aerobus pada kadar tambang yang munasabah. Kerajaan akan membuat keputusan mengenai tanah-tanah yang diperlukan dalam sedikit masa lagi.

Pemberian tanah ini bukan satu subsidi kepada SITRA kerana ia akan dikenakan pembayaran premium tanah mengikut harga pasaran tanah yang berkenaan. Lagipun, pemberian tanah ini adalah bersesuaian dengan rancangan Kerajaan untuk menjual tanah bagi mendapatkan kewangan untuk membiayai projek LRT, iaitu satu projek pengangkutan awam di Lembah Kelang. Kerajaan akan mengambil tindakan untuk memastikan pemberian tanah kepada SITRA akan memanfaatkan pelaksanaan sistem Aerobus. Sekiranya segalanya berjalan dengan baik, adalah dijangkakan bahawa projek Aerobus dimulakan pada penghujung tahun ini dan siap pada penghujung tahun 1987.

Mengenai projek Light Rail Transit (LRT) sebuah syarikat kepunyaan Kerajaan keseluruhannya telah ditubuhkan bagi melaksana dan mengendalikan projek. Langkah-langkah juga sedang diambil untuk melantik juruperunding bagi syarikat STLR, menjual tanah untuk mendapatkan hasil untuk pembiayaan projek, mengadakan perjumpaan dengan pihak bank-bank serta wakil Kerajaan Negeri Perancis dan Belgium untuk menimbang dengan lebih lanjut tentang pembiayaan projek LRT ini melalui "soft loan" dan eksport kredit dengan dikenakan faedah yang rendah. Adalah dijangkakan kontrak bagi projek ini dapat dimeterikan pada suku ketiga tahun 1985. Projek dijangka siap pada penghujung tahun 1988.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku, Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam (15hb April, 1985).

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom menyambung ucapannya.

3.35ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, di dalam meneruskan perbahasan mengenai dengan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Parlimen baru-baru ini, semalam saya telah banyak memperkatakan mengenai dengan sejarah kebangkitan bangsa dan sejarah kemerdekaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa saya membangkitkan perkara-perkara itu di dalam Dewan ini. Tentu saya mempunyai sebab-sebab saya tersendiri. Sebabnya, Tuan Yang di-Pertua ialah sepertimana yang Kerajaan sendiri tahu dan orang ramai tahu bahawa di dalam satu forum atau di dalam satu seminar yang dianjurkan oleh sebuah parti politik di dalam negara kita baru-baru ini ataupun dengan tegasnya. Tuan Yang di-Pertua, saya katakan dalam satu seminar yang dianjurkan oleh Parti Islam Se Tanah Melayu, ada satu kertas kerja yang dibentangkan oleh seorang dari menara gading, seorang pensyarah dari Universiti Malaya kita dalam Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Awam mengatakan di dalam kertas kerjanya itu bahawa kemerdekaan negara kita ini tidak disertai dengan gerakan rakyat seluruh, atau di dalam ertikata dalam bahasa perjuangan politiknya "tidak ada revolusi" maka menjadikan kemerdekaan Malaya dan sekarang ini Malaysia kemerdekaan yang separuh masak, kemerdekaan yang tidak penuh.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya ingin menyebut nama orang yang berkenaan iaitu Dr Jomo Kawami Sundram. Beliau menyatakan bahawa hanya kemerdekaan sesebuah negara yang melalui revolusi berdarah sahaja baru dikatakan kemerdekaan negara itu kemerdekaan yang tulen ataupun kemerdekaan yang sejati, kemerdekaan yang boleh membawa perubahan hidup kepada seluruh rakyat.

Dengan membandingkan bahawa hanya seperti revolusi di Indonesia sahaja yang akan mendatangkan isi dan makna kepada kemerdekaan. Dan kemerdekaan Malaysia, kemerdekaan Malaya sebelumnya yang diterima secara perlembagaan di dulang perak, kemerdekaan kosong. Dan ini disambut oleh Yang di-Pertua Agong

PAS, Tuan Haji Yusof Rawa menyatakan ya, memang kemerdekaan kita ini kemerdekaan setengah masak.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun orang yang membentangkan kertas kerja ini seorang yang berpelajaran tinggi, berpengetahuan tinggi tetapi saya katakan bahawa ianya adalah buta dalam sejarah. Seorang yang tidak mengenal sejarah perjuangan bangsa Melayu sejak 400 tahun yang lalu. Apakah dia menganggap bahawa revolusi itu hanya rakyat berani membuka dada, tumbang berpuluh-puluh ribu, beratus-ratus ribu di depan meriam dan bedil musuh, itu sahaja revolusi?

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan semalam sejak daripada pagi 10hb Julai, 1511 pahlawan-pahlawan Melayu Melaka Tun Ali, Tun Fatimah, Bendahara Melaka mempertahankan negeri Melaka itu dengan titisan darah yang berakhir, apakah itu tidak revolusi. Tetapi sejarah tidak menulis itu revolusi. Penjajah mengatakan orang Melayu sebagai lanun, orang Melayu sebagai pemberontak, orang Melayu sebagai penderhaka.

Apakan kebangkitan Dol Said yang bertahan di Naning mempertahankan tanahairnya Melaka itu bukan revolusi? Apakah kebangkitan Tok Gajah, Imam Rasul, Bahaman, Mat Kilau bukan revolusi? Apakah kebangkitan Mat Salleh di Sabah bukan revolusi? Apakah kebangkitan seorang yang sanggup membunuh Gabenor di Sarawak bukan revolusi? Apakah kebangkitan Dato Maharajalela membunuh Residen British di Pasir Salak bukan revolusi? Tetapi kerana sejarah tidak mengatakan itu revolusi, maka generasi sekarang tidak kenal bahawa itulah revolusi ala rakyat Melayu menentang penjajah yang mahu mencengkam kekuasaan dan hak mutlak kedaulatan tanahair.

Dengan adanya kemerdekaan negara kita yang dikatakan setengah masak ini. Tuan Yang di-Pertua, telah melahirkan berapa ribu anak-anak putera kita, sama ada daripada keturunan Melayu, Cina dan India yang sempat belajar di pusat-pusat pengajian tinggi sama ada dalam ataupun luar negeri. Tetapi oleh kerana seperti saya katakan semalam kerana anak-anak kita, kita beri peluang belajar dengan belanja Kerajaan begitu mudah dan begitu senang, maka mereka melupakan ini semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir apakah kita lupa bahawa setiap malam di angkasa negara kita ini ada satu siaran radio haram yang dikatakan Suara Revolusi Rakyat Malaya. Jadi, kalau ada suara haram mengatakan suara revolusi, maka di bumi nyata ini juga ada orang mengatakan bahawa perjuangan secara revolusi itulah perjuangan total, maka ini ada percantumannya. Ada percantumannya suara melaungkan revolusi oleh sebuah parti politik yang kita haramkan dalam negara kita yang menjalankan gerakan keganasan secara total, secara bersenjata dengan nada yang dilaungkan oleh orang di bumi nyata hanya dengan revolusi sahaja baru perjuangan rakyat ini benar-benar mencapai kepada matlamat. Apakah hanya revolusi Mao atau revolusi ala Lenin, Marx sahaja yang dianggap revolusi yang sah?

Negara kita ini pernah bergoncang dengan adanya orang-orang yang cuba bersetiakawan dengan komunis dan telah pun membuat pengakuan taat setia kepada Baginda Yang di-Pertuan Agong. Di dalam kita alpa, di dalam kita lalai, kita digoncangkan dengan tulisan Alex Josey dan apakah ini? Saya katakan ini adalah sebahagian daripada warisan Alex Josey. Siapa dia Jomo Kawami Sundram ini?

Tuan Yang di-Pertua, kita jangan lupa bahawa di dalam gerakan komunis juga ada paperi yang menggunakan Islam, yang memperalatkan Islam untuk mempengaruhi masyarakat Melayu yang beragama Islam supaya menyokong perjuangan komunis. Maka PAS menggunakan forumnya membawa kertas kerja seperti ini ke dalam forumnya. Saya khuatir ada hubungan ini di antara satu ada kaitannya. Adakah Kementerian Dalam Negeri telah menyedari dan menyelidiki ini sedalam-dalamnya?

Seperti saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa orang yang mengatakan kemerdekaan kita separuh masak kerana kemerdekaan kita tidak dengan revolusi, tidak dengan bambu runcing, tidak dengan bergelimpangnya anak-anak bumiputera. Orang-orang ini lupa sejarah telah mengatakan bahawa selama 400 tahun orang Melayu tidak duduk diam sehingga Raja Melaka berpindah daripada satu tempat ke satu tempat untuk mempertahankan dan menegakkan takhta Kerajaannya daripada Melaka ke Muar, ke Pagoh, ke kota yang dikatakan biawak busuk dan sebagainya. Ini tidak boleh kita nafikan. Hanya sekarang ini mereka yang masih bertolak kolonial, berfikiran secara anak jajahan menjadi tali barut kepada penjajah yang mahu mengatakan orang Melayu sebagai penderhaka, orang Melayu sebagai lanun, orang Melayu sebagai penjahat, orang Melayu sebagai pemberontak dan sebagainya. Kita kena membetulkan ini semua supaya anak cucu kita, bangsa kita terus-menerus akan menerima dan hidup di dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat ini dengan aman, dengan ada persefahaman daripada semua suku keturunan kaum bangsa, keturunan agamanya berlainan budaya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini semalam juga saya perkatakan bahawa

dengan adanya di dalam satu muktamar PAS yang diadakan pada hari Minggu menurunkan gambar Perdana Menteri kita dan Timbalan Perdana Menteri, ini adalah satu gejala. yang saya katakan gejala yang akan membawa kepada satu fahaman melampau yang kuat. Apabiia saya membaca satu buah buku yang bertulis revolusi agama bahawa ada satu angkatan di dalam nusantara kita ini kepulauan Melayu dan Indonesia yang telah menulis revolusi agama. Kalau mahu menang bahawa di dalam agama juga perlu ada revolusi. Jadi, apakah keadaan-keadaan ini telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin PAS itu merupakan sebahagian daripada method ajaran buku revolusi agama ini? Kalau mahu menang kita singkirkan sahaja Imam-iman Kerajaan. kita jangan terima fatwa-fatwa daripada Mufti-mufti Kerajaan, kita ketepikan hukum-hukum daripada Kadi-kadi Kerajaan, kita ketepikan siaran-siaran daripada Majlis-majlis Agama Islam Negeri-negeri, kita katakan sahaja penyembelihan orang-orang UMNO itu tidak halal dimakan, kita katakan sahaja bahawa nikah yang dinikahkan oleh wali yang berwakilkan kepada Juru Nikah Kerajaan itu tidak sah. Ini merupakan satu gerak yang mungkin diambil daripada cara mahu ada revolusi di dalam agama. Kalau ini, Tuan Yang di-Pertua, maka kita akan menghadapi satu masalah, selain daripada kita mahu memperkukuhkan perpaduan kesederhanaan sepertimana yang dikehendaki di dalam Titah Baginda ini. kita akan menghadapi satu masalah yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya baca pula, apabila semalam saya menyebutkan risalah peristiwa berdarah di FELDA Lubok Merbau, hari ini keluar di dalam *Berita Harian* mengatakan peristiwa berdarah dirancang oleh Mutalib. Saya ada bukti yang cukup. Kalau di dalam risalah peristiwa berdarah di FELDA

Lubok Merbau ini yang ditulis oleh Haji Suhaimi Said, diterbitkan oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) kawasan Temerloh, dijual untuk derma perjuangan, dijual untuk derma membantu kepada balu dan keluarga mereka yang terlibat di dalam peristiwa berdarah di Lubok Merbau itu, risalah ini telah diharamkan tetapi saya katakan bahawa risalah ini masih terus disebar dan hari ini seorang yang bernama Wan Mutalib bin Embong mengatakan bahawa peristiwa berdarah di Lubok Merbau itu sengaja dirancang dan melibatkan nama satu Bahagian UMNO, iaitu UMNO Bahagian Kulim, Kedah. UMNO Bahagian Kulim, Kedah dikatakan memberi tawaran \$500 seorang sekiranya mereka dapat membunuh atau mencederakan ahli-ahli PAS. Ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu tuduhan jahat, satu tuduhan melalui yang sepatutnya Kerajaan tidak boleh memperbiarkan ini terus bergerak dan berjalan.

Risalah ini tidak boleh terus bergerak dan berjalan. Tuduhan yang seperti ini tidak boleh terus jadi dan berjalan, akibatnya nanti peristiwa 13hb Mei, tragedi berdarah seperti 13hb Mei akan berulang, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau orang yang mengatakan bahawa kemerdekaan negara kita setengah masak, kemerdekaan tidak revolusi itu duduk di menara gading, yang akan memimpin pelajar-pelajar dan mahasiswa, maka akan sia-sialah harapan dalam Titah Seri Paduka Baginda yang mengharap supaya pusat-pusat pengajian tinggi hendaklah kekal menjadi tempat pertumbuhan semangat kebangsaan yang sihat dan membina, bukan dijadikan gelanggang pertentangan antara berbagai-bagai golongan. Jadi ini telah lari daripada kehendak di dalam Titah Seri Paduka Baginda yang mengharap supaya semua

universiti-universiti dan pusat pengajian tinggi yang lain dalam negara kita ini akan melahirkan anak-anak warisan bangsa rakyat Malaysia ini yang akan menjamin, yang akan menjaga dan yang akan meneruskan pimpinan negara kita ini kepada arah pembangunan dan perpaduan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan akan bertindak tegas, Kerajaan terutama Kementerian dalam Negeri akan bertindak tegas di dalam hal ini supaya jangan dibiarkan duri di dalam daging, kalau dibiarkan duri di dalam daging mencocok-cocok, kalau daging telah mulai menjadi bisul bukan sahaja duri tidak dapat dikeluarkan malah tempat yang menjadi bisul itu perlu dipotong.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk mengambil bahagian lebih panjang lagi di dalam membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini kerana saya akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk menyampaikan bahasanya, namun demikian saya masih akan menyampaikan satu, dua perkara lagi. Tuan Yang di-Pertua.

Kalau di dalam gerakan-gerakan pelampau yang telah memperalat agama ini mengadakan satu ijtimak yang dikatakan ijtimak "Al-Mustakzafin" untuk menentang golongan "Al-Mustakbirin", ini kita harus mengkaji sebaik-baiknya.

Di dalam kita membincangkan masalah negara kita dengan Arab Saudi mengenai dengan muasassah. di dalam masa pilihanraya Padang Terap saya ada di sana 10 hari, dia mengadakan satu kawasan muasassah di batu 19. Jalan Pokok Sena ke Kuala Bcrang. Kita berharap supaya muasassah ini akan dapat selesai

terutama apabila jemaah-jemaah haji kita menunaikan fardhu haji tahun ini dan kita berharap rombongan demi rombongan dari Kerajaan kita ke Arab Saudi akan dapat menyelesaikan masalah muasassah ini dan kita tidak mahu mengulang-ulang lagi masalah muasassah ini di dalam Dewan yang mulia ini kerana perkara itu insya AHah kalau kita ada perundingan kita ada musawarah wasura bainahum, insya-Allah akan selesai.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak katakan tadi ialah mengenai dengan ijtimak Al-Mustakzafin untuk menentang golongan Mustakbirin. Pemimpin kita, Perdana Menteri kita dikatakan orang-orang Mustakbirin yang mendabik dada seperti Firaun, seperti Thoud dan sebagainya. laungan-laungan ini sentiasa masuk ke dalam telinga rakyat terutama di kawasan-kawasan luar bandar kerana ucapan-ucapan ini ditapekan, dikasetkan dan dijual sebagai derma jihad. Sebagai derma jihad, sebagai tabung jihad maka ini diputar di mana-mana.

Kita telah meluluskan beberapa bulan yang lalu Akta mengenai dengan cara kita hendak menyekat perkembangan ini tetapi saya nampak keadaan ini masih terus berlalu. Kita mempunyai anggota-anggota polis cawangan khas di merata negara. Saya rasa anggota-anggota cawangan khas kita adalah termasuk di dalam anggota-anggota cawangan khas yang tercekap, kalau tidak di dunia, di Asia. kalau tidak di Asia mungkin dalam negara kita tetapi mengapa keadaan ini terus berlalu. Masih juga berjalan, laungan-laungan yang mengatakan hanya Iran sahaja yang mengamalkan pemerintah secara Islam, hanya revolusi Iran sahaja yang patut kita jadikan contoh dan kita ikuti. Ini masih berkumandang di angkasa kampung-kampung di mana

tempat adanya madrasah-madrasah mereka ini yang ditulis dengan madrasah-madrasah AI-Falah. Ertinya madrasah tempat kejayaan. Berkumpullah mereka di situ, memusingkan ucapan-ucapan yang telah ditepakan tadi setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, komunis di dalam gerakan-gerakan meresap ke dalam pertubuhan-pertubuhan yang halal. Kalau di dalam UMNO ini sendiri satu masa kita ada kesah-kesah yang mengerunkan begitu, maka saya tidak ragu mengatakan kalau komunis pula sekarang ini meresapi ke dalam satu parti politik yang bernama Parti Islam Se-Malaysia ini. Mereka cuba melepaskan jarumnya dengan menghasut rakyat dengan satu kertas kerja bahawa kemerdekaan Malaya atau Malaysia tidak dimenangi melalui kejayaan satu barisan bersatupadu yang berasaskan seluruh rakyat jelata terhadap pihak berkuasa penjajah. Dalam ertikata tidak ada revolusi maka kemerdekaan ini separuh, kemerdekaan yang tidak masak, kemerdekaan yang tidak membawa erti maka kita harus mengadakan satu kali lagi revolusi, adakan revolusi ala-Iran, maka diarahkan supaya pengikutnya semua yang lelaki ber-serban dan berjanggut, yang wanita berpurdah dan berjelbab. Ini telah dikeluarkan di dalam keputusan muktamar, Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini lagi satu gejala-gejala yang ada di dalam masyarakat kita, bangsa kita yang sedang berusaha untuk membangun meneruskan pembangunan kemajuan sebanyak sedikit untuk memberikan perubahan hidup kepada generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua. Seelok-elok tempat untuk mengelakkan berlakunya atau bercambahnya fahaman-fahaman melampau seperti

ini ialah kita bersihkan kawasan-kawasan itu daripada semak-samun fikiran, daripada semak-samun fitnah, daripada semak-samun hujah-hujah yang tidak berpijak kepada bumi nyata.

Sejak kembalinya Allahyarham Tan Sri Syed Nasir Ismail nampaknya gerakan dakwah di negara kita ini agak lembab. Jadi sepatutnya Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri dapat menyusun satu gerakan dakwah seperti yang pernah dilakukan semasa Allahyarham Tan Sri Syed Nasir Ismail. Kita tidak perlu memanggil penceramah-penceramah, pensyarah-pensyarah daripada luar Malaysia. Saya tengok sekarang ini beberapa banyak penceramah-penceramah, pensyarah-pensyarah dari Indonesia, kita tidak menolak kepintaran dan kepandaiannya tetapi kadang-kadang penceramah-penceramah dari Indonesia itu sendiri yang berceramah di daerah-daerah atau berceramah di Radio dan TV. Misalnya, kadang-kadang tidak dapat memberi kefahaman yang sebenar kepada rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak kurang alim ulamak, kita tidak kurang mufti-mufti yang telah bersara, kita tidak kurang alim-ulamak-alim-ulamak yang kembali daripada Universiti Azhar yang sekarang ini masih sihat dan di dalam bidang dakwah ini tenaga-tenaga mereka ini sepatutnya kita kumpulkan, kita kumpulkan dan kita minta supaya mereka yang telah agak lanjut umurnya tetapi masih sihat dapat kembali ke tengah-tengah masyarakat untuk memberi fahaman dan menerangkan kepada masyarakat tujuan apakah yang sebenarnya Islam ini mengajak umatnya. Jika sekiranya telah dapat kita tanamkan ke dalam masyarakat kita dengan kalimah "wala tansibaka minadunia", maka tidak lari bahawa projek pembangunan

Rancangan Malaysia Kelima yang akan lebih hebat lagi untuk rakyat bukan sahaja dalam bandar terutama di kawasan luar bandar seperti yang dikehendaki dalam Titah Di Raja ini. Kawasan-kawasan luar bandar, para nelayan, kaum tani, pekerja ladang dan orang-orang asli serta kumpulan-kumpulan yang kurang bernasib baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya terperanjat di dalam soal jawab hari semalam apabila Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mengatakan bahawa daripada 3,000 lebih peneroka-peneroka FELDA yang disingkirkan daripada FELDA, 3,000 peserta ialah lari. 3,000 daripadanya lari meninggalkan FELDA. Ini satu masalah besar yang sepatutnya kita fikir sedalam-dalamnya. Kalau sekarang ini kita ada 75,000 keluarga dalam FELDA, maka 3,000 lari meninggalkan FELDA diberi 10 ekar tanah, kalau nilainya satu ekar tanah \$10,000 ertinya diberi harta sebanyak \$100,000 lari, ini sepatutnya kita kaji.

Apakah benar orang-orang yang tidak bertanah ini diberi harta nilai sebanyak \$100,000 kalau satu ekar \$10,000 itu tidak mahu? Saya percaya ada masalah-masalah lain, Tuan Yang di-Pertua, yang menyebabkan keadaan 3,000 peneroka itu lari meninggalkan FELDA. Sebab-sebab ini sepatutnya dapat kita atasi kerana perkara seperti ini kita tidak mahu akan berterusan, berterusan menjadi masalah, berterusan dan mereka yang 3,000 apabila balik ke kampung asal masing-masing akan membawa cerita yang tidak-tidak, akan membawa cerita yang bukan-bukan, akan membawa cerita yang kononnya menjadi peneroka FELDA lebih teruk lagi daripada hamba abdi di zaman penjajah. Im dilaungkan oleh golongan yang tidak suka kepada adanya FELDA. Kenapa awal balik? Oh kerana kami kena tindas, kerana

kami tertekan lebih dahsyat lagi daripada zaman abdi. Jadi ini dilaungkan dan disampaikan kepada orang ramai bahawa FELDA ini adalah sistem penjajah memperbodohkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap semoga masalah yang seperti ini insya Allah akan dapat diatasi. Dengan berkat usaha kerajinan dan tanggungjawab kakitangan pegawai Kerajaan di perkhidmatan awam, saya berterima kasih kepada kakitangan Kerajaan di perkhidmatan awam yang telah melaksanakan tugas-tugasnya dengan sempurna dan cemerlang. Namun demikian masih kedapatan juga kakitangan kita di sektor perkhidmatan awam ini masih lembab dan tidak menjalankan tugasnya kalau tidak tentulah Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara tidak mengeluarkan arahan baru-baru ini supaya setiap rungutan rakyat diambil berat. Sebagai Ketua Setiausaha Negara tentu memahami masalah perjalanan dan pentadbiran negara maka teguran dan ingatan daripada Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara itu sepatutnya akan menjadi ingatan yang sebaik-baiknya.

Baru-baru ini kita dengar ada satu etika perkhidmatan secara Islam yang akan disampaikan kepada seluruh kakitangan Kerajaan yang beragama Islain tetapi sayangnya telah beberapa bulan perkara ini diumumkan di dalam satu pertemuan saya dengan 200, 300 orang kakitangan Kerajaan di Jabatan Pertanian seluruh Negeri Selangor, saya tanya adakah anda semua telah menerima satu salinan ataupun bagaimana caranya etika perkhidmatan dalam Islam itu, belum lagi. Jadi ini mengapa keadaan yang seperti ini telah diumumkan begitu lama tetapi perkara itu masih tidak sampai kepada sasaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini bukan satu dasar dan mungkin itu bukan satu undang-undang, ini satu

harapan pemimpin kita yang mahu menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran supaya kakitangan kita yang berjumlah \$800,000 itu dapat berkhidmat dengan bersih, dengan cekap, dengan amanah, dengan jujur, dengan pantas supaya harapan rakyat jangan diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan lagi di dalam usaha-usaha kita menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran ini, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mulai dari sekarang Kerajaan tidak akan meluluskan lagi atau Kerajaan tidak akan mengeluarkan lagi apa sahaja bentuk lesen perjudian, di dalam apa bentuk dan rupa sekalipun. Jangan keluarkan dan jangan luluskan kalau ada permohonan, mana-mana lesen perjudian yang telah habis tempohnya jangan disambung semula, kerana perjudian ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu wabak penyakit di dalam masyarakat bukan sahaja masyarakat di dalam bandar seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi sebab-sebab jenayah kerana perjudian tetapi daripada perjudian telah mengakibatkan kepada kerosakan kewangan satu-satu keluarga. Kita lihat bagaimana kedai tikam ekor, Empat Nombor Ekor yang dikurijungi oleh beribu manusia bagi satu-satu daerah yang mengaut wang rakyat berpuluh ribu dalam setiap minggu.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya mencadangkan kepada Kerajaan mulai daripada sekarang supaya tidak lagi mengeluarkan lesen tempat minuman keras, meluluskan permohonan baru dan tidak menyambung semula permohonan-permohonan yang telah habis tempohnya kerana judi dan minuman keras ini minta izin, saya baca dalam Al-Quran Allah Taala berfirman: Terang arahannya di situ.

Walaupun apa bangsa, walaupun apa keturunan, walaupun apa kaum sekalipun memang tidak suka kepada judi dan mabuk. Sebuah negara jiran kerana kita menjadi penagih minuman, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, lucut jawatan tertinggi, kita takut dengan adanya minuman keras ini nanti akan menjadi rahsia kepada Kerajaan bocor, dengan adanya perjudian ini rahsia Kerajaan akan bocor.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengumumkan mengenai pelajar-pelajar kita di luar negeri yang mendapat biasiswa Kerajaan yang menjalankan gerakan-gerakan, kumpulan-kumpulan menentang Kerajaan akan dipanggil balik dan akan dipotong biasiswanya. Saya mohon supaya dapat penjelasan setakat ini telahkah tindakan diambil, telahkah amaran dilaksanakan atau hanya setakat amaran demi amaran tetapi tidak ada tindakan seterusnya diambil ke atas mereka yang menjadi duri dalam daging. Kita mengharapkan supaya anak-anak kita belajar keluar negeri menimba ilmu sebanyak-banyaknya untuk kembali ke tanahair menjadi rakyat yang berguna. Jika sekiranya dalam masalah ini mereka telah cuba menyalahgunakan amanah dan harapan daripada ibu bapa, harapan daripada negara, harapan daripada pemimpin, maka saya tidak mempunyai keyakinan sepenuhnya kepada mereka apabila balik nanti akan menjadi rakyat yang 100% berguna kepada negara dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Titah Di Raja ini masih ada beberapa lagi yang saya ingin sentuh tetapi oleh kerana saya rasa saya telah cukup mengambil masa di dalam perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sudah

perbahasan saya dan saya menyokong dengan sepenuhnya Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titahnya di dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keenam pada 25hb Mac, 1985. Sekian, terima kasih.

4.10 ptg.

Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kassim alias Hasanah Fatimah binti Haji Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke hadrat Allah kerana dapat peluang bagi saya bangun untuk melahirkan ucapan junjung kasih kepada Duli Baginda Yang di-Pertuan Agong di perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keenam pada 25hb Mac, 1985.

Junjung kasih dan tahniah di atas Titah Ucapan Baginda sebagai seorang Raja yang berperlembagaan yang berjiwa rakyat, yang begitu meneliti tiap-tiap perkembangan pembangunan dan menyeru kepada semua pihak sepatutnya bersamasamalah dengan Kerajaan ke arah meningkatkan lagi penerapan nilai-nilai Islam dengan lebih berkesan di samping langkah-langkah Kerajaan yang tidak akan menjejaskan hak asasi individu sesuai dengan keadaan negara Malaysia yang mengandungi masyarakat yang penghuninya berbagai kaum.

Tuan Yang di-Pertua, khususnya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sangat memberi perhatian dalam bidang ekonomi negara kerana adalah dijangka pertumbuhan ekonomi negara Malaysia pada tahun 1985 ialah sebanyak 6% untuk tahun 1986 pertumbuhan yang dijangkakan rendah dari tahun 1985.

Maka dalam hal ini pengeluaran yang lebih tinggi adalah perlu daripada penambahan kecekapan pekerjaan. Oleh itu, langkah berjimat Kerajaan

sangatlah dialu-alukan di mana rancangan-rancangan yang perlu dijamin hendaklah dijamin.

Sehubungan dengan ini perbelanjaan Agensi Luar Belanjawan (OBA) perlulah diawasi dengan teliti. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Audit hendaklah memainkan peranan yang lebih cekap dan berkesan. Juga jabatan-jabatan yang memungut hasil seperti Jabatan Hasil Dalam Negeri perlulah memungut kesemua cukai pendapatan yang mesti dibayar, terutamanya dari ahli-ahli perdagangan dan perniagaan dan lagi perbuatan tidak membayar cukai pendapatan tidak boleh dipandang ringan. Tindakan yang berkesan perlulah diambil kepada yang menyeleweng.

Tuan Yang di-Pertua, manakala wang caruman KWSP adalah satu sumber pinjaman Kerajaan dalam negeri, pekerja-pekerja Kerajaan perlulah diberi pilihan sama ada mereka memilih pensen ataupun mencarum. Apa yang berlaku sekarang ialah pekerja-pekerja tidak diberi pilihan langsung, hanya mereka mesti berpencen. Ini juga akan menolong mengurangkan beban Kerajaan dalam pembayaran pensen.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan seruan dan Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong maka kegunaan barang-barang yang dibuat di Malaysia dan ditanam di Malaysia iaitu pencukupan diri dalam pertanian seperti pengeluaran sayur, buah-buahan dan perikanan perlulah diberi perhatian yang sama tarafnya dengan pengeluaran kelapa sawit, koko dan sebagainya.

Dalam hal ini peruntukan untuk penyelidikan kepada MARDI, institusi pengajian tinggi dan lain-lain badan yang menjalankan kerja-kerja penyelidikan perlulah dihalusi sama ada perbelanjaan itu optima, minima atau mencukupi atau tidak

mencukupi, yang mana keputusan penyelidikan yang didapati mestilah setimpal dengan belanjawan yang diberi kerana apabila peruntukan penyelidikan yang diberi mencukupi maka tidak ada sebab hasil keputusan dari penyelidikan yang diperolehi itu tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dasar pelajaran pula, maka pembangunan pusat pengajian tinggi serta pengambilan pelajar-pelajar perlulah ditambah dengan pesatnya untuk menampung pelajar-pelajar sekolah menengah yang maktn hari semakin meningkat, bahkan dari tahun ke tahun. Ini adalah untuk mengurangkan pelajar-pelajar kita ke luar negeri khususnya untuk mendapatkan ijazah pertama. Dengan itu juga pengaliran wang keluar dapat dikurangkan. Juga bagi memperteguh dan membedung pengaliran wang dari mengalir keluar negara lain dalam masalah perbelanjaan pengangkutan dan insurans dengan syarikat-syarikat yang didaftarkan di luar negeri yang tidak mempunyai kerakyatan Malaysia, kerana Kerajaan kita masih menggalakkan mereka ini mengambil bahagian dalam equiti syarikat-syarikat ini yang seharusnya diganti atau diambilalih oleh syarikat tempatan. Takkanlah tidak ada syarikat-syarikat di Malaysia ini yang tidak boleh menggantikan syarikat-syarikat dari luar itu?

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu pengambilan kakitangan oleh Kerajaan dalam bidang-bidang tertentu mestilah dikaji semula yang mana jabatan yang berlebihan kakitangannya perlulah dikurangkan dan jabatan atau badan-badan berkanun yang tidak mencukupi perlulah dicukupkan. Manakala bersih, cekap dan amanah mestilah ditekankan sesuai dengan ekonomi negara yang terhad.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya mohon sedikit

kenyataan adakah negara Malaysia kita ini digulungkan dalam kumpulan negara yang agak maju atau sebaliknya kerana adakalanya Malaysia digulungkan ke dalam kumpulan negara yang agak maju. Kalau agak maju adalah menjadi kewajipan Malaysia menolong negara-negara yang kurang maju supaya perkhidmatan dari segi kepakaran dan perkhidmatan secara sukarela perlulah diwujudkan untuk membantu negara-negara yang kurang maju di samping menaikkan imej Malaysia di arena antarabangsa dan rakyat Malaysia yang terlibat boleh menimba pengalaman dan ilmu dari kerja-kerja sukarela yang dialaminya itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Belgium negara Eropah negara yang sebesar negeri Pahang boleh menghantar pakar-pakar saintisnya ke Malaysia, saya tidak nampak kenapa Malaysia tidak boleh berbuat demikian untuk membantu negara yang kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan menyokong dengan sepenuhnya ke atas Usul Junjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

4.17ptg.

Tuan M. Nyanapandithan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang diberi untuk memberi sepatah dua kata di Dewan ini.

Saya sungguh tertarik hati terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disampaikan sempena pembukaan rasmi mesyuarat Parlimen pada 25hb Mac, 1985 yang lalu.

Kandungan Titah Baginda itu mempunyai beberapa tunjuk cara, panduan garis serta nasihat yang harus dipatuhi oleh pihak pentadbir negara kita serta rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri berpendapat bahawa negara kita yang mempunyai masyarakat majmuk hanya akan dapat mencapai segala matlamat yang diinginkan itu menerusi kekuatan perdamaian dan perpaduan rakyat kita di semua peringkat. Saya ingin menegaskan di sini bahawa keperluan perpaduan di negara kita, khususnya pada masa-masa ini tidaklah boleh dibiarkan begitu sahaja. Kerajaan kita haruslah memberi keutamaan kepada perkara ini.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat kita dapati bahawa satu daripada antara matlamat-matlamat utama ialah ketahanan rakyat. Biarlah saya mengesyorkan supaya polisi-polisi perpaduan rakyat dijadikan salah satu matlamat utama dalam Rancangan Malaysia Kelima yang akan datang itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia kita semua hendaklah mempunyai sikap bertolak ansur dalam hal-hal seharian serta dalam pergaulan di antara kaum-kaum.

Kemerdekaan tanahair kita telah dicapai 27 tahun dahulu iaitu lebih daripada suku abad. Tempoh permulaan bagi sesuatu negara yang sedang membangun itu adalah amat penting bagi membentuk dan mengukuhkan sesuatu negara yang kuat dan sihat pada masa akan datang.

Kerajaan kita telah mencuba dengan sdaya upaya untuk mewujudkan keadaan perdamaian dan perpaduan di kalangan rakyat, tetapi nampaknya kita semua masih belum lagi mencapai matlamat ini.

Semasa Malayan Union dimansuhkan untuk memberi laluan kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, ketiga-tiga kaum di negara kita telah berbuat demikian atas kepentingan, perpaduan negara. Dengan itulah Kerajaan Perikatan telah dibentuk. Tetapi pada tahun 1974 pula, oleh kerana matlamat ini telah menyeleweng Allahyarham Tun Abdul Razak telah menubuhkan Barisan Nasional untuk menyatupadukan beberapa parti politik yang berpecahan fikiran. Beginilah usaha-usaha yang diambil dari segi politik.

Kerajaan kita telah juga mengamalkan beberapa polisi yang harus dipuji oleh kita. Kerajaan telah mencuba untuk menyatupadukan rakyat kita melalui pelajaran, khususnya menerusi satu Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia sekarang, dengan tidak mengenyepikan bahasa ibunda kaum-kaum lain.

Kerajaan juga telah mencuba untuk menggalakkan pergaulan di antara beberapa kaum, menerusi projek-projek perumahan. Begitu juga Kerajaan kita telah menjamin pengalaman berbilang agama di negara kita. Perayaan-perayaan yang diamalkan oleh beberapa kaum di negara kita adalah digalakkan supaya dianggap sebagai perayaan-perayaan nasional.

Memandangkan kepada kepentingan perpaduan dan perdamaian, Kerajaan telah juga menubuhkan sebagai Lembaga Perpaduan. Kementerian Penerangan telah dan sedang menyedarkan rakyat kita tentang kepentingan keperluan perpaduan ini menerusi berpuluh-puluh rancangan yang diterbitkan menerusi kemudahan RTM, penerbitan, kursus sivik, ceramah, tayangan-tayangan gambar dan sebagainya.

Baharu-baharu ini Kerajaan kita sedang mengambil suatu langkah yang terkuat sekali iaitu pembentukan Kebudayaan Nasional. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah antara beberapa rancangan serta amalan yang diperkenalkan oleh Kerajaan kita untuk menyatupadukan rakyat kita. Tetapi saya amatlah sedih menyatakan bahawa sejak kita mencapai kemerdekaan 27 tahun yang lalu negara kita masih belum mencapai matlamat yang terpenting ini. Saya telah menegaskan tadi bahawa inilah masa yang terpenting untuk mengekalkan perpaduan atas dua sebab. Yang pertama, ialah untuk mewujudkan masyarakat yang stabil. Dan keduanya, ialah untuk mengelakkan ancaman luar.

Saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri yang telah mengatakan baharu-baharu ini bahawa tanpa perpaduan rakyat, negara kita mungkin akan jatuh ke dalam tangan musuh seperti yang telah berlaku di Afghanistan. Saya mengalu-alukan kenyataan terus terang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam. Bila kita mengkaji keadaan politik dan ancaman luar di rantau ini kita tidak boleh menafikan bahawa negara kita harus menyediakan diri dengan adanya rakyat yang mempunyai semangat kebangsaan dan cinta kepada negara kita.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen mempengerusikan Mesyuarat).

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah menyenaraikan beberapa langkah yang telah diambil oleh Kerajaan kita tetapi mengapakah suasana yang tidak memuaskan masih timbul di kalangan rakyat kita. Adakah kerana langkah-langkah yang

diambil itu tidak berproduktif atau adakah kerana rakyat sendiri tidak hendak bekerjasama dengan Kerajaan kita dalam mewujudkan suasana bahagia. Saya amat berbangga bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah dari semasa ke semasa menitikberatkan bahawa hanya terdapat sebilangan kecil daripada masyarakat kita yang ingin memecah-mecahkan rakyat kita dengan tujuan meruntuhkan Kerajaan. Saya merasa bangga juga bahawa Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menggambarkan bahawa terdapat segolongan kecil rakyat kita yang menjadi halangan bagi pembangunan negara. Mereka ini jika dibiarkan begitu sahaja akan memperkembangkan perasaan ektrimisma di kalangan rakyat kita dan terus akan menjadikan tanahair kita suatu tempat yang tidak lagi dicemburui oleh negara-negara asing.

Saya mengesyorkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mengenalpasti mereka dan mengambil tindakan yang keras dan berkesan supaya usaha yang telah diambil setakat ini akan menjadi bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberitahu di Dewan ini bahawa Kerajaan kita sendiri haruslah memberi lebih perhatian semasa memperkenalkan polisi-polisinya bagi kebahagiaan rakyat. Saya mengakui bahawa Kerajaan kita mempunyai motif-motif yang baik dalam hampir segala tindakannya tetapi ia juga harus menentukan bahawa tindakan-tindakan itu tidak membawa kesan-kesan sampingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu serba sedikit mengenai langkah-langkah Kerajaan kita yang telah menyeleweng sedikit bukan semasa polisi-polisi dibentuk

tetapi semasa ianya dilancarkan, satu antaranya ialah sistem perumahan yang didapati sekarang. Dalam proses urbanisation di mana Kerajaan kita telah mencuba untuk menyusun semula rakyat dengan tidak mengira kaum. Kita telah membentuk rancangan perumahan yang berasaskan kepada suatu kaum pada keseluruhannya. Ini memperingatkan saya kepada Kampung Baru Cina yang ditubuhkan semasa kecemasan di negara kita. Sistem perumahan yang ada sekarang tidak akan mendapat menyatupadukan rakyat kita, sebaliknya ia akan mengasingkan mereka secara kekal. Oleh itu, saya mengesyorkan bahawa corak rancangan-rancangan perumahan dapat dikaji semula dan satu rumusan yang konkrit dapat diadakan untuk membolehkan segala kaum bergaul dengan sempurna supaya satu masyarakat yang bersungguh-sungguh Malaysian dapat ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pembentukan Kebudayaan Nasional, sebab ini adalah satu lagi langkah yang diambil bagi menyatupadukan rakyat negara kita sama ada ianya akan berjaya atau tidak terpujanglah kepada cara-cara Kerajaan ingin menggunakan dalam membentuk kebudayaan tersebut. Pada pendapat saya kebudayaan itu adalah suatu yang berkaitan secara langsung biar pun secara tidak langsung dengan bahasa, agama, cara hidup, makanan, alat resam, istiadat dan sebagainya. Bagi mana-mana satu kaum aspek-aspek yang tersebut tadi tidak boleh dikorbankan. Itulah sebab ianya semua masih wujud dalam sesuatu kebudayaan. Tambahan pula, apa yang difikirkan wajar dan baik bagi suatu kebudayaan mungkin akan dianggap tidak baik bagi kebudayaan yang lain. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan bahawa sentimen-sentimen kaum lain diambilkira dan suatu rumusan mengandungi semua

aspek dari tiap-tiap kebudayaan digabungkan bagi membentuk Kebudayaan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses menyatupadukan rakyat Kerajaan kita harus juga menjaga dan memenuhi kehendak-kehendak mereka. Apabila kehendak-kehendak mereka itu tidak dipenuhi bagi suatu tempoh yang begitu panjang, saya khuatir bahawa perasaan kekecewaan akan didedahkan. Ini tidaklah baik bagi sesebuah negara yang sedang membangun. Saya faham bahawa tidaklah wajar bagi kesemua kehendak itu mesti dipenuhi. Tetapi apa yang saya menegaskan ialah sejenis keadaan seimbang hendaklah diwujudkan dalam memenuhinya.

Saya percaya bahawa Dewan ini telah mendengar tentang hal-hal seperti tambahan tempat di universiti-universiti tempatan, kelulusan kewarganegaraan, lebih kebebasan dan lebih masa kedengaran di RTM, lebih peluang pekerjaan di sektor Kerajaan, lebih penyertaan di projek-projek Kerajaan dan sebagainya. Mengelakkan perasaan kekecewaan itu adalah suatu langkah yang berkesan dan konkrit bagi membentuk sebuah negara yang kuat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara sensitif seperti agama, bahasa dan bangsa harus juga diuruskan secara teliti supaya ianya tidak akan membawa ketegangan. Kebebasan kepercayaan kepada agama haruslah dititikberatkan lagi. Rakyat kita haruslah diberi kebebasan penuh bagi memeluk agama-agama mereka sendiri. Begitu juga rakyat kita harus diperingatkan dari semasa ke semasa supaya jangan mencampur tangan dalam agama orang lain. Perkataan-perkataan yang melukakan hati rakyat kita hendaklah dibuangkan sekaligus daripada fikiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah boleh dinafikan bahawa perpaduan rakyat harus menjadi teras kehidupan rakyat kita. Saya sendiri tidak dapat menentukan ke arah manakah negara kita sedang bergerak. Apa yang saya tidak ingin nampak ialah tuduhan ke atas pemimpin-pemimpin. Jika generasi akan datang tidak dapat menjadikan Malaysia sebagai suatu keluarga yang berbahagia, saya syorkan supaya Kementerian Pelajaran memperkenalkan suatu mata pelajaran perpaduan mulai sekolah rendah supaya keperluan perpaduan ini akan berakar dan bertetap dari umur kecil. Dengan ini generasi akan datang bolehlah mewujudkan apa yang kita sendiri telah gagal mencapai.

Dengan ini Malaysia Berjaya dan Abadi. Sekian, terima kasih.

4.33ptg.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang telah dicadangkan supaya Dewan ini Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Baginda semasa Pembukaan Dewan Parlimen tempoh hari.

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah membuat Titah Baginda yang mencerminkan hasrat dan cita-cita Kerajaan Baginda pada masa ini mengenai keadaan semasa. Memanglah Kerajaan pada masa ini telah mengambil segala langkah ke arah untuk menjamin kesejahteraan rakyat jelata yang terdiri daripada berbagai kaum dan keturunan serta agama.

Namun demikian, kita masih melihat negara kita ini masih ada golongan-golongan yang memukul gendang dan meniup serunai mengikut alunan yang menaikkan semangat

perkauman yang sempit yang sepatutnya dijauhi oleh mana-mana pemimpin yang bertanggungjawab. Orang-orang ini telah membuat kita terjerumus dalam isu-isu yang sepatutnya tidak menimbulkan perasaan perkauman di kalangan masyarakat majmuk di tanahair kita. Isu-isu yang saya maksudkan ialah termasuk isu-isu seperti Bukit China dan Papan yang saya nampak isu-isu yang seperti itu walaupun telah bermula daripada hasrat Kerajaan untuk membuat pembangunan yang baik untuk rakyat dan masyarakat telah bertukar menjadi isu yang dipersengkitakan mengikut garis-garis perkauman di negara kita ini. Garis-garis perkauman itu ialah garis-garis yang tidak sihat dan mungkin akan memarakan sangat perkauman yang tidak sihat bagi negara kita yang boleh menimbulkan suasana yang tidak stabil. Sikap yang seperti ini boleh memberikan imej yang menakutkan kepada mereka yang berniat untuk menanam modal di negara kita. Dan kalau begitu ianya boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan di negara ini.

Saya merasa gembira bahawa pada akhir-akhir ini Kerajaan telah menunjukkan kesungguhan yang mendalam di dalam langkah-langkah untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara. Saya merasa gembira oleh kerana usaha-usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara ini bukan sahaja dijadikan bahan percakapan dan ceramah-ceramah politik oleh pemimpin-pemimpin kita, tetapi ianya disusuli dengan penerangan-penerangan oleh mereka yang bertanggungjawab kepada pegawai-pegawai dan agensi-agensi Kerajaan supaya pegawai-pegawai dan agensi-agensi yang terlibat dapat memahami dengan lebih mendalam dan tepat akan maksud konsep

penerapan nilai-nilai Islam dalam usaha untuk memperkenalkan konsep ini.

Saya berharap pihak Kerajaan akan berusaha dengan lebih gigih lagi supaya usaha penerapan nilai-nilai Islam terutamanya dalam bidang-bidang undang-undang dapat dibuat dengan berkesan. Sudah sampai masanya bagi kita untuk menilai kembali peruntukan-peruntukan undang-undang yang ada termasuk Undang-undang Sivill supaya dapat kita mengenalpasti di mana ianya bercanggah dengan nilai-nilai Islam dan dibuat pindaan yang perlu bagi menerapkan konsep nilai-nilai Islam yang kita perjuangkan ini.

Saya telah difahamkan bahawa telah ditubuhkan satu Jawatankuasa di Jabatan Perdana Menteri yang dinamakan Majlis Syura yang terdiri daripada mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam mengenai Islam dan saya berharap Majlis ini akan memainkan peranan yang berkesan di dalam usaha penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara.

Akhirnya saya ingin menyentuh mengenai bidang ekonomi. Saya merasa yakin bahawa Kerajaan telah mengendalikan masalah ekonomi negara dengan cekap dan bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, saya ingin menyebut bahawa kemelesetan ekonomi masih lagi melanda negara kita. Masalah yang besar yang telah timbul ialah masalah tidak cukupnya wang untuk diperedarkan. Rata-rata ahli-ahli perniagaan mengeluh oleh kerana perniagaan mereka terbantut kerana kekurangan wang untuk menambah modal mereka atau untuk membuat pusingan.

Keadaan ini timbul mungkin kerana Kerajaan telah mengambil langkah mengurangkan perbelanjaan di sektor awam dengan cara mengurangkan

projek-projek yang sepatutnya boleh membantu ekonomi bertambah giat. Mungkin juga oleh kerana terlampau banyak kerja-kerja pembangunan telah diserahkan atau diberi kepada syarikat-syarikat asing dan ini telah mengakibatkan wang telah mengalir kepada orang-orang luar atau institusi-institusi kewangan yang berasal dari luar negeri dan mereka ini tidak berminat untuk membantu pertumbuhan ekonomi di negara kita ini. Keadaan ini telah memberi kesan yang buruk kepada pengusaha-pengusaha dalam negeri, terutamanya bumiputera.

Saya rasa Kerajaan perlu mengambil langkah yang segera dan berkesan bagi mengubati masalah ini. Saya rasa langkah Kerajaan untuk menaikkan faedah bank baru-baru ini tidak akan membantu ke arah pencapaian maksud ini. Sekianlah ucapan saya.

Tuan Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul menjunjung kasih dan perbahasan atas Titah Ucapan Diraja. Perkara yang saya ingin membawa ke Dewan ini ialah berhubung dengan kritik-kritik yang terlalu banyak terhadap perkhidmatan awam. Saya sedar banyak kekurangan terutama di segi sikap berhubung dengan sikap pegawai-pegawai Kerajaan berhubung dengan "dealing" dengan pihak-pihak swasta. Walau bagaimanapun 800,000 pegawai-pegawai Kerajaan, jika 5% sahaja yang membuat kesilapan, ini boleh merosakkan keseluruhannya.

Di dalam masa kebelakangan ini terlalu banyak kecaman, tuduhan dan kritik dibuat terhadap Perkhidmatan Awam oleh pucuk pimpinan politik membawa juga kepada mereka, di peringkat Ketua-ketua Bahagian. Yang menyedihkan ialah kadangkala kritik-kritik ini dibuat tanpa penyelidikan yang rapi. Ini membawa

kepada pandangan yang rendah dibuat oleh orang awam terhadap jentera pentadbiran Kerajaan.

Di sini saya ingin memberi pandangan Dewan iaitu saya tidak menjuarai kepada mana-mana pihak tetapi jentera pentadbiran Kerajaan ini adalah mustahak oleh kerana inilah jenteranya yang diharap oleh rakyat untuk mentadbirkan negara. Bilamana kecaman, tohmahan dan kritik itu dibuat oleh pemimpin-pemimpin politik kanan, maka ianya mendapat perhatian yang lebih oleh orang awam. Tetapi yang anihnya ialah mengapa para-para Menteri dan Menteri-Menteri Besar kadangkala membuat kecaman terhadap pentadbirannya sendiri dan terhadap pegawainya sendiri di khalayak ramai khususnya membuat siaran-siaran akhbar dan pengumuman berkenaan perkara-perkara tersebut. Jika sekalipun benar ada kesilapan-kesilapan dalam pentadbirannya sendiri atau pegawai-pegawai di bawah penyeliaan mereka, maka sepatutnya tindakan yang diambil ialah memperbaiki keadaan itu dengan membawa berunding mereka yang terlibat dan bukan membuat siaran-siaran akhbar berkenaannya demi kepentingan untuk mendapat publisiti yang mereka sudah mengambil tindakan kepada pegawai-pegawai tersebut. Siaran-siaran yang dibuat hanya memalukan diri sendiri seolah-olah seperti, "meludah ke langit jatuh ke muka sendiri". Seperti dikatakan tadi, kadangkala kritik-kritik dan kecaman yang dibuat itu tidak benar ataupun tidak berapa tepat tetapi orang ramai telah dapat gambaran yang tidak baik terhadap perkhidmatan awam dan sekiranya ramai di antara pihak-pihak atasan membuat pandangan buruk terhadap perkhidmatan awam, maka ianya akan membawa kepada ketidak ada kepercayaan pandangan awam kepada jentera pentadbiran pada amnya. Dengan izin, bak kata dalam bahasa Inggeris, "loss of confidence of

the public in the government machinery". Akibatnya sangat buruk kepada negara kerana kita hendaklah memupuk satu jentera pentadbiran yang kuat, efficient dan berpendirian, tidak menyebelahi mana-mana pihak supaya jentera pentadbiran dapat dilaksanakan dengan jayanya semua program pembangunan negara dan mendapat sokongan daripada orang ramai.

Selain daripada itu, datangnya inefficiency ini ataupun kurang cekapnya ini adalah satu daripada yang dikenalpasti ialah kekurangan kuasa Ketua-ketua Kementerian dan Jabatan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib.

Satu kelemahan yang didapati di dalam pentadbiran sebagaimana disebutkan tadi, dan Jabatan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib yang cepat dan tegas terhadap seseorang kakitangan atau pegawai Kerajaan. Buat masa ini selain daripada kakitangan Kerajaan di dalam kategori IV, Ketua-ketua organisasi Kerajaan tidak mempunyai kuasa mengambii tindakan tatatertib membuang kerja kakitangan Kerajaan di dalam kategori "C" dan yang lebih atas. Akibatnya sesuatu kesalahan atau penyelewengan yang berlaku tidak dapat diambil tindakan yang tegas dan cepat. Ketua Jabatan terpaksa berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk mengambil tindakan, tatatertib atau tindakan membuang kerja, proses ini memakan masa berbulan-bulan seolah-olah yang bersalah itu tidak dapat dibuat apa-apa tindakan terhadapnya oleh Ketua-ketua Jabatan. Ini akan menurunkan moral pegawai-pegawai lain yang cekap dan juga memberi pandangan rendah kepada Ketua-ketua Jabatan kerana kakitangan Kerajaan berpendapat Ketua-ketua mereka tidak ada kuasa.

Di sini adalah disyorkan supaya penurunan kuasa dibuat oleh agensi-agensi pusat seperti JPA dan SPA kepada Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Pengarah Jabatan-jabatan Kerajaan yang besar supaya mereka ini dapat mengambil tindakan yang tegas dan cepat terhadap kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan yang melanggar peraturan atau membuat salah. Peraturan begini akan meningkatkan kecekapan sesuatu organisasi. Sesuatu kesalahan akan dapat dibentasi dengan cepat, moral organisasi akan tinggi dan daya pengeluaran akan dapat ditinggikan lagi.

Seperkara lagi yang ingin saya timbulkan ialah Malaysia Incorporated. Satu-satunya dasar baru yang telah diperkenalkan ialah Malaysia Incorporated. Di dalam program melaksanakan konsep ini, yang nyata dikehendaki ialah perubahan sikap dari kedua-dua pihak, iaitu pihak awam dan pihak swasta. Adalah diharapkan mereka yang bekerja di dalam pihak awam akan melaksanakan konsep ini dengan gigihnya dan menganggap pihak swasta itu sebagai rakan seperjuangan untuk meninggikan lagi pembangunan ekonomi negara. Yang dikehendaki ialah sikap positif dan memandang kepada pihak swasta sebagai kumpulan yang bersama-sama menolong memajukan negara dan dengan itu mencuba sedaya upaya memberi segala pertolongan dan bantuan untuk menjayakan perusahaan-perusahaan pihak swasta.

Di sebaliknya juga adalah diharapkan pihak swasta akan lebih memahami konsep ini. Perubahan sikap juga hendaklah berada di pihak swasta supaya tidak menyogok sesuatu kepada pihak awam apabila menghendaki sesuatu perkhidmatan. Mereka juga hendaklah memberi

kerjasama dan mengetahui sistem prosedur dan peraturan yang ada di dalam sesuatu jabatan Kerajaan dan mematuhi sistem-sistem dan kriteria-kriteria yang wujud. Hanya apabila ada salin menghormati antara kedua-dua pihak rasanya akan wujud persefahaman yang jitu di dalam konteks di mana dasar Malaysian Incorporated boleh berjaya. Sekian terima kasih.

4.48 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil peluang bersama-sama menyokong usul untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahriah dan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena dengan Titah Ucapan Baginda pada 25hb April yang lalu.

Izinkan saya untuk membuat rujukan kepada beberapa aspek yang terkandung di dalam Titah Ucapan tersebut.

Mengenai kedudukan ekonomi negara, adalah dijangkakan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi negara untuk tahun 1985 ini ialah pada kadar 6%. Untuk tahun 1986 kadar pertumbuhan ekonomi adalah dijangkakan lebih rendah lagi. Adalah dijangkakan bahawa untuk dekad 80an ini ekonomi kita akan menghadapi berbagai cabaran. Oleh yang demikian dasar pengurusan ekonomi dan program pembangunan ekonomi hendaklah dibentuk secara yang rasional dan teratur supaya ekonomi negara kita diletakkan pada struktur dan landasan yang kukuh. Kejayaan kita di dalam menghadapi cabaran dalam dekad 80an ini bukan sahaja untuk kepentingan kita pada masa sekarang, bahkan juga untuk memastikan bahawa generasi yang akan datang akan mewarisi ekonomi yang teguh dan juga kukuh.

Adalah tepat pada tempat dan masanya untuk Kerajaan menyeru semua pihak mengenai betapa perlunya bekerja keras untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran negara bagi menentukan kejayaan di dalam pembangunan dan peningkatan taraf hidup.

Tetapi jika kita bekerja keras, pada landasan yang tipis dan lemah perhitungan yang tidak rasional maka usaha kuat itu akan gugur, luruh tidak berkesan. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa yang pokok hendaklah didahulukan, yang menjadi syarat hendaklah dipenuhi. Masalah itu dikesan dan diselesaikan melalui puncanya supaya kita tidak membazirkan tenaga dan wang dan tidak kehilangan masa dan akan ditunjukkan oleh generasi yang akan datang bahawa kita telah salah langkah, salah dari segi prioriti kita akan membebankan mereka pada zaman mereka nanti.

Apabila dilihat dari segi pengurusan ekonomi tahun 80an adalah berbeza daripada pengalaman kita dalam tahun-tahun 60an dan 70an. Ekonomi negara telah tumbuh dan berkembang pada kadar yang tinggi iaitu 6.5% pada dekad 60an dan 8% pada dekad 70an. Pertumbuhan ini telah berlaku dalam suasana ekonomi dunia yang menggalak dan mengizinkan, ekonomi negara-negara maju telah tumbuh pada kadar 5% pada tahun 50an dan 60an. Pelaburan yang tinggi berpunca daripada permintaan yang tinggi terhadap barangan modal dan barangan pengguna untuk mengimbangi permintaan yang rendah pada dekad 30an dan 40an.

Seterusnya negara-negara maju pada dekad 50an dan 60an telah mengambil kesempatan sepenuhnya daripada teknologi yang sedia terkumpul pada masa itu yang

bersumberkan kepada kuasa elektrik dan kuasa gas. Pertumbuhan yang segar, tinggi di dunia barat juga disebabkan permintaan yang bertambah meningkat daripada lebih kurang 100 negara-negara yang baru merdeka pada masa itu dan dengan itu telah melaksanakan program pembangunan infrastruktur dan lain-lain kemudahan untuk memenuhi erti kemerdekaan mereka.

Kesudahan daripada pengalaman 50an, 60an, dan 70an ialah kita menghadapi satu krisis struktur ekonomi dunia. Dunia berdepan dengan masalah kapasiti yang berlebihan dalam industri berintensif modal, terutama sekali di negara-negara maju di sebelah barat. Lebih-lebih lagi apabila negara Jepun dan kemudiannya diikuti pula oleh negara-negara lain seperti Korea Selatan, Taiwan, Hongkong dan Singapura telah berjaya mewujudkan kapasiti industri masing-masing dan berjaya pula menimbusi pasaran negara-negara maju sebelah barat. Dengan ringkas, Tuan Yang di-Pertua, terdapatnya tidak kesimbangan dalam struktur industri di peringkat ekonomi sesebuah negara dan juga di peringkat ekonomi dunia. Dunia maju juga telah tiba pada constraint. dengan izin, dan had teknologi yang bersumberkan elektrik dan gas dan terpaksa pula mengubah kepada teknologi elektronik computers pula.

Akibat daripada keadaan ekonomi negara maju seperti yang telah saya terangkan sebentar tadi, Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Negara Malaysia terpaksa menghadapi kenyataan pada dekad 80an ini. Yang pertamanya permintaan terhadap bahan utama daripada Malaysia berkurangan yang pada akhirnya menjejaskan pendapatan mereka yang terlibat dalam industri-industri mengeluarkan bahan utama di negara kita termasuklah pekebun-pekebun kecil.

Yang keduanya untuk melindungi kepentingan dan rakyat mereka, negara-negara maju sebelah barat telah menggunakan strategi perlindungan. Syarat-syarat untuk import diperketatkan lagi dan pasaran barang-barang pembuatan daripada negara-negara seperti Malaysia semakin terhad di negara-negara maju.

Yang ketiga, kedudukan imbalan bayaran kita tidak pernah tercabar seperti yang kita alami tahun kebelakangan ini. Maka kita terpaksa mengambilkira supaya ianya tidak bertambah rumit dan menjejaskan suasana ekonomi negara.

Yang keempat, suasana dalam bidang kewangan dunia pula adalah lebih rumit dan mencabar. Kadar faedah yang tinggi menyebabkan kos pinjaman lebih mahal, kemudahan pinjaman pula adalah lebih terhad dan lebih discriminatory, dengan izin.

Yang kelimanya, sehubungan dengan pasaran kewangan seperti yang saya sebutkan tadi maka kita terpaksa mengkaji semula strategi bagi menguruskan hutang negara supaya ianya terkawal dan tidak akan membebankan generasi yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang sukar dan mencabar ini kita hendaklah mencorakkan dasar pengurusan dan pembangunan ekonomi secara rasional bukan sahaja untuk mengatasi cabaran dekad 80an ini tetapi meletakkannya di landasan yang kukuh untuk berkembang dalam dekad-dekad yang seterusnya.

Oleh yang demikian, kita mestilah mengatur prioriti kita secara rasional supaya nanti tidak berlaku pembaziran dari segi penggunaan modal, keusahawanan, tenaga kerja dan juga tanah.

Tuan Yang di-Pertua, pendirian saya dalam soal mengatur prioriti ini ialah kita mestilah menguatkan apa yang saya panggil sektor domestik

dalam ekonomi negara kita. Ini adalah penting kerana dalam menghadapi suasana 80an ini jika kita tidak menegapkan sektor domestik ekonomi negara kita, kita tidak mungkin dapat berkembang dan tumbuh seterusnya. Terlebih dahulu izinkan saya membuat rujukan mengenai program perindustrian. Kita maklum bahawa Kerajaan sedang menyiapkan rancangan induk perindustrian negara. Bersama-samalah kita menunggu laporan induk itu.

Tetapi sambil itu pula kita dapat Kerajaan sedang begitu berminat melaksanakan projek-projek industri berat. Di sini saya mempersoalkan soal prioriti. Pada pendapat saya program perindustrian untuk ekonomi dan masyarakat seperti Malaysia mestilah mengutamakan objektif membanyakkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan dan seterusnya berusaha mengurangkan jurang perbezaan pendapatan. Sambil itu pula kita membangun dan menguatkan apa yang saya panggil sektor domestik ekonomi negara kita. Oleh yang demikian, penekanan kita mestilah industri yang berintensifkan buruh, industri saiz kecil dan industri saiz sederhana.

Selepas program perindustrian, mengganti import pada tahun 60an dan seterusnya menggalakkan eksport pada tahun 70an tiba pula masanya untuk kita menggalakkan industri yang cenderung, menguatkan daya ekonomi domestik, industri-industri yang mengeluarkan bahan-bahan atau peralatan-peralatan pertanian, industri makanan, kayu, kejuruteraan ringan, industri mesin kecil, membuat komponen-komponen melalui sistem sub-kontrak seharusnya diberi penekanan.

Apabila industri kecil dan sederhana itu tumbuh dan berkembang nanti maka ianya akan

dapat melengkapi sektor industri berat. Tetapi pada waktu ini sektor tersebut masih lagi pada kedudukan yang tradisional, lemah dan bahkan diabaikan. Galakan diberi kepada industri besar melalui kemudahan-kemudahan seperti pengecualian cukai menurut saiz modal dan bilangan pekerja dan seterusnya kemudahan infrastruktur dan sebagainya.

Oleh yang demikian, saya menyarankan di sini supaya perhatian berat diberikan kepada industri kecil dan sederhana. Galakan sewajarnya hendaklah diberikan dan saya berharap akan berlakulah satu perubahan yang radikal terhadap polisi Kerajaan mengenai bidang industri kecil dan industri berat ini secepat mungkin. Pengalaman di negara-negara Jepun, Taiwan dan Korea memadai untuk membuktikan kepada kita betapa pentingnya sektor industri kecil dan sederhana ini untuk dibangunkan.

Sektor ini telah berjaya memberi peluang kerja dan seterusnya menjadi sumber pendapatan kepada sebahagian dari penduduk di Jepun pada tahun 50an dan 60an dan seterusnya menjadi asas untuk negara tersebut membangun dengan cepat dalam bidang perindustrian.

Mengenai perindustrian berat, pandangan saya adalah seperti berikut. Sebab-sebab mengapa ekonomi negara seperti India dan China dikatakan lembab untuk bertumbuh pernah dikaitkan dengan program mereka untuk melancarkan industri berat dalam program-program perindustrian mereka sehingga kos lepasan ataupun apa yang dipanggil "opportunity cost", dengan izin, yang ditanggung adalah begitu tinggi sekali. Modal yang disalurkan, tenaga teknikal yang digunakan adalah tinggi, perubahan teknologi adalah begitu cepat. Tumpuan mereka ke arah ini

telah mengabaikan bidang-bidang lain. Semoga kita terhindar daripada pengalaman yang tidak menyenangkan ini.

Projek-projek industri berat kita adalah berintensifkan modal, Misalnya projek Petro-kimia di Sabah bernilai \$8.6 billion; projek Proton Saga lebih kurang \$500 juta; Projek Besi Waja di Terengganu lebih kurang \$2 billion. Walhal, Tuan Yang dipertua, peluang pekerjaan ekoran daripada pelaburan-pelaburan sebesar itu hanyalah dikatakan kurang daripada 3,000 pekerjaan.

Saya tidak sekali-kali menentang Projek Industri Berat. Saya menyedari kesan positif yang mungkin didapatkan daripadanya, tetapi risikonya adalah terlalu tinggi. Kos teknologi dan kepakaran yang terlibat adalah terlalu tinggi dan pasarannya pula adalah terhad. Hari ini kita terpaksa menerima kenyataan bahawa HICOM akan menanggung kerugian sebanyak lebih kurang \$5,000 setiap unit Proton Saga yang akan dikeluarkan. Mungkin ini kerana pengeluaran di peringkat awal, tetapi saya percaya ada kaitannya di antara kos pengeluaran dengan jumlah yang dikeluarkan dan jika sekiranya pasaran kereta sentiasa terhad, tak mungkin kita mendapat ekonomi bidangan yang dapat mengurangkan kos dan seterusnya dapat membenarkan ataupun mengizinkan HICOM mendapat keuntungan daripada setiap unit Proton Saga yang akan dikeluarkan.

Di sini saya menyarankan, Tuan Yang di-Pertua, supaya dalam bidang industri berat ini kita mestilah menggunakan pendekatan kerjasama serantau supaya dapat meringankan risiko, sambil itu pula memastikan bahawa pasaran yang seluas-luasnya kita dapatkan untuk projek-projek industri berat kita. Oleh yang demikian, saya mengalu-alukan kerjasama di antara Malaysia dan

Indonesia di dalam bidang otomotif. Saya percaya bahawa dengan adanya pasaran Malaysia dan Indonesia adalah mencukupi untuk industri-industri membuat komponen-komponen Proton Saga dan juga komponen-komponen industri otomotif perdagangan yang telah diusahakan oleh pihak Indonesia. Semoga kerjasama seperti ini diperluaskan lagi untuk projek-projek industri berat yang lain dan saya harap pendekatan yang akan digunakan seterusnya dalam melaksanakan dan mengendalikan industri berat ini adalah berdasarkan kepada kerjasama di peringkat rantau ASEAN ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada satu lagi perkara dalam bidang ekonomi yang sekali lagi merujuk kepada pandangan saya bahawa kita mesti menghadapi tahun 80an ini dengan cara menguatkan sektor domestik ekonomi negara kita. Di sini saya merujuk kepada bidang perdagangan. Dalam soal perdagangan yang kita hadapi sekarang ini keadaan suasana dunia adalah tidak menggalakkan, ianya adatah menjejaskan negara-negara seperti Malaysia. Pengalaman pada tahun 70an kita tidak dapat ikuti negara-negara yang telah berjaya menembusi pasaran dunia seperti yang dilaksanakan oleh Taiwan, Singapura, Hongkong dan Korea. Mereka telah terlebih awal melabur dalam bidang-bidang seperti tekstil, elektronik dan sebagainya dan telah berjaya menembusi pasaran-pasaran tersebut. Malangnya, untuk dekad 80an ini negara-negara maju telah tidak mengizinkan kita terus menembusi pasaran-pasaran mereka dengan cara mengadakan berbagai-bagai jenis halangan perdagangan, misalnya, halangan dalam bentuk tarif dan bukan tarif. Kita telah kehilangan kemudahan-kemudahan yang telah dirasakan oleh negara-negara seperti Singapura, Jepun dan Hongkong kerana pada tahun 60an kita

mempunyai satu masyarakat dunia yang agak cenderung kepada mengurangkan sekatan-sekatan perdagangan antara negara-negara, seperti adanya Perundingan Kennedy pada tahun 60an ataupun perundingan yang dibuat oleh United Nations Conference of Trade and Development mengenai apa yang dipanggil "Generalised System of Preferences". Jadi, oleh kerana kita telah ketinggalan merebut peluang-peluang yang ada pada tahun 60an dan 70an, maka kita tidak dapat menumpukan perhatian kita dengan membangunkan negara supaya kita dapat jual bahan-bahan keluaran kita di luar negara kita ini, terutama sekali negara-negara yang lebih cenderung mengenakan halangan-halangan terhadap eksport daripada negara seperti Malaysia.

Jadi, usaha untuk menguatkan daya ekonomi sektor domestik negara kita ini, ada banyak cara yang boleh dibuat selain daripada apa yang telah saya perkatakan terlebih awal tadi. Satunya yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan ialah dengan cara membuat kempen supaya warganegara kita ini lebih cenderung membeli barang-barang yang dibuat oleh pengeluar-pengeluar tempatan. Kempen ini adalah merujuk kepada mereka yang sedia mempunyai kemampuan untuk membeli keluaran-keluaran tersebut. Saya merujuk kepada bahagian di mana daya domestik ini dipertingkatkan ataupun daya membeli ini dipertingkatkan dengan cara meningkatkan pendapatan di kalangan mereka yang miskin. Oleh yang demikian, saya ingin merujuk kepada bidang pertanian.

Dalam bidang pertanian kita boleh menegapkan sektor domestik melalui daya membeli jika sekiranya kita dapat mengatasi masalah kemiskinan di sektor tersebut. Di sini ingin saya mengambil kesempatan ringkas untuk menekankan betapa pentingnya kita

melihat soal kemiskinan ini secara perbandingan. Saya tidak bersetuju jika sekiranya kita terus melihat soal kemiskinan ini dengan secara mutlak kerana kalau sekiranya kita melihat kemiskinan dengan secara mutlak, ianya tepat untuk mengesan cara kita mengatasi masalah kemiskinan. Cara mutlak adalah untuk negara-negara di mana berlakunya kebuluran, tidak cukup untuk makan dan untuk hidup, tetapi di negara kita adalah dalam keadaan yang mewah. Oleh yang demikian, kita yang mengkaji tentang soal kemiskinan ini kita seharusnya tidak mengasingkan golongan miskin sebegitu rupa hingga mentafsirkan kedudukan mereka secara mutlak. Kita mestilah melihat kedudukan mereka dengan cara membandingkan kedudukan yang lain. Mereka berhak melihat kedudukan mereka pula dengan cara membandingkan keadaan mereka dengan keadaan yang lebih lumayan. Oleh yang demikian, kalau sekiranya kita menerima tafsiran kemiskinan di luar bandar secara perbandingan, maka soal kemiskinan di negara kita ini masih lagi dalam keadaan yang serius.

Kalau kita balik ke kampung kita dapati erti kemiskinan bukanlah mereka itu tidak cukup untuk makan, tetapi erti kemiskinan ialah mereka tidak dapat menggunakan keupayaan tenaga kerja yang ada pada mereka. Ini bermakna bahawa tenaga kerja mereka adalah membazir. Mereka tidak mempunyai peluang untuk bekerja, anak-anak mereka ketinggalan dalam proses persekolahan. Data menunjukkan bahawa di kalangan anak-anak petani padi kelulusan hanya setakat 50% di peringkat SRP diandingkan dengan lebih kurang 75% seluruh masyarakat Malaysia dan jika sekiranya kita melihat peratus ataupun bilangan kelulusan di peringkat SPM anak petani padi, daripada 10 hanya seorang yang lulus di peringkat SPM.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal kemiskinan ini ada orang yang mengatakan bahawa petani padi tidak bekerja kuat. Mereka tidak sanggup mengubah sikap ataupun mereka mundur dari segi fikiran, tetapi kalau kita melihat keluarga keluarga yang miskin ini betapa kuat mereka bekerja membanting tulang daripada pagi hingga ke petang, sanggup menanam padi dua kali setahun, tetapi mereka masih lagi dikongkong oleh masalah kemiskinan. Oleh yang demikian, soal malas bekerja, tidak sanggup mengubah sikap adalah tidak benar. Masalah sebenarnya adalah masalah apa yang dipanggil masalah struktur yang tak dapat diatasi oleh mereka. Masalah struktur yang saya sebutkan seperti berikut. Yang pertama, mereka kalau sekiranya ada tanah tetapi tanah itu tidak cukup untuk dikerjakan dan untuk mendapatkan keluaran dan seterusnya mendapat pendapatan yang cukup untuk membawa mereka keluar daripada garis kemiskinan, sebahagian daripada mereka tidak ada tanah dan kebelakangan ini mereka tidak ada upaya pula untuk menyewa tanah. Tiada tanah, tidak ada upaya menyewa tanah, mereka terpaksa mendapatkan upah. Dalam keadaan yang seperti ada sekarang ini di mana proses penjenteraan di sektor padi makin berterusan, maka peluang untuk mendapatkan upah makin lama makin tersekat. Pada tahun 60an kita dapati kejenteraan dari segi membajak, maka di situ kesannya ialah permintaan terhadap buruh untuk membajak telah digantikan dengan jentera pembajak, dan pada tahun 80an dan akhir 70an ini kita sudah ada jentera untuk menuai. Maka, dengan ini permintaan terhadap buruh untuk menuai juga makin berkurangan dan sekali lagi peluang untuk mendapat kerja dan mendapat upah di sektor padi makin lama makin berkurangan.

Selain dari tiga sebab yang saya sebutkan tadi, kita dapati bahawa kadar pertumbuhan penduduk di sektor padi makin lama adalah terlalu tinggi yang menyebabkan pertumbuhan keluarga di kalangan masyarakat petani adalah tinggi. Pertumbuhan keluarga baru dan tidak ada tanah untuk dikerjakan maka beranak-pinaklah keluarga tersebut dalam keadaan yang miskin. Selain daripada itu kita juga tidak mendapat peluang-peluang kerja alternatif di sektor yang sama ada seperti yang saya sebutkan tadi yang terakhirnya kegagalan anak mereka dalam sistem persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa cadangan yang pernah disebutkan di mana-mana dan mungkin juga di Dewan yang mulia ini. Saya mencadangkan yang pertamanya dalam-soal mengatasi masalah petani padi yang tidak mempunyai tanah dan tidak mencukupi tanah, maka saya mengalu-alukan usaha pihak yang berkenaan seperti Bank Pertanian supaya memberi kemudahan kredit untuk menyewa tanah. Ada ura-ura untuk menyalurkan kemudahan kredit pada kadar faedah yang percuma dan saya mengharapkan bahawa sebahagian daripada kemudahan kredit daripada Bank Pertanian ini adalah untuk memberi kemudahan kepada petani padi untuk menyewa tanah.

Selain daripada memberi kemudahan kredit daripada Bank Pertanian, saya juga mencadangkan supaya lebih banyak lagi usaha yang dibuat supaya kerja bertani padi itu dapat ditokok-tambahkan dengan kerja-kerja yang produktif dalam bidang tanaman misalnya apa yang sedang dijalankan oleh FELCRA di kawasan yang berdekatan.

Akhir sekali, saya mencadangkan satu usaha yang agak radikal tetapi tidaklah seradikal supaya ianya tidak boleh difikirkan selanjutnya. Saya

tidak mencadangkan supaya pemilikan tanah itu dikaji semula. Kita dapati sekarang ini hasil daripada sokongan yang diberi oleh Kerajaan terhadap harga padi maka adalah begitu lumayan sekali kepada mereka yang memiliki tanah untuk mengerjakan tanah mereka, yang mempunyai wang untuk menyewa tanah untuk membesarkan operasi mereka. Jadi, soal pemilikan tanah dan menyewa tanah ini dalam keadaan di mana harga padi disokong oleh pihak Kerajaan melalui subsidi padi mereka lebih berminat untuk mengusahakan tanah padi mereka hingga menjejaskan petani-petani kecil. Jadi, jika sekiranya kita hendak menolong petani-petani kecil, kita mestilah mengubah konsep pemilikan tanah ini kepada saiz operasi yang boleh dilakukan oleh sesuatu keluarga petani padi. Mungkin tiba masanya untuk kita memikirkan supaya sesuatu keluarga tadi dapat mengusahakan misalnya dua relong satu keluarga kerana dua relong ini diandaikan mencukupi untuk memberikan pengeluaran padi dan seterusnya pendapatan yang akan dapat mengeluarkan sesuatu keluarga tadi daripada cengkaman kemiskinan.

Sistem ataupun pendekatan menurut saiz operasi tanah padi ini dapat menghindarkan kita daripada mengkaji semula dalam soal pemilikan. Kita tidak kira siapa yang memiliki tanah tetapi yang kita kirakan ialah siapa hendak mengusahakan tanah mereka, sekurang-kurangnya mendapat dua relong supaya mendapat pengeluaran dan seterusnya pendapatan lebih daripada paras kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak yang telah diperkatakan kebelakangan ini bahawa bersawah padi dan secara perladangan adalah cara yang paling teratur, paling cekap dan sistematik. Dalam soal ini saya mengambil kesempatan untuk mempersoalkannya

kerana kajian telah menunjukkan bahawa kita tidak ada bezanya dari segi kecekapan pengeluaran menurut saiz tanah, tidak kira sama ada satu relong yang diusahakan ataupun lebih daripada itu. Daya pengeluarannya tidak berbeza mengikut saiz operasi, bahkan kalau kita mengambil contoh di kawasan padi seperti di Sekinchan, kita dapati bahawa daya pengeluaran petani kecil adalah lebih tinggi jika kita bandingkan dengan petani-petani besar ataupun operasi menurut sistem mini estet.

Jadi, kalau sekiranya terbukti bukan sahaja di negara kita ini bahkan di negara-negara seperti di Thailand ataupun di Filipina tidak ada bezanya pengeluaran mengikut saiz maka saya tidak yakin bahawa perusahaan padi secara perladangan ini adalah satu cara untuk meningkatkan daya pengeluaran petani. Yang menjadi masalah ialah sebenarnya mereka tidak cukup tanah dan kalau sekiranya sistem mengeluarkan padi ini dibuat secara perladangan, saya tidak yakin bahawa masalah kemiskinan dapat diatasi kerana sumbangan seseorang petani di dalam sistem perladangan ini masih lagi berdasarkan kepada berapa banyak tanah yang dimasukkan di dalam perusahaan perladangan itu.

Kalau sekiranya bahagiannya adalah kurang daripada dua relong maka pendapatan yang didapati daripadanya tidak berjaya untuk mengeluarkan keluarga tersebut daripada paras kemiskinan. Jadi sistem perladangan dalam sektor padi ini mungkin dapat mengatasi masalah tanah-tanah padi yang terlalu kecil untuk diusahakan oleh mereka yang memiliki tanah tersebut tetapi saya tidak yakin ianya adalah cara yang paling terus-menerus untuk kita berdepan dengan masalah kemiskinan. Masalah kemiskinan di kalangan petani padi adalah berpunca daripada kurangnya tanah yang dikerjakan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengalihkan tumpuan saya kepada satu lagi aspek pertanian di negara kita ini yang saya percaya dapat menguatkan lagi sektor domestik ekonomi negara kita. Ini adalah dalam bidang meningkatkan pengeluaran sektor makanan.

Seperti yang pernah kita bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pada tahun yang kebelakangan ini, pada tahun 1983/1984 pada puratanya kita terpaksa mengimport lebihkurang 3 billion ringgit makanan daripada luar negeri kita. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Pertanian cuba membuat ataupun memberi keutamaan ataupun suatu misi yang boleh dibawa oleh Menteri Pertanian sekarang supaya dapat menambah dan meningkatkan lagi daya pengeluaran ekonomi kita dalam soal pengeluaran makanan ini.

Pihak Menteri Pertanian telah mengatakan bahawa usaha-usaha sedang dibuat untuk menentukan jenis-jenis makanan yang sesuai dari segi agronomi, iklim dan seterusnya kemungkinan untuk menjadikan tanaman tersebut dikerjakan secara komersial dan menguntungkan. Saya mengharapkan bahawa pihak Menteri Pertanian dalam soal ini memberi satu jangka masa tertentu supaya dalam masa lima tahun yang akan datang usaha kita ke arah meningkatkan pengeluaran makanan ini akan dapat dijayakan. Dan satu perkara yang sepatutnya diberi tumpuan secepat mungkin tetapi mungkin kesudahannya ataupun keputusannya terpaksa kita tunggu dalam masa satu, dua tahun ini ialah dalam bidang penyelidikan dan juga pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal research and development, dengan lzin, dalam bidang pertanian ini, pernah saya sebutkan kita terlalu terkebelakang dibandingkan dengan negara yang berjiran dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah dengar satu, dua hari yang lalu bahawa Thailand telah berjaya mengeluarkan durian yang sama rasanya tetapi tidak berduri. Thailand telah berjaya hingga ke tahap itu. Kalau kita pergi ke Thailand kita bukan sahaja mendapati bahawa daya pengeluaran mereka begitu tinggi tetapi durian mereka, mempelam mereka ataupun nenas mereka adalah lebih manis untuk dirasa dan sejak lima ataupun sepuluh tahun ini saya mempersoalkan apakah penemuan-penemuan yang telah kita dapatkan daripada pusat-pusat penyelidikan kita dalam bidang-bidang bijian dan sayuran dan juga buah-buahan. Jadi, saya ingin menggesa di sini supaya pihak Menteri Pertanian bersungguh-sungguh memastikan yang pertamanya, kita menguatkan daya penyelidikan dan pembangunan dan daripada situ insya-Allah kita akan dapat memulakan pengeluaran makahan ini secara besar-besaran dan dalam jangka lima tahun akan datang kita dapat mengurangkan import kita terhadap makanan ini dan ini adalah satu cara saya berpendapat akan menguatkan lagi apa yang saya panggil sektor domestik ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada satu lagi perkara yang berkaitan dengan pendirian saya iaitu dalam soal teknologi. Kita maklum bahawa teknologi yang ada di negara kita adalah dibawa oleh pelabur asing, teknologi juga dibawa melalui usahasama di antara kita dengan pelabur asing dan kita bawa teknologi melalui import jentera-jentera dan sebagainya daripada asing.

Pergantungan kita dalam soal teknologi ini menyebabkan kos yang tinggi dan kita, kalau tidak mengubah cara kita akan terpaksa terus bergantung kepada negara-negara maju. Oleh yang demikian saya mencadangkan di sini supaya tiba masanya untuk pihak Kementerian

yang tertentu iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya betul-betul mengatur langkah supaya faedah yang akan dirasa dalam masa dekad 80an ini dalam soal teknologi. Kita tidak berpura-pura untuk menyaingi negara-negara maju dalam soal teknologi. Sekurang-kurangnya kita cuba untuk meningkatkan daya masyarakat kita dari segi dan cara mengubahsuaikan teknologi tradisional yang ada pada kita dan seterusnya untuk meningkatkan keupayaan kita untuk menyesuaikan teknologi daripada luar dan mana yang kita terdaya untuk membuat inovasi-inovasi yang mendahului di mana-mana juga.

Jadi dalam soal ini saya mencadangkan pula supaya pihak Kementerian Pelajaran memberi penekanan yang sewajarnya kerana saya percaya pembelajaran secara menyeluruh yang berorientasikan kepada usaha untuk menerapkan teknologi di dalam masyarakat kita akan dapat dilakukan melalui sistem persekolahan. Seterusnya hasil daripada program perindustrian yang dijaikan pada tahun 60an dan 70an lebih kurang 270,000 ataupun 300,000 rakyat Malaysia yang bekerja di sektor perindustrian. Tetapi lebih kurang 90% daripada mereka adalah golongan yang tidak mahir dari segi apa yang didapati daripada pekerjaan tersebut.

Pemindahan teknologi terhadap pekerja-pekerja seramai itu boleh dikatakan kosong. Jika sekiranya kita hendak membangunkan sektor industri kecil dan sederhana dan seterusnya untuk membangunkan industri berat maka tiba masanya untuk kita bukan sahaja melahirkan ahli-ahli teknologi daripada golongan belia yang sedia ada ini tetapi kita mestilah cuba untuk melengkapkan pekerja-pekerja seramai 300,000 ini yang saya katakan tidak langsung mempunyai kemahiran dari segi teknologi.

Saya percaya bahawa dalam soal teknologi ini pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sewajarnya menggunakan kapasiti yang ada di negara kita ini. Dalam soal perubahan teknologi ini kita telah mendahului dalam bidang getah. Kita boleh membanggakan dengan apa yang telah didapati daripada Rubber Research Institute misalnya ataupun kebelakangan ini dalam bidang kelapa sawit melalui PORIM dan saya percaya bahawa liba masanya untuk Kementerian tersebut mengubah penekanan tentang peranan yang boleh dilakukan oleh SIRIM bukan sekadar untuk memastikan bahawa sesuatu barangan itu mencukupi standard yang dijangka tetapi hendaklah menggunakan tenaga yang ada di SIRIM dan seterusnya di Universiti-universiti tempatan supaya penyelidikan dan inovasi itu dapat dijalankan dan lebih baik lagi jika sekiranya Universiti-universiti tempatan berusaha dan berkerjasama dengan pihak swasta supaya penyelidikan yang dibuat oleh Universiti-universiti ataupun di SIRIM tadi akan dapat digunakan secara langsung oleh pihak swasta.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada bidang kewangan di negara kita ini. Kita maklum bahawa pasaran kewangan dunia adalah tidak mengizinkan untuk kita mengharapkan sumber daripada luar. Kadar faedah adalah tinggi, sumber-sumber kewangan adalah lebih memilih maka kita sewajarnya mengatur langkah kita supaya dapat mengembelikan keupayaan kewangan yang ada di pasaran kita.

Alhamdulillah kebelakangan ini pihak Bank Negara telah menyebut bahawa kita sekarang sedang cuba mengatur sesuatu rancangan untuk meliberalkan sistem kewangan kita terutama sekali sistem bank

perdagangan. Sejak merdeka kita telah terlalu terikat kepada polisi ataupun dasar yang agak ketat dalam soal kewangan dan kesannya telah kita rasakan. Walaupun pihak Bank Negara telah cuba mengubah serba sedikit polisinya terhadap bank melalui syarat-syarat yang ditentukan ataupun melonggarkan polisi mengenai kadar faedah yang boleh digunakan oleh bank tetapi perubahan-perubahan tersebut adalah tidak cukup untuk menampung cabaran yang akan kita hadapi. Yang dapat kita lihat ialah bank-bank perdagangan yang ada sekarang ini walaupun dibenarkan untuk membuat dasar secara mereka sendiri sebagai suatu perbadanan swasta dan tidak dikongkong oleh pihak Bank Negara tetapi kita dapat gelagat-gelagat yang menyekat inovasi di kalangan mereka kerana adanya ciri-ciri yang dipanggil "oligopoly", di kalangan bank-bank sehinggakan kita tidak dapat menggerakkan modal secara yang secepat-cekapnya. Kita dapati bahawa kalau sekiranya kita bandingkan struktur kadar faedah sama ada untuk menerima pinjaman oleh bank ataupun memberi pinjaman oleh bank ataupun khidmat-khidmat dan kemudahan-kemudahan yang boleh diberi oleh bank jauh bezanya dengan bank-bank perdagangan yang ada seperti di Singapura ataupun negara-negara lain. Ini adalah disebabkan mereka itu terkongkong mengikut tindak tanduk sesuatu "oligopoly".

Satu lagi perkara mengenai soal kewangan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut tentang polisi Kerajaan meminjam daripada sektor domestik. Telah tiba masanya untuk Kerajaan mengubah polisi dalam soal meminjam daripada pasaran tempatan. Akhir-akhirnya kita dapati bahawa Kerajaan telah berubah penekanan sumber pinjamannya daripada EPF dan Bank Simpanan Nasional kepada misalnya PETRONAS. Dan kebelakangan ini

kita mendengar kenyataan yang diberi oleh Menteri Kewangan yang mengatakan bahawa kita akan cuba meminjam daripada pasaran tempatan. Ada dua kemusykilan di sini.

Yang pertamanya, kita hendak pastikan bahawa pinjaman Kerajaan tadi tidak akan menekan perubahan dalam kadar faedah yang boleh digunakan oleh pihak bank perdagangan kerana mengikut amalan tradisi Kerajaan meminjam daripada EPF dan Bank Simpanan Nasional pada kadar-kadar yang begitu rendah sekali dan dengan tidak secara langsung menyekat perubahan yang sewajarnya berlaku kepada kadar faedah yang diberikan oleh bank-bank perdagangan.

Dan saya harap bahawa jika sekiranya pihak Kerajaan hendak meminjam daripada sektor tempatan, maka ia sewajarnya menggunakan polisi kadar faedah yang sewajarnya. Dan akhir sekali saya percaya bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk meminjam daripada pasaran tempatan sebegitu rupa sehingga ia menjejaskan peluang untuk sektor swasta menggunakan sumber-sumber kewangan daripada pasaran tempatan.

Kalau sekiranya Kerajaan terlalu tertumpu kepada sumber kewangan daripada pasaran tempatan, besar kemungkinan apa yang akan berlaku ialah sektor swasta akan kesukaran untuk mendapatkan pinjaman daripada pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan saya untuk menyokong usul mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena dengan Titah Ucapan Baginda pada 25hb Mac yang lalu, Sekian, terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen:
Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah.

5.33 ptg.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Bismillahir-rahmannir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama bangun mengucap atas usul menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapannya di dalam Dewan Parlimen yang mulia pada tanggal 25hb Mac, 1985 baru-baru ini yang mana Titah Ucapannya adalah mencukupi semua aspek jasmani dan rohani, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah "waliulamri" tempat perteduhan semua rakyat jelata yang mana semua golongan rakyat jelata di seluruh Malaysia yang masyarakatnya adalah majmuk wajib dan pasti patuhi kepada apa Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, selama Titah Perintah itu tidak mencanggah kepada titah perintah Tuhan dan Rasul, sebagaimana Titah yang telah pun dilakukan pada tanggal 25hb Mac baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, tujuannya supaya negara Malaysia ini menjadi sebuah negara yang aman, makmur dan adil. Betapa tidak demikian tujuan kerana dalam Titah Ucapannya menitikberatkan kepada beberapa perkara yang penting. Pertama, masalah perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan ini adalah satu perkara yang amat penting di dalam sebuah negara, bahkan di seluruh dunia sehingga Allah s.w.t. berfirman, dengan izin, maksudnya: Wahai sekalian manusia, Kami menjadi akan kamu daripada lelaki dan perempuan, asalanya iaitu daripada

Adam dan Hawa dan Kami jadi akan kamu itu berpuak-puak dan berkabilah, tujuannya supaya dapat kamu kenal-mengenal di antara satu sama lain. Yang paling mulia kamu di sisi Allah ialah yang paling takwa kamu.

Pada satu ayat yang lain, Tuan Yang di-Pertua, Tuhan berfirman maksudnya: Ambil olehmu, wahai Muhammad dengan sikap kemaafan dan perintah olehmu, suruh oleh mu dengan membuat kebaikan dan berpalinglah kamu daripada segala orang-orang yang tidak mengetahui.

Ayat ini Rasulullah s.a.w. menanya akan Jibril a.s. dari takwil dan maksud ayat itu. Berkata Jibril a.s., wahai Muhammad bahawasanya Allah s.w.t. menyuruh akan dikau bahawa angkau menghubungi akan orang-orang yang memutus akan dikau dan engkau memberi akan orang-orang yang memusuhi akan dikau dan angkau memaafkan daripada orang-orang yang menzalimi akan dikau.

Tuan Yang di-Pertua, dengan dua ayat firman Tuhan itu memberi erti bahawasanya perpaduan ini adalah amat penting sekali di dalam Islam dan inilah sebagai senjata kepada satu-satu ummah, untuk menjadi satu ummah yang berdaulat supaya dapat ummah itu menjalankan kehendak dan hasratnya dan supaya dapat melaksanakan atau menjalankan tugas-tugas ke atas diri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kepada orang-orang Islam perpaduan adalah perkara yang wajib di atas tiap diri seseorang muslim. Sehingga Rasulullah s.a.w. bersabda, dengan izin, maksudnya: Orang mukmin bagi orang mukmin yang lain seperti sebuah binaan, meneguh setengahnya akan setengahnya.

Itulah yang dikehendaki oleh Rasulullah s.a.w. tetapi saya amat dukacita kerana ada segolongan masyarakat kita orang Islam yang kononnya mendakwa mereka memperjuangkan Islam, mereka suka membuat perkara-perkara yang membawa kepada perpecahan seperti pulau-memulau, hasut-mengasut. Bahkan melemparkan beberapa fitnah kepada saudara-saudaranya seagama dan sebangsa dan mereka sanggup menuduh mereka sehingga kepada tahap yang paling tinggi sekali yang tidak harus sama sekali terkeluarnya perkataan itu daripada lidah seorang muslim.

Mereka sanggup mengatakan fasik. Mereka sanggup mengatakan kafir. Mereka sanggup mengatakan berbagai-bagai lagi. Pada hal kalaulah benar-benar mereka sebagai seorang pejuang Islam, sebagai seorang yang bertanggungjawab kepada Islam, mereka mesti sedar orang Islam ialah seorang yang menyelamatkan saudaranya daripada lidahnya dan perbuatannya supaya saudara maranya tidak menyakiti. Rasulullah bersabda, "orang Islam itu ialah orang yang menyelamatkan saudaranya daripada lidah dan perbuatannya".

Tuan Yang di-Pertua, sekarang apakah yang mereka taburkan fitnah dan menjualkan kepada seluruh rakyat masalah fasik, masalah kafir sekarang sudah pun reda sedikit tetapi sekarang masalah asabiah. Mereka mengatakan perjuangan Kerajaan yang ada hari ini dengan terus terangnya perjuangan UMNO yang ada pada hari ini ialah perjuangan asabiah. Inilah yang mereka menaburkan fitnah kepada seluruh rakyat jelata yang ada dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuba sama-sama kita renung bagaimanakah asabiah yang dikehendaki oleh Rasulullah s.a.w. yang mana asabiah ini, Rasulullah bersabda, "inilah hadis yang mereka jual seluruh rakyat

terutama di kampung-kampung". Tidak ada daripada golongan kita mereka yang menyeru dan mengajak kepada asabiah, dan tidak ada daripada kita mereka yang berjuang di atas asabiah dan tidak ada daripada kita mereka yang mati di atas asabiah. Tuduhan mereka ini adalah tuduhan yang tidak berasas. Sebab, cuba kita perhatikan kepada satu hadis yang mana seorang lelaki ini para-para sahabat yang berbunyi demikian, "Berkata seorang lelaki, wahai Rasulullah, adakah daripada asabiah bahawa kasih seorang lelaki akan kahwin bangsanya". Perasaan kasih, cinta seorang lelaki kepada kaum bangsanya adakah itu digelarkan asabiah yang dilarang oleh Islam, oleh Rasulullah. "Qala", jawab Rasulullah, "La"-tidak, tidak asabiah, kalaulah lelaki kasih kepada kaum bangsanya. Tetapi yang dinamakan asabiah itu bahawa menolong seorang lelaki itu akan kaum bangsanya di atas kezaliman. Jadi, daripada ini nyatalah kepada kita bahawasanya tuduhan mereka kepada pihak parti Kerajaan yang ada pada hari ini, satu parti yang bersifat asabiah adalah tuduhan yang tidak berasas. Sebab parti kebangsaan ini adalah cinta kasih kepada bangsa yang mana bangsa itu kalaulah orang Melayu adalah Islam yang mana wajib ke atas tiap-tiap seorang itu kasih kepada seorang yang lain sebagaimana dia kasih kepada diri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Rasulullah s.a.w. bersabda pada hadis yang lain, "tidak beriman seseorang kamu sebagai iman yang sempurna hingga ia kasih bagi saudaranya apa yang ia kasih kepada dirinya". Jadi, ini sikap yang dikehendaki oleh Islam, yang dikehendaki oleh Rasulullah dan inilah yang dikehendaki oleh Kerajaan kita. Perpaduan perasaan diri saudara kita adalah diri, begitu juga di antara kita orang Islam dengan orang yang bukan Islam yang mana adalah jiran

tetangga. Mengikut keterangan di dalam hadis: Rasulullah bersabda, sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, "falyakul hairan auliasebut", "maka hendaklah ia bercakap kalau hendak bercakap, cakaplah perkara yang mendatangkan kepada kebaikan dan kebajikan ataupun diam". Kalau tidak ada modal untuk hendak bercakap perkara yang baik nah! Ini sahaja. Kalau benar-benar orang beriman, itu sahaja. Kalau hendak bercakap, cakaplah perkara yang baik. Kalau yang mendatangkan kepada kebajikan, kebaikan dunia dan akhirat. Kalau tidak ada modal-senyap, yang tidak baik dilarang sama sekali: "sesiapa yang beriman dengan Allah dan akhirat", "falyukrim daifah", "maka hendaklah ia memulia akan tetamu". Tetamu mesti kita muliai. Tiga hari adalah hak mereka. Kalaulah tetamu pergi ke rumah kita, tiga hari tiga malam adalah hak mereka. Kita mesti layan kepada mereka dengan sempurna sekadar kemampuan kita. Ini membuktikan kepada sikap perpaduan: "sesiapa yang beriman dengan Allah dan akhirat," kata Rasulullah, "palyukrim jarah", "maka hendaklah ia memuliai akan jiran tetangga". Mengikut fisilah, jiran tetangga di dalam Islam yang telah diijmak oleh ulama 40 buah rumah, 4 tapak, jadi ertinya 160 buah rumah. Kalau kita duduk di bandar atau di kampung boleh kata seluruh Kuala Lumpur ini adalah jiran semua. Jadi ertinya semuanya berjiran. Apabila jiran, mesti kita kena menghormati, kita mesti kena memeliharai.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Baginda Yang di-Pertua Agong pada mukasurat 2 "Sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara, Kerajaan kita sentiasa mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran". Dalam soal ini kita sedar Titah Yang di-Pertuan Agong bahawa ada pihak-pihak yang

tersalah faham dan ada pula yang curiga terhadap langkah-langkah ini.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang Pertua, saya suka menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya sikap tersalah faham dan curiga itu akan hilang di sanubari hati kecil orang-orang yang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Islam bukan agama untuk satu bangsa sahaja, bukan agama satu golongan sahaja, bahkan agama kepada seluruh manusia. Seperti Tuhan sendiri berfirman, yang bermaksud: Tidak Kami utus akan dikau wahai Muhammad menjadi Rasul, melainkan kepada sekalian manusia, semua manusia, dengan keadaan memberitahu kesukaan dan memberitahu akibat yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, lagi pula Islam ini ialah agama yang membawa kepada rahmat dan kebaikan, seperti Firman Allah yang bermaksud: Tidak Kami utus akan dikau wahai Muhammad, melainkan rahmat bagi sekalian alam (bukan kepada sekalian orang Islam), sekalian alam termasuk semua manusia bahkan benda-benda makhluk yang lain pun termasuk.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikiari saya berseru kepada semua rakyat jelata yang berada di dalam Malaysia ini tidak kira apa bangsa dan agama, marilah sama-sama kita amalkan tunjuk ajar yang diajar oleh agama kerana tiap-tiap perkara yang diajar oleh agama sama ada perkara yang disuruh bekerja atau dilarang bekerja, semuanya adalah membawa kepada kebaikan dan kebajikan kepada orang-orang yang mengamalkannya.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, kepada para belia dan para pelajar-pelajar sekalian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong mengingatkan para belia dan pelajar-pelajar bahawa kemerdekaan,

pembangunan dan kemajuan yang telah kita capai adalah hasil semangat cintakan negara yang mana cintakan negara adalah setengah daripada iman. Sebagaimana Rasullullah bersabda: "Khubbulwatan minaliman".

Oleh itu saya berseru kepada belia-belie dan pelajar-pelajar supaya berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin kita yang telah berjaya untuk menumpaskan Malayan Union dan dapat melepaskan negara kita ini daripada dijajah serta dapat pula sedikit sebanyak membangunkan negara ini dan rakyat jelata sehingga ramai daripada golongan belia dan pelajar kita dapat melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang tinggi. Ini adalah hasil daripada usaha bersungguh-sungguh dan jujur daripada pemimpin-pemimpin kita yang mana mesti kita kenangkan jasa mereka ini. Kalau kita tidak kenangkan jasa pemimpin kita bererti kita tidak kenangkan jasa Allah, sebagaimana kita telah mendengar beberapa kali daripada Hadis Rasullullah s.a.w. yang bermaksud: Sesiapa yang tidak terima kasih akan manusia, ia tidak terima kasih juga akan Allah. Kalaulah tidak terima kasih akan Allah, kalaulah kamu ingkar akan nikmat Aku, azab Aku bersabatan akan tidak kamu dapat menanggung.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri kita mengharapkan supaya semua golongan rakyat mengamalkan sikap "Bersih, Cekap dan Amanah". Ini adalah satu falsafah, satu perkara yang amat penting sekali kepada seluruh rakyat jelata daripada setinggi-tinggi golongan sehingga kepada serendah-rendah golongan. Sebab sikap "Cekap" ini adalah satu sikap yang digalakkan oleh Islam, yang disuruh oleh Islam. Kalau kita berhati dengan secara teliti, Allah s.w.t. berfirman,

yang bermaksud: Sesudah kamu menunaikan sembahyang ibadat, maka kamu mesti pergi terus kepada bumi. Apa yang saya hendak bincang, mengikut kaedah, kalau Tuhan berfirman, mengikut kaedah Arab, serta-merta - ertinya jangan lengah-lengah lagi, jangan main-main lagi. Selepas sahaja menunaikan fardu terhadap Tuhan, mesti kamu bekerja untuk diri, jangan pergi main-main sahaja. Walhal ini mengikut kaedah.

Kalaulah kita seorang Kerani terpaksa kita jangan lengah lagi, selepas daripada kita menunaikan fardu, terus pergi ke pejabat sambil berkerja terus, jangan kita berbual-bual kosong. Terus kita menjalankan tugas kita. Sebab itulah yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. Lagipun Baginda Rasullullah s.a.w. sentiasa memohon kepada Allah s.w.t. semoga Allah melindungi diri beliau daripada sifat pemalas dan sifat lemah. Dengan memohon, "wahai Tuhanku, aku minta perlindungan Dikau dari sifat lemah dan pemalas". Ertinya sifat lemah dan pemalas ini adalah sifat yang tidak diredhai oleh Islam. Jadi dengan sebab itulah kalaulah semua rakyat jelata daripada setinggi-tinggi, daripada Menteri sampai kepada petani bersikap dengan cekap, insya Allah problem yang dibangkitkan dalam Dewan ini tidak akan timbul, dapat menyelesaikan semua masalah. Begitu juga masalah amanah. Ini pun adalah perkara penting.

Sebagaimana yang kita maklum, sifat amanah, amanah ini adalah satu sifat yang ada di dalam jiwa seseorang yang dengan sifat itulah dapat manusia ini menunaikan tanggungjawabnya dengan sempurna. Dan dengan sifat inilah seseorang manusia itu dapat menahan diri dia daripada mengerjakan dan menunaikan perkara yang tidak patut dikerjakan, lebih-lebih lagi perkara yang dilarang oleh Allah s.w.t. ini adalah sifat amanah.

Kalaulah semua golongan rakyat jelata yang ada di dalam negara ini bersifat amanah, insya Allah tidak ada timbul beberapa masalah curi-mencuri, suap-menyuap dan ambil-mengambil sebagaimana yang selalu timbulnya dalam masyarakat kita di dalam Malaysia ini, oleh kerana tidak ada sifat amanah. Inilah yang dikehendaki oleh pemimpin kita dan dikehendaki oleh Islam. Sebab, kalau kita kaji kenapa perjuangan segala Rasul adalah berjaya. Cuba kita kaji. Tidak ada seorang Rasul yang diutus oleh Allah Taala ke alam dunia ini untuk memimpin ummah gagal menjalankan kepimpinannya, Tidak ada, semuanya berjaya. Padahal kalau kita tilik kepada latar belakang tiap-tiap seorang Rasul adalah orang daif, dalam segi harta-bendanya, miskin, yatim, dalam segi ilmu pengetahuan pun tidak tinggi, apatah lagi dari segi kekuatan yang mana pula diutus untuk mengajak dan menyeru kepada semua Kerajaan yang tidak adil ataupun yang zalim.

Umpamanya katakanlah diutuskan Nabi Musa a.s. di zaman Firaun yang sanggup mengaku dirinya adalah Tuhan. Tetap akhir-akhirnya Nabi Musa a.s. dapat berjaya, begitulah seterusnya. Kenapa? Ini adalah perkara penting sebab kebanyakan kita adalah golongan pemimpin yang mana kita kalau boleh, kita akan dapat mempertahankan apa yang telah pun kita didik, ertinya kita dapat mempertahankan negara kita dan dapat kita mengisikan negara kita ini dengan seberapa perkara yang dapat kita upayakan. Kalau kita soal kenapa mereka ini berjaya? Tidak lain, iaitu oleh kerana mereka ini ada empat sifat kepada mereka. Pertama, mereka bersifat siddiq, dengan benar, tubuh mereka bersifat dengan benar. Yang kedua, amanah, ada kepada mereka? Yang ketiganya bijaksana, berjalan mengikut peraturan, bijaksana. Yang keempatnya, iaitu tabligh,

menyampai, menasihati, memberitahu mengajar kepada seluruh umat.

Dengan sebab empat sifat ini adalah sifat yang wajib bagi Rasul, dengan sebab itulah segala perjuangan mereka adalah berjaya. Dengan sebab itulah pihak pemimpin kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, orang yang bertanggungjawab sekarang kepada negara ini menyeru rakyat mesti bersikap dengan amanah jujur. Sikap cekap, amanah, bersih. Ini pun satu perkara yang amat, kalau kita bercakap mudah tetapi mengamalkan itu payah.

Bersih, bukan setakat bersih yang dikehendakki itu sebagaimana bersihnya permaidani ini. Ini pun satu daripada yang dikehendaki. Itu dikatakan bersih lahiriah. Pakaian kita bersih, tempat duduk kita bersih, halaman kita bersih, kampung kita bersih, negeri kita bersih, negara kita bersih. Ini dinamakan bersih lahiriah, bersih zahiriah. Ini pun dikehendaki oleh Islam. Tetapi yang lebih pentingnya ialah bersih jiwa. Inilah perkara yang paling penting sekali, bersih jiwa. Setidak-tidaknya kita kenal kita ini siapa. Ini pun susah. Setengah, dia tidak kenal siapakah saya ini. Ini susah. Sebab yang timbul dalam masalah tempat-tempat belajar tinggi, timbulnya rusuhan, timbulnya tidak puas hati, timbulnya segala-gala kerana mereka tidak mengenal siapakah mereka ini. Di manakah mereka berada sekarang? Siapakah yang menghantar mereka? Mereka tidak sedar. Inilah yang susah sekali. Sudah ada segolongan manusia yang tidak bertanggungjawab yang jiwanya kotor, tidak bersih, menghasut, membakar semangatnya sedikit sahaja, mereka lupa kepada orang yang mendidik, orang yang menjaga mereka dan tidak sedar mereka itu adalah siapa. Ini yang susah. Sebab inilah sifat "hubbulwatan minaliman". Penting ini. Ini amat penting sekali.

Kasih kepada tanah air setengah daripada iman. Ertinya benda penting. Sebab kalau dia tanya, "awak bangsa apa?" "Saya bangsa Melayu". "Di mana tempat tumpah darah awak? Sekarang awak duduk di mana?" Apabila awak balik di mana awak hendak duduk. Kalau awak mati di mana kubur akan dikebumikan awak? Begitu juga kepada orang lain, orang yang bukan Melayu. Betullah awak bangsa lain, tetapi awak beranak di mana, awak rakyat mana, awak duduk di mana, adakah negara lain selain daripada Malaysia kepada awak? Kalau awak sedar, awak adalah anak Malaysia. Maju mundurnya Malaysia saya orang yang bertanggungjawab.

Adakah pelajar-pelajar, belia-belua kita tidak sedar. Adakah pemimpin-pemimpin yang ada sekarang kata orang tua jadi tongkat lagi, tidak akan mati, tidak akan berhenti? Jawapannya tidak. Mustahil. Firman Allah yang bermaksud: Maka apabila telah datang waktunya mereka tidak dapat mengundurkannya barang sesaatpun dan tidak dapat dicepatkan. Tetapi selepas daripada pemimpin-pemimpin yang ada siapa pula yang akan menggantikannya? Mengikuti seorang ahli falsafah Sheikh Zamandali, dengan izin, dia kata pendapat dia "sesiapa yang menuntut sesuatu perkara sebelum daripada masanya, didinding akan dia daripada mendapatnya". Ertinya tidak akan dapat. Umpama kita katakanlah anaka-anak kita sekarang yang ada dibangku sekolah, sekarang telah pun bermain politik, telah sanggup mengecam bapanya. Ada setengah anak UMNO sendiri mengecam ayahnya. Mengatakan ayah silap! Mereka tidak sedar, kalau ayah mati siapa yang akan menerima pesaka? Dia mesti sedar keadaan ini. Kita mesti sedar, kita mesti menyerang.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pendapat saya, saya tidak mahu menyalahkan kepada mana-mana

pihak tetapi kalau kita soal kenapakah pihak Pembangkang dapat menyeludup dengan anak-anak kita yang sedang menuntut di England, di Amerika sana, kenapa? Kenapa kita sebagai Kerajaan tidak dapat pergi? Ini masalah. Kalau sebab ini sahaja, saya tidak marah. Seorang parti Pembangkang yang selalu meminta sedekah daripada rakyat, apabila ceramah buat tukir-derma. derma. derma sebab hendak menyambung perjuangannya. Tetapi mereka sanggup tiga empat kali setahun pergi ke Amerika, pergi ke England, pergi berjumpa dengan anak-anak kita yang menuntut di sana. Tetapi kita sebagai Kerajaan, kita sebagai pemimpin, kita sebagai bapa, kenapa tidak berbuat demikian. Kemungkinan besar kesilapan ini berpunca daripada kita.

Dengan sebab ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat berharap kepada Kerajaan kita mengulang kaji dan menghantarkan orang-orang yang bijak duduk di sana, beri kursus dan beri penerangan, rayu dan ajak anak-anak kita dan kita mesti tahan supaya anak-anak kita tidak lagi akan digunakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Kalau mengikut peraturan kita jadi pemerintah ini, kalau mengikut setengah daripada ulamak yang dulu-dulu dia kata "jangan lembut sangat sehingga dapat dilipat", "jangan keras sangat sehingga berbidas". Ini nampaknya lembut sangat. Orang kata kafir pun senyum, orang kata fasikpun senyum, orang lempar gambar pun, saya tidak boleh kata apa. demikian dalam suratkhobar hari ini. Jadi apa ini? Maafilah, Tuan Yang di-Pertua, kita sokonglah yang baik itu, tetapi takkanlah sampai dilipatpun tahan.

Kita tengok Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri kita kala dalam suratkhobar hari ini "ikut awak hendak buatlah, apa awak hendak buat". Kalaulah macam ini sikap. inilah pengharapan dan kehendak

mereka. Sekarang sedap mereka buat, kerana mereka yakin bahawa pemimpin-pemimpin kita tidak akan bertindak. Cuba kita main sekali, tengok. Gomol kepala jangan ambil sayap! Gomol kepala ambil Terengganu seekor, Kedah seekor, di Pulau Pinang seekor tiga, kita gantung lepas itu senyaplah. Ini biak pi-lah, biak pi-lah. Akibatnya kitalah akan teruk.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, kita berharaplah kepada semua golongan rakyat kita yang berada daripada setinggi-tinggi dan sehingga sampai kepada serendah-rendah, marilah sama-sama kita membersihkan jiwa kita zahir dan batin dan marilah kita sama-sama kita berusaha dan berikhtiar semoga kita dapat mengatasi segala perkara-perkara yang sedang berlaku ke atas kita. Sebab cita-cita kita banyak lagi. Tanggungjawab kita amat jauh lagi kepada matlamat. Kalau kita kira tanggungjawab kita sebagai satu bangsa yang berdaulat, hasrat, kehendak hati kecil tiap-tiap seorang kalau kita kira barangkali satu per empat pun belum sampai lagi kepada tahap yang kita kehendaki di dalam serba-serbi, bukan di dalam satu segi.

Jadi, kalaulah kita biar, kita tumpu fikiran kita, kita tumpu tenaga kita kepada orang yang hendak merosakkan negara ini kalau kita biar begitu, kitalah yang lambat sampai kepada matlamat yang kita kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira beberapa kesedaran boleh dikatakan pada kebanyakannya kita memberi kursus demi kursus, penerangan demi penerangan, syarahan demi syarahan kebanyakannya kepada orang yang nombor 3 ataupun nombor 4. Barangkali kemungkinan orang yang nombor 3 yang duduk di luar bandar ataupun di bandar kemungkinan sedar tetapi barangkali jarang kita memberi penerangan dengan jelas dan kursus kepada orang yang kelas 1 ataupun

kelas 2. Ini pun perkara penting, sebab kita ini ummah yang tidak ada sifat musmah. Rasul tak apa, Rasul ada sifat pemeliharaan. Ertinya, tiap-tiap seorang Rasul dipelihara dan dikawal oleh Tuhan sendiri, sebab itu mereka tidak terjebak dengan perkara yang tidak diredai. Mereka tidak cuai tanggungjawab, mereka tidak membuat perkara yang mungkar, mereka tidak kerja perkara yang tidak baik sebab diri mereka dikawal. Tiap-tiap Rasul semuanya dikawal tetapi selain daripada Rasul tidak ada pengawalan ini. Apabila tidak ada pengawalan, sebab itulah Nabi bersabda, ertinya: Agama itu ialah nasihat; memberi ajar, tegur, pelajaran, nasihat, beri kursus, begitu begini. Jadi, yang kita amal sivik tak sivik, apa tak apapun kepada orang yang kelas 3, tetapi kepada kelas 2 pun tak buat, apatah lagi kalau kelas 1. Bukannya apa-apa dibimbang, takut jadi terlupa. Sebab manusia, apabila sebut manusia ialah sifat pelupa itu adalah sifat asliah kepada manusia. Tidak dinamakan manusia itu manusia. melainkan kerana ada sifat pelupunya. Itu dia.

Jadi dengan sebab itulah kalau boleh kalau tidak kelas 1 pun patutlah kita mengadakan kelas 2 ini sebagai Pegawai Ketua Kementerian, Ketua Setiausaha kita beri kursus, beri ilmu pengetahuan secara agama cara umum biar dia taham segala-galanya benda tanggungjawab. Ini tanggungjawab. Kalaulah benar-benar kita hendak melihat rakyat kita menjadi rakyat yang dikasihi, rakyat yang disegani, rakyat yang dimalui oleh orang lain, mesti perkara ini tidak boleh lari, ini tanggungjawab, tidak boleh lari. Kalau tidak. Rasulullah tidak bersabda, ertinya: Belajarlah kamu akan ilmu pengetahuan daripada masa ayunan lagi sehingga ke liang lahat. Kenapa begitu lama Rasulullah memaksa ummah? Ertinya ummah manusiu mesti sentiasa kena menerima nasihat, pengajaran, memberi kursus

dan sebagainya. Sebab belajarlah kamu akan ilmu daripada masa ayunan sehingga ke liang lahat, sebab manusia kalau tidak dengan diberi nasihat. dia ada sifat pelupa dan dia terlupa lalat bolehlah, sebab kita "karit", orang Kelantan kata "karit" berasa pelik. Kalau salah sekerat guni pasir, Tok Penghulu kurang sedikit kalau diberi pun kecut kata Tok Penghulu. 500,000. 600,000 kepada pegawai lesap, hak yang makan besar, ikan besarlah. Orang yang kita harap, orang yang kita amanah, orang yang kita serah amanah negara kepada mereka, tetapi manusia dia lupa. Fasal apa lupa? Fasal kita tidak beri kursus dan tidak beri apa kepada dia. Jadi, mula-mula ini tak apalah, mula-mula ini sain belaka, mula-mula hendak kerja ini berapa sahaja syarat semua terima belaka-100% kata, tak apalah Datuk, lak apalah Encik, hendak hantar saya naik bukit pun tak apalah, boleh sahaja. Anak saya tak boleh hantar nun ke Sabah, kena hantar ke rumah, hendak bersekolah dekat rumah, tak bertanggungjawablah itu, ertinya tidak sedar.

Dengan sebab itulah. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangatlah berharap kalau tidak berat, kebetulan pada petang ini Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab penuh kalau boleh, kalau tak berat cubalah sama-sama kita berfikir dan mencari jalan supaya dapat kita mengawali. supaya dapat kita mengajak saudara-mara kita daripada golongan 1, 2, 3 ini kepada sifat kesempurnaan. Insya Allah, kalaulah begitu dapat sama-sama kita mengerjakan, insya Allah rakyat Malaysia kita akan mendapat keredaan daripada Allah taala dan menjadilah sebuah negeri yang makmur yang dikehendaki oleh Tuhan.

Saya rasa itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua ucapan saya pada pelang ini dan buat mengakhirinya saya dengan

sukacitanya menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, wabillahi taufik assalamu alaikum warahmalullahi taala wabarakatuh.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim Abang Haji Mohideen:
Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh

kerana masa bagi kita membahaskan sudahpun cukup, maka Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 17hb April, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.